

TAJUK 1: SURAH AT TAUBAH AYAT 6 **LAYANAN YANG BAIK TERHADAP MEREKA YANG BERMINAT DENGAN ISLAM**

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

6. Dan jika seorang diantara orang-orang musyrikin itu meminta perlindungan kepadamu, Maka lindungilah ia supaya ia sempat mendengar firman Allah, Kemudian antarkanlah ia ketempat yang aman baginya. demikian itu disebabkan mereka kaum yang tidak Mengetahui.

1.1 PENGERTIAN AYAT

Dan jika terdapat seorang di kalangan orang musyrikin itu meminta perlindungan daripada kamu, maka lindungilah dia agar dia sempat mendengar ayat-ayat Allah. Kemudian letakkanlah dia di tempat-tempat yang aman baginya. Demikian itu disebabkan mereka kaum yang tidak mengetahui.

1.2. HURAIAN AYAT

- Dalam golongan ,anusia terdapat dua golongan yang berbeza dari segi anutan dan kepercayaan iaitu yang menyembah Allah dan golongan kfir iritu yang tidak menyembah Allah
- Umat Islam perlu berusaha untuk menarik minat orang bukan Islam menganut agama Islam

1.3 TANGGUNGJAWAB TERHADAP ORANG KAFIR YANG MENINTA PERLINDUNGAN

- Memberi perlindungan kepada mereka
- Menyediakan tempat tinggal yang selamat
- Menyampaikan seruan agama Islam kepada mereka

1.4 PENGERTIAN DAKWAH

Mengajak atau menyeru manusia pada jalan yang benar iaitu jalan yang diredhai Allah dengan penuh kebijaksanaan supaya mereka melakukan perkara-perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang tidak baik.

1.5 CARA ATAU USLUB DAKWAH

- Dengan hikmah iaitu menerangkan kebenaran agama Islam dengan kebijaksanaan selaras dengan kemampuan akal fikiran orang tersebut
- Dengan nasihat yang baik iaitu memberi bimbingan dan nasihat yang berguna kepada mereka
- Melalui perbincangan iaitu mengadakan perbahasan yang baik dengan mereka, forum, ceramah dan sebagainya

1.6 SALURAN DAKWAH

- Bil Lisan iaitu melalui percakapan sama ada berbentuk ceramah, forum, nasyid dan sebagainya
- Bil Kitabah (Media massa) sama ada media cetak atau media elektronik seperti penulisan buku-buku, majalah , akhbar dan lain-lain. Media elektronik seperti TV, Radio, Komputer dan lain-lain
- Dengan menunjukkan perlakuan dan akhlak yang baik kepada bukan Islam.

1.7 SIFAT-SIFAT PENDAKWAH

- Mempunyai semangat jihad yang tinggi dan tidak mudah putus asa sekiranya dakwah tidak diterima
- Berakhlak mulia yang boleh menjadi contoh kepada orang lain
- Mempunyai ilmu tentang cara berdakwah dan pengetahuan agama Islam
- Sabar dan tabah dalam menghadapi segala dugaan dan cabaran

1.8 KEPERLUAN BERDAKWAH KEPADA BUKAN ISLAM

- Menarik orang ramai untuk memeluk agama Islam
- Membuktikan bahawa agama Islam adalah agama yang sesuai dengan semua manusia
- Membuktikan agama Islam adalah agama yang benar dan terbaik
- Memastikan syiar Islam tertegak di atas muka bumi

1.9 KEPERLUAN BERDAKWAH KEPADA ORANG ISLAM

- Meningkatkan kefahaman Islam dikalangan umat Islam dengan lebih baik
- Masih terdapat orang-orang Islam yang melakukan perkara yang dilarang dan bertentangan dengan ajaran Islam
- Orang Islam masih lagi belum melaksanakan syariat Islam dengan sepenuhnya dalam kehidupan
- Supaya orang Islam dapat mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan.

1.10 KESAN PENYEBARAN ISLAM

- Orang yang memeluk Islam makin bertambah
- Orang bukan Islam sudah mula memahami ajaran Islam
- Orang Islam mula mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka
- Tempat pengajian Islam semakin banyak dan mendapat perhatian masyarakat
- Banyak kegiatan agama di wujudkan di merata-rata tempat

1.11 TANGGUNGJAWAB PELAJAR KEPADA RAKAN BUKAN ISLAM

- Menjelaskan kebaikan dan keindahan agama Islam kepada mereka
- Mengadakan perbincangan yang baik dengan rakan-rakan
- Menunjukkan contoh teladan yang baik kepada rakan bukan Islam
- Mengambil berat tentang masalah dan kebajikan mereka

TAJUK 2: SURAH AT TAUBAH AYAT 128 – 129

NABI MUHAMMAD UTUSAN ALLAH

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا

إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

128. Sungguh Telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi Penyayang terhadap orang-orang mukmin.

129. Jika mereka berpaling (dari keimanan), Maka Katakanlah: "Cukuplah Allah bagiKu; tidak ada Tuhan selain Dia. Hanya kepada-Nya Aku bertawakkal dan dia adalah Tuhan yang memiliki 'Arsy yang agung".

2.1 INTISARI AYAT

Rasulullah merupakan manusia biasa yang dilantik untuk menyeru dan membimbing manusia pada jalan yang benar. Baginda mempunyai akhlak yang mulia dan sangat mengambil berat kebajikan umatnya. Baginda berharap agar umatnya beriman kepada Allah dan sama-sama menyebarkan dakwah. Allah sentiasa bersama baginda dalam semua perkara

2.2 TANGGUNGJAWAB RASUL

- Menyeru manusia supaya mentahidkan Allah dan meninggalkan segala kepercayaan agama lain
- Menyeru manusia supaya mematuhi segala perintah Allah dan meninggalkan larangannya
- Membentuk akhlak manusia kepada akhlak yang mulia sesuai dengan fitrah manusia yang gemarkan kebaikan
- Mengajar cara-cara menyembah Allah yang betul dan mengikut syariatNya
- Mengajarkan cara hidup yang mempunyai sistem dan peraturan kepada manusia
- Menjadi contoh tauladan kepada manusia lain

2.3 SEBAB-SEBAB MANUSIA MEMERLUKAN RASUL

- Akal manusia terbatas dan tidak dapat mengetahui perkara diluar kemampuan akal seperti perkara ghaib dan kehidupan selepas mati
- Akal fikiran manusia tidak dapat membezakan hakikat sebenar kebaikan dan keburukan sesuatu perkara tanpa panduan daripada Rasul
- Rasul perlu menjelaskan dengan lebih tepat dan jelas wahyu-wahyu yang diturunkan oleh Allah

2.4 KELEBIHAN-KELEBIHAN RASUL

- Maksud : iaitu Rasul terpelihara dari segala dosa dan maksiat demi menjaga martabat sebagai utusan Allah dan untuk melahirkan umat manusia kepada rasul
- Mukjizat : iaitu perkara luar biasa yang berlaku ke atas nabi dan Rasul dengan keizinan Allah dalam membantu nabi dan Rasul menjalankan tugas sebagai utusan Allah

2.5 TUJUAN DIKURNIAKAN SIFAT MAKSUD

- Untuk menjadi tauladan kepada orang ramai melalui sifat-sifat mulia yang dimilikinya
- Sebagai pemimpin rasul perlu mempunyai akhlak yang mulia untuk diteladani oleh orang lain
- Untuk menjaga kewibawaan baginda sebagai pesuruh Allah untuk penghormatan orang lain terhadap rasul

2.6 TUJUAN DIKURNIAKAN MUKJIZAT

- Bagi membuktikan kebenaran dirinya sebagai utusan Allah
- Sebagai senjata untuk menentang musuh-musuhnya
- Untuk menarik minat orang ramai supaya yakin dan menerima ajaran Allah.

2.7 CIRI-CIRI KEPIMPINAN RASULULLAH

- Mempunyai akhlak yang mulia untuk menjadi contoh kepada orang ramai

- Berani menegakkan kebenaran dalam menegakkan syiar Islam serta tidak gentar menghadapi tentangan dan cabaran dari pihak musuh
- Bijak berpolitik sebagaimana sikap dan keputusan baginda dalam perjanjian Hudaibiah yang mana ada syarat yang lebih berat kepada musuh Islam tetapi sebenarnya mempunyai hikmat yang tersendiri
- Kasih sayang sesama manusia dan makhluk Allah yang lain
- Bersifat pemaaf dan penyabar, baginda bersedia memaafkan orang-orang kafir dan mendoakan kesejahteraan dan keselamatan mereka
- Bersifat tawaduk iaitu sifat rendah diri sesama Islam dan bersedia menerima pendapat orang lain
- Istiqamah iaitu mempunyai pendirian yang teguh dalam melaksanakan syariat dan menjalankan dakwah
- Tawakal iaitu sentiasa berserah diri kepada Allah dalam setiap usaha yang dilakukan oleh baginda dan menerima ketentuan Allah dengan Redha.

2.8 SIFAT-SIFAT PARA RASUL

- Siddiq bermaksud benar. Ini bermakna para rasul yang menerima wahyu daripada Allah sentiasa bersifat benar dan tidak pernah berbohong kepada manusia
- Amanah beerti penuh kejujuran. Menunjukkan bahawa para rasul sentiasa bersikap amanah dalam menyampaikan risalah Allah
- Tabligh beerti menyampaikan. Menunjukkan para rasul sentiasa menunaikan tanggungjawab menyampaikan ajaran Allah walaupun mendapat tentangan
- Fatanah beerti bijaksana. Keperibadian utusan Allah yang menyebarkan risalah Allah memerlukan seorang yang bijaksana dan berpandangan jauh untuk memastikan risalah tersebar

2.9 TAWAKAL DALAM CIRI KEJAYAAN DAKWAH RASUL

- Tawakal bermaksud berserah atau meletakkan harapan kepada Allah setelah melakukan sesuatu perkara dengan penuh kesungguhan
- Allah sentiasa meminta hambaNya agar sentiasa bertawakal dalam apa sahaja amal perbuatan sebagai bukti keimanan kepada Allah
- Bertawakal tanpa melakukan usaha terlebih dahulu merupakan satu konsep yang berlawanan dengan tawakal yang digariskan dalam Islam.

2.10 PENGAJARAN AYAT

- Allah mengutuskan rasul di kalangan manusia sebagai bukti bahawa Islam mampu dilaksanakan oleh semua manusia
- Kita hendaklah mengamalkan sunnah Rasulullah dalam kehidupan
- Bertawakal kepada Allah adalah asas kejayaan dalam dakwah
- Kita berkewajipan membuktikan kasih sayang kepada Rasulullah dengan memperbanyakkan selawat kepada Baginda

TAJUK 3: SURAH AN NUR AYAT 30 – 31
BATASAN PERGAULAN

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ۗ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۗ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرَ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۗ مِنْ زِينَتِهِنَّ ۗ وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ ۗ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

30. Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih Suci bagi mereka, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang mereka perbuat".

31. Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung kedadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau Saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita islam, atau budak- budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.

3.1 INTISARI AYAT

Menutup aurat dan menjaga kehormatan diri adalah menjadi kewajiban ke atas setiap individu muslim sama ada lelaki atau perempuan. Umat Islam juga dilarang melihat perkara yang diharamkan dalam Islam. Kita hendaklah sentiasa bertaubat di atas segala kesalahan yang dilakukan.

3.2 PENGERTIAN AURAT

Bahagian tubuh badan yang wajib dilindungi daripada dilihat oleh golongan bukan mahram.

Aurat wajib dilindungi dengan cara memakai pakaian yang menutup aurat

3.3 HAD-HAD AURAT

Lelaki

Antara pusat dan lutut sama ada ketika bersama perempuan ajnabi, perempuan mahram dan dengan lelaki lain

Perempuan

- Seluruh anggota tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan ketika bersama lelaki bukan mahram dan perempuan bukan Islam
- Antara pusat dan lutut ketika bersama mahram dan sesama perempuan

3.4 KEBAIKAN MENUTUP AURAT

- Kehormatan diri dan maruah terjaga
- Mengelakkan dari berlakunya perkara yang tidak diinginkan
- Menghindarkan diri dari terjerumus ke arah perbuatan tidak baik
- Akan dihormati dan dipandang mulia oleh orang lain
- Melambangkan peribadi muslim sejati

3.5 KEBURUKAN MENDEDAHKAN AURAT

- Mencemarkan kehormatan dan maruah diri
- Mendorong kepada berlakunya perkara tidak baik
- Tidak disegani oleh masyarakat
- Akan menjadi ejekan dan kesukaan orang lain

3.6 ETIKA PAKAIAN MENURUT ISLAM

- Pakaian yang kemas dan bersih
- Menutup aurat
- Bukan dari jenis yang diharamkan
- Berpakaian mengikut kemampuan masing-masing
- Bersesuaian dengan iklim dan cuaca setempat
- Memakai perhiasan yang tidak keterlaluan
- Warna dan fesyen tidak menimbulkan fitnah terhadap masyarakat
- Bagi perempuan melabuhkan tudung sehingga menutupi bahagian dada

3.7 PAKAIAN YANG DIHARAMKAN

BAGI LELAKI

- Pakaian yang dibuat dari sutera
- Barang perhiasan dari emas
- Menyerupai kaum wanita
- Bertujuan menunjuk-nunjuk atau bermegah
- Menyerupai atau melambangkan agama lain

BAGI PEREMPUAN

- Memakai pakaian yang menampakkan bentuk badan dan nipis
- Bertujuan menunjuk-nunjuk atau bermegah-megah
- Menyerupai pakaian lelaki
- Pakaian yang terlalu ketat
- Menyerupai atau menjadi lambang agama lain

3.8 KEADAAN YANG DIBENARKAN MELIHAT AURAT ORANG LAIN

Kita dibenarkan melihat aurat orang lain dalam keadaan yang diharuskan atau darurat seperti doktor melihat aurat pesakit. Bagi tujuan rawatan dan sebagainya.

3.9 CARA MENJAGA KEHORMATAN DIRI

- Menutup aurat
- Berakhlak dengan akhlak yang mulia
- Meninggalkan segala kemungkaran
- Menjauhi perbuatan yang membahayakan diri sendiri
- Melakukan amal kebajikan

3.10 ADAB-ADAB PERGAULAN

- Memberikan salam sebelum masuk ke bilik atau rumah orang lain
- Jangan menjenguk ke tingkap rumah orang apabila melintasi rumah tersebut
- Meminta izin memasuki bilik bukan sahaja terhadap orang lain bahkan merangkumi bilik ibu bapa dan adik beradik khususnya adik beradik perempuan

- Islam tidak membenarkan lelaki dan wanita bersendirian selain dari suami isteri atau mahramnya untuk mengelakkan fitnah
- Sekiranya perlu pertemuan antara lelaki dan perempuan, perlulah menjaga batas-batas syarak dan di tempat terbuka
- Wanita Islam dilatag bermusafir sendirian tanpa mahram atau pun bermusafir dengan bukan mahram

TAJUK 4 : SURAH ANNUR AYAT 35 (AH) HIDAYAH ALLAH

﴿ اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۚ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۚ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ۖ نُورٌ عَلَى نُورٍ ۗ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ ۖ مَنْ يَشَاءُ ۗ وَبَضْرُبِ اللَّهِ الْأَمْثَلُ لِلنَّاسِ ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۝﴾

35. Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. perumpamaan cahaya Allah, adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus [1039], yang di dalamnya ada Pelita besar. Pelita itu di dalam kaca (dan) kaca itu seakan-akan bintang (yang bercahaya) seperti mutiara, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang berkahnya, (yaitu) pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah timur (sesuatu) dan tidak pula di sebelah barat(nya) [1040], yang minyaknya (saja) hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis), Allah membimbing kepada cahaya-Nya siapa yang dia kehendaki, dan Allah memperbuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia, dan Allah Maha mengetahui segala sesuatu.

[1039] yang dimaksud lubang yang tidak tembus (misykat) ialah suatu lobang di dinding rumah yang tidak tembus sampai kesebelahnya, Biasanya digunakan untuk tempat lampu, atau barang-barang lain.

[1040] Maksudnya: pohon zaitun itu tumbuh di puncak bukit ia dapat sinar matahari baik di waktu matahari terbit maupun di waktu matahari akan terbenam, sehingga pohonnya subur dan buahnya menghasilkan minyak yang baik.

4.1 INTISARI AYAT

Nur dan hidayah Allah dikurniakan untuk menerangi hati orang yang beriman. Ianya diibaratkan seperti sebuah lampu yang terletak dalam sebuah bekas kaca. Cahayanya akan memencar dengan terang dalam gelap gelita. Orang yang mendapat hidayah Allah akan menerima syariat Allah dalam Al Qur'an untuk mengurus hidup dengan sempurna.

4.2 JENIS-JENIS HIDAYAH

- Hidayah Gharizah : Naluri semulajadi manusia yang wujud sejak dilahirkan
- Hidayah pancaindera : Manusia boleh membezakan sesuatu melalui pancaindera yang dikurniakan oleh Allah
- Hidayah Akal fikiran : Dapat berfikir secara waras dengan menggunakan akal fikiran
- Hidayah agama : Menyelamatkan seseorang dari kesesatan kepada kebenaran.
- Hidayah taufik : Hidayah ini dikurniakan oleh Allah kepada sesiapa yang dikehendaki

4.3 CARA MENDAPATKAN HIDAYAH

- Dengan ilmu pengetahuan kerana orang yang berilmu tahu membezakan antara yang baik dan buruk, antara yang hak dan batil
- Dengan mengamalkan ilmu yang dipelajari kerana ilmu dan amal dapat membentuk seseorang menjadi hamba yang soleh

- Zikirullah kerana hati yang sentiasa mengingati Allah akan menjadi lembut dan mudah menerima kebenaran.

4.4 HALANGAN DARIPADA MEMPEROLEHI HIDAYAH

- Terus berada dalam kejahilan
- Tidak berusaha menuntut ilmu
- Tidak beramal dengan ilmu
- Bersikap sombong dan tidak mahu menerima kelemahan diri
- Melakukan maksiat
- Makan makanan yang haram

4.5 BUKTI AL QUR'AN SEBAGAI MUKJIZAT;

- Nabi Muhammad adalah seorang yang ummi (buta huruf) Adalah mustahil orang yang buta huruf mamapu mencipta sebuah kitab yang sempurna
- Ayat Al Qur'an hanya dibaca oleh Rasulullah selepas dilantik menjadi rasul. Sebelum itu baginda tidak pernah membaca ayat Al Qur'an
- Isi kandungan Al Qur'an merangkumi perkara yang berhubung dengan soal dunia dan akhirat
- Susunan bahasanya sangat tinggi dan tidak mampu ditandingi oleh mana-mana ahli sastera.

4.6 BAHAGIAN ILMU

- Fardhu Ain iaitu ilmu yang wajib dituntut oleh semua umat Islam
- Fardhu Kifayah iaitu ilmu yang wajib dituntut oleh sebahagian umat Islam

TAJUK 5 : SURAH AS SAJADAH AYAT 15 – 22 PEERIBADI MUKMIN

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِآيَاتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِرُوا بِهَا حُزُّوا وَسُجِدُوا ۚ وَمَنْ يُكْفِرْ بِهَا فَسَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٥﴾ تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ
رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾ فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُمْ مِنْ قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾ أَفَمَنْ كَانَ مُؤْمِنًا كَمَنْ
كَانَ فَاسِقًا ۚ لَا يَسْتَوُونَ ﴿١٨﴾ أَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ جَنَّاتُ الْمَأْوَى نُزُلًا بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾ وَأَمَّا الَّذِينَ فَسَقُوا فَمَأْوَاهُمُ
النَّارُ كُلَّمَا أَرَادُوا أَنْ يَخْرُجُوا مِنْهَا أُعِيدُوا فِيهَا وَقِيلَ لَهُمْ ذُوقُوا عَذَابَ النَّارِ الَّتِي كُنْتُمْ بِهِ تَكَذِّبُونَ ﴿٢٠﴾ وَلَنذِيقَنَّهُمْ مِنَ الْعَذَابِ الْأَدْنَى
دُونَ الْعَذَابِ الْأَكْبَرِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٢١﴾ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَا ۗ إِنَّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ مُنتَقِمُونَ ﴿٢٢﴾

15. Sesungguhnya orang yang benar benar percaya kepada ayat ayat kami adalah mereka yang apabila diperingatkan dengan ayat ayat itu mereka segera bersujud[1192] seraya bertasbih dan memuji Rabbnya, dan lagi pula mereka tidaklah sombong.
16. Lambung mereka jauh dari tempat tidurnya[1193] dan mereka selalu berdoa kepada Rabbnya dengan penuh rasa takut dan harap, serta mereka menafkahkan apa apa rezki yang kami berikan.
17. Tak seorangpun mengetahui berbagai nikmat yang menanti, yang indah dipandang sebagai balasan bagi mereka, atas apa yang mereka kerjakan.
18. Apakah orang-orang beriman itu sama dengan orang-orang yang fasik? mereka tidak sama.
19. Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh, Maka bagi mereka jannah tempat kediaman, sebagai pahala terhadap apa yang mereka kerjakan.
20. Dan adapun orang-orang yang fasik (kafir) Maka tempat mereka adalah jahannam. setiap kali mereka hendak keluar daripadanya, mereka dikembalikan ke dalamnya dan dikatakan kepada mereka: "Rasakanlah siksa neraka yang dahulu kamu mendustakannya."
21. Dan Sesungguhnya kami merasakan kepada mereka sebahagian azab yang dekat (di dunia) sebelum azab yang lebih besar (di akhirat), Mudah-mudahan mereka kembali (ke jalan yang benar).
22. Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang Telah diperingatkan dengan ayat-ayat Tuhannya, Kemudian ia berpaling daripadanya? Sesungguhnya kami akan memberikan pembalasan kepada orang-orang yang berdosa.

[1192] maksudnya mereka sujud kepada Allah serta khusyuk. Disunahkan mengerjakan sujud tilawah apabila membaca atau mendengar ayat-ayat sajdah yang seperti ini.

[1193] maksudnya mereka tidak tidur di waktu Biasanya orang tidur untuk mengerjakan shalat malam.

5.1 INTISARI AYAT

Sifat orang yang beriman adalah sentiasa patuh pada ajaran yang terdapat dalam Al Qur'an, mematuhi segala suruhan dan meninggalkan segala larangan. Balasan yang akan diterima ialah balasan syurga.

5.2 SIFAT ORANG YANG BERIMAN

- Yakin dengan sepenuh hati terhadap kewujudan Allah serta patuh dan taat kepada segala ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad
- Menerima segala perintah Allah dengan ikhlas dan mengamalkan secara bersungguh-sungguh
- Mereka tidak memisahkan antara iman dan amalan yang mana segala perlakuan tidak menyalahi syariat Allah

5.3 CIRI-CIRI MUKMIN

- Sujud kepada Allah kerana sentiasa menyedari kebesaran Allah
- Sentiasa mengingati Allah
- Tidak takbur kerana sentiasa akur dengan kelemahan diri

- Melazimi Qiamullail
- Meninfakkan harta untuk jalan kebaikan

5.4 JENIS SUJUD

- Sujud Tilawah iaitu apabila mendengar atau membaca ayat tilawah
- Sujud sahwi iaitu apabila menambah atau mengurangkan rukun solat secara tidak sengaja atau meninggalkan sunat ab'an secara sengaja atau tidak
- Sujud Syukur iaitu apabila mendapat nikmat atau terlepas dari bala

5.5 KELEBIHAN ORANG YANG BERIMAN

- Memperolehi kebahagiaan dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat
- Menjadi seorang yang sabar dengan ujian Allah
- Mendapat kedudukan yang baik di sisi Allah pada hari akhirat
- Terhindar dari perkara yang tidak baik.
- Para malaikat sentiasa mendoakan kebaikan, keselamatan dan kesejahteraan pada mereka.

TAJUK 6 : SURAH AL HASR AYAT 21 –24
KEMULIAAN AL QUR'AN

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ ۗ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ لِنَّاسٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ ۗ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ ۗ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ۗ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

21. Kalau sekiranya kami turunkan Al-Quran Ini kepada sebuah gunung, pasti kamu akan melihatnya tunduk terpecah belah disebabkan ketakutannya kepada Allah. dan perumpamaan-perumpamaan itu kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir.

22. Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia, yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Dia-lah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

23. Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia, raja, yang Maha suci, yang Maha Sejahtera, yang Mengaruniakan Keamanan, yang Maha Memelihara, yang Maha Perkasa, yang Maha Kuasa, yang memiliki segala Keagungan, Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan.

24. Dialah Allah yang Menciptakan, yang Mengadakan, yang membentuk Rupa, yang mempunyai asmaul Husna. bertasbih kepadanya apa yang di langit dan bumi. dan dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

6.1 INTISARI AYAT

Al Qur'an merupakan sebuah kitab yang lengkap dengan berbagai ilmu pengetahuan dan pengajaran. Ianya menjadi petunjuk dan hidayat kepada manusia. Segala suruhan dalam Al Qur'an hendaklah dipatuhi dan segala larangan hendaklah di jauhi.

6.2 ISI KANDUNGAN AL QUR'AN

Kandungan Al Qur'an merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Ianya dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian yang utama iaitu

- Perkara yang berkaitan dengan ibadat manusia yang khusus seperti solat, puasa dan sebagainya
- Perkara yang berkaitan dengan akidah manusia iaitu yang berkaitan dengan rukun iman
- Perkara yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan atau ketamadunan seperti Ilmu sains, matematik, perubatan dan sebagainya
- Perkara yang berkaitan dengan undang-undang dan urusan sosial masyarakat seperti kehakiman, kekeluargaan, harta pusaka, muamalat, ekonomi dan sebagainya
- Perkara yang berkaitan dengan sejarah yang berlaku pada zaman dahulu, seperti kisah nabi yang boleh dijadikan panduan dan pengajaran.

6.3 KEHEBATAN AL QUR'AN

Allah ada menyebutkan bahawa gunung ganang akan pecah sekiranya Al Qur'an diturunkan ke atasnya. Ini adalah kerana:

- Wahyu Allah sangat hebat dan berat sehingga tidak mampu ditanggung oleh gunung-ganang yang besar
- Kudrat dan Iradat Allah boleh menghancurkan apa sahaja sekalipun gunung-ganang
- Ianya sebagai peringatan kepada manusia tentang tanggungjawab mereka dan tidak mampu ditanggung oleh makhluk lain

6.4 CARA MENGHAYATI ALQUR'AN

- Istiqamah dalam membaca al Qur'an
- Memahami dan mengamalkan kandungan al Qur'an dalam kehidupan

- Sentiasa mempelajari dan mendalami isi kandungan al Qur'an
- Membaca al Qur'an dengan bertajwid

6.5 KEISTIMEWAAN AL QUR'AN

- Mukjizat Agung kepada Rasulullah
- Kandungan al Qur'an lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia
- Ajarannya sesuai dilaksanakan untuk semua bangsa, tempat dan masa
- Tidak ada makhluk yang boleh menandingi keindahan bahasanya
- Membimbing manusia menuju kebahagiaan dunia dan akhirat
- Setiap huruf yang dibaca dikira ibadat dan mendapat pahala

6.6 BEBERAPA PENGERTIAN NAMA ALLAH

- Allah iaitu nama tuhan yang Esa merangkumi segala sifat uluhiyyah dan rububiyah
- Ar Rahman : Allah yang Maha Pemurah iaitu Allah memberi rahmat kepada seluruh umat manusia dan makhluk-makhluk yang lain
- Ar Rahim : Allah Maha Penyayang iaitu Allah bersifat penyayang kepada hambaNya yang beriman.
- Al Malik : Allah yang Maha Raja iaitu Allah berkuasa mentadbir alam tanpa bantuan orang lain
- Al Quddus : Allah Maha Suci iaitu suci dari segala kekurangan, kecacatan dan kebinasaan
- As Salam : Allah yang Maha Penyelamat golongan yang beriman dari seksaan api neraka
- Al Mu'min : Allah Maha Pemberi Keamanan kepada golongan yang taat kepada segala perintah Allah
- Al Muhaimin : Allah yang Maha Pengawas iaitu menjaga dan mengurus rezeki hamba-hambaNya
- Al Jabbar : Allah Maha Perkasa iaitu melakukan sesuatu mengikut kehendakNya.
- Al Mutakabbir : Allah maha Agung dan Maha Besar. Seluruh Alam akan tunduk dan patuh kepada keagungan dan kebesarannya.

- Al Khaliq : Allah Maha berkuasa menjadikan sesuatu mengikut kebijaksanaanNya
- Al Bari'u : Allah Maha Merekacipta sesuatu tanpa mencontohi dan meniru benda-benda lain.
- Al Haki : Allah Maha Bijaksana iaitu Allah luas ilmu pengetahuanNya meliputi langit dan bumi

6.7 KELEBIHAN BAGI ORANG YANG MENINGATI NAMA-NAMA ALLAH

- Dilindungi oleh Allah dari segala bahaya bagi dirinya dan keluarganya
- Memperolehi kedamaian dan keetenteraman jiwa

- Dimudahkan rezeki dan diberi kelapangan dalam melakukan sesuatu
- Jiwanya terhindar dari segala sifat tidak baik

6.8 PENGAJARAN AYAT

- Allah memerintahkan supaya mengambil iktibar dari peringatan yang terdapat dala al Qur'an
- Gunung ganang yang kuat dan runtuh sekiranya diturunkan al Qur'an ke atasnya
- Jiwa haiwan dan tumbuh-tumbuhan sentiasa tunduk dan bertasbih kepada Allah
- Allah memiliki nama yang agung laagi suci supaya manusia mengambil iktibar dari nama tersebut

TAJUK 7 : HADIS NABI KEHIDUPAN DUNIA IBARAT SEORANG PERANTAU

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرْضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

Ertinya : *Daripada Abdullah bin Umar R.A berkata : Rasulullah SAW memegang bahu seraya bersabda: Jadikanlah diri kamu atas dunia ini sebagai seorang perantau atau pengembara. Ibnu Umar berkata: Apabila kamu berada pada waktu petang, janganlah tunggu menjelangnya waktu pagi. Apabila kamu berada waktu pagi, janganlah tunggu menjelangnya waktu petang. Gunakanpeluang untuk beramal semasa kamu sihat untuk persediaan ketika kamu sakit dan semasa kamu hidup untuk persediaan semasa kamu mati.*

7.1 INTISARI HADIS

Rasulullah memberi pendidikan kepada umat Islam dengan menganggap dunia ini sebagai tempat persinggahan untuk menuju ke alam akhirat yang kekal abadi. Kita di umpamakan sebagai perantau yang singgah untuk mengambil bekalan sebagai persediaan untuk perjalanan yang masih jauh. Oleh itu kita hendaklah mengisi masa sihat kita dengan aktiviti yang berfaedah. Kita wajib menyegerakan segala urusan dan tidak melengahkannya.

- Merancang penggunaan masa. Kita seharusnya memperuntukan masa untuk beribadat dan melakukan kerja lain dengan baik dan teratur
- Mengurus masa dengan bijak. Waktu yang ada digunakan untuk tujuan yang berfaedah dan tidak membazir
- Menentukan wawasan hidup. Kita hendaklah menentukan tahap pencapaian kita dalam kehidupan supaya kita dapat mendisiplinkan diri bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan

7.2 KEHIDUPAN ADALAH SEMENTARA

- Tempoh kehidupan di dunia adalah terlalu singkat berbanding di alam akhirat yang kekal abadi
- Dunia merupakan tempat manusia mencari bekalan untuk hari akhirat seperti ilmu, ibadat dan lain-lain
- Manusia tidak seharusnya leka dengan kemewahan dan keseronokan dunia semata-mata
- Destinasi kita yang sebenar adalah alam akhirat yang kekal abadi

7.5 KELEBIHAN MENYEGARAKAN URUSAN KEHIDUPAN

- Dimulikan oleh Allah dan RasulNya. Orang yang menghargai masa adalah satu ciri mukmin yang bertaqwa.
- Urusan dapat disempurnakan dengan berkualiti dan mengikut jadual.
- Menyumbang ke arah kemajuan negara.

7.3 PERSAMAAN KEHIDUPAN DUNIA DENGAN PERANTAU

- Seorang pedagang sentiasa rindukan kampung halamannya, begitulah manusia seharusnya rindu untuk ke dunia akhirat
- Hati seorang pedagang sentiasa ingin membawa pulang sesuatu, begitulah manusia seharusnya berkeinginan untuk membawa sesuatu yang baik ke alam akhirat
- Seorang pengembara memerlukan berbagai keperluan sepanjang perjalanannya, begitulah manusia memerlukan berbagai keperluan sepanjang hidupnya
- Manusia memerlukan bekalan dan keperluan yang cukup untuk menghadapi alam akhirat

7.6 BEKALAN UNTUK HARI AKHIRAT

- Takwa merupakan bekalan yang terbaik untuk hari akhirat
- Takwa bermaksud melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi laranganNya
- Untuk memperolehi takwa, manusia hendaklah ikhlas dalam beribadat kepada Allah dan melaksanakan hubungan sesama manusia

7.4 PENGURUSAN MASA YANG BAIK

Masa yang berlalu tidak mungkin akan kembali berulang. Oleh itu ia haruslah digunakan dengan baik dan bermanfaat

7.7 PENGAJARAN HADIS

- Tempoh kehidupan manusia di dunia adalah terlalu singkat berbanding kehidupan di akhirat yang kekal abadi
- Manusia hendaklah menggunakan tempoh kehidupan dunia sebaik mungkin
- Islam melarang kita menagguh-nagguh urusan kehidupan
- Seorang Muslim hendaklah menguruskan masanya dengan bijak.

TAJUK 8 : KEFAHAMAN HADIS

ORANG BERIMAN KEKASIH ALLAH

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالتَّوَّافِلِ حَتَّىٰ أَحِبَّهُ فَإِذَا أَحَبَّهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطَيْتَهُ وَلَعِنَ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيدَنَّهُ

Ertinya : Daripada Abu Hurairah berkata : Rasulullah SAW bersabda sesungguhnya Allah berfirman: Sesiapa yang memusuhi waliku, aku isytiharkan perang keatasnya. Tiada amalan untuk mendekatkan diri kepadaku yang lebih aku sukai selain daripada amalan yang aku fardhukan. Hambaku yang mendekatkan diri kepadaku dengan sentiasa melakukan amalan sunat (disamping amalan-amalan wajib) aku lebih mengasihinya. Apabila aku mengasihinya, pendengarannya, penglihatannya, tangannya yang digunakan untuk memegang dan kaki yang diguna untuk berjalan, semuanya berdasarkan keredhaan dan kawalanku. Jika dia meminta kepadaKu, Aku akan memperkenankannya dan jika dia memohon perlindunganKu, Aku akan melindunginya.

8.1 INTISARI HADIS

Hadis menerangkan tentang Allah mengharamkan permusuhan dengan orang beriman dan bertakwa. Untuk mencapai kedudukan yang tinggi di sisi Allah kita mesti mentaati perintah Allah dan memperbanyakkan amalan sunat

8.2 WALI ALLAH

- Wali Allah dari segi bahasa bermaksud bantuan atau perlindungan dari Allah
- Wali Allah dari segi istilah syarak bermaksud manusia biasa yang beriman, bertakwa, beristiqamah dalam melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi larangan secara zahir dan batin
- Wali Allah tidak maksum dan tidak mempunyai mukjizat sebagaimana rasul
- Contoh wali Allah ialah para sahabat rasul dan Al Salafus Soleh seperti Uwais AL Qarni dan Al Hasan Al Basari

8.3 GOLONGAN YANG MENDAPAT KEREDHAAN ALLAH

- Sentiasa mengerjakan amalan-amalan fardhu yang ditetapkan oleh Allah
- Mengetahu bahawa amalan fardhu adalah wajib dan perlaksanaannya merupakan asas dan tunjang kehidupan
- Meyakini bahawa setiap amalan sunat adalah bahan binaan yang terletak di atas tunjang yang dibina
- Meninggalkan perbuatan maksiat adalah merupakan tuntutan Allah, maka sesiapa yang melakukannya akan diazab oleh Allah
- Mengerjakan banyak amalan sunat menjadikan seseorang itu lebih disayangi oleh Allah

8.4 AMALAN UNTUK MENGHAMPIRKAN DIRI KEPADA ALLAH

- memperbanyakkan zikrullah dan membaca Al Qur'an
- Meletakkan kepentingan Allah dan nabinya di hadapan melebihi kepentingan diri
- Menyembakkan amalan sunat seperti puasa sunat, sembahyang sunat sedekah dan sebagainya
- Menghidupkan malam hari dengan bertaqarrub kepada Allah
- Menjaga hubungan baik sesama manusia, menjaga silaturrahim, nasihat menasihati berziarah dan berbudi bahasa.

8.5 CIRI-CIRI ORANG SOLEH

- Berilmu dan dengan ilmunya dapat memantapkan hubungan dengan Allah dan sesama makhluk

- Beramal dengan ilmunya dan menjelmakannya dalam bentuk penghayatan serta beramal secara ikhlas dan istiqamah
- Berakhlak dengan ketinggian peribadi supaya dapat menjalinkan hubungan dengan masyarakat secara baik, bertolak ansur dan suka membantu.

8.6 KELEBIHAN ORANG YANG MELAKUKAN IBADAT SUNAT

- Allah dan rasul menyayanginya
- Allah memberkati kehidupannya
- Allah memelihara segala anggotanya daripada melakukan perkara maksiat
- Allah memakbulkan doanya
- Allah melindungi daripada keburukan
- Allah memberi ganjaran pahala dan syurga
- Mengecapi kenikmatan beribadat

8.7 BUKTI KECINTAAN ALLAH KEPADA WALINYA

- Allah akan memakbulkan doa yang diminta oleh para waliNya
- Mengawal dan memelihara pendengarannya dari mendengar perkara maksiat
- Mengawal penglihatannya dari melihat perkara maksiat
- Mengawal tangan dan kakinya dari godaan syaitan yang cuba menghasutnya
- Allah sentiasa dihatinya apabila ia mendengar, melihat dan melakukan sesuatu

8.8 ANCAMAN TERHADAP ORANG YANG MENINGKARI RISALAH RASULULLAH

- Allah memberi ancaman akan memerangi orang yang memusuhi para waliNya
- Mengingkari risalah rasulullah adalah satu penyelewengan terhadap akidah.
- Setiap mukmin wajib menghindari perbuatan ini dan berusaha melaksanakan segala perintah Allah dan rasulnya dengan patuh dan taat.

8.9 PENGAJARAN HADIS

- Orang mukmin wajib melaksanakan segala perkara yang difardhukan ke atasnya dengan penuh ketaatan
- Kekasih Allah ialah orang mukmin yang melakukan banyak ibadat sunat
- Orang yang hampir kepada Allah ialah orang yang berilmu, beramal dan berakhlak mulia
- Allah memperkenankan doa orang yang hampir kepadaNya

TAJUK 9: AKIDAH IMAN MUTIARA HIDUP

9.1 PENGERTIAN IMAN

Iman dari segi bahasa bermaksud mengiktiraf, mengakui dan membenarkan sesuatu tanpa mendustakan nya.

Dari sudut istilah syarak pula Iman bermaksud membenarkan dengan hati, mengikrarkan dengan lidah dan mengamalkan dengan anggota badan segala suruhan Allah dan rasulNya

9.2 IMAN BERTAMBAH DAN BERKURANG

- Mengikut ahli sunnah wal jamaah Iman seseorang boleh bertambah dan berkurang serta berkait rapat dengan amalan seseorang
- Iman boleh bertambah dengan melakukan ibadat dan ketaatan serta meningkatkan ilmu
- Iman boleh berkurang apabila seseorang melakukan maksiat.
- Dakwaan bahawa iman terletak di hati dan tiada kaitan dengan tingkah laku adalah tidak tepat.
- Allah dan rasul sentiasa menggandingkan antara lafaz iman dengan amal soleh
- Iman seseorang tidak sempurna jika tidak dizahirkan dengan amalan yang benar.

9.3 CIRI-CIRI ORANG YANG BERTAMBAH IMAN

- Mempunyai ilmu pengetahuan tentang Allah dan RasulNya
- Banyak melakukan ibadat sunat seperti qiamullail dan tilawah al Qur'an
- Melazimi berzikir kepada Allah dan sentiasa memikirkan kekuasaan Allah
- Sentiasa khusyuk dan konsisten dalam mengarjakan ibadat kepada Allah
- Taat kepada Allah dalam keadaan terang atau tersembunyi

9.4 KEMANISAN IMAN

- Kemanisan iman ialah berasa gembira dalam melakukan ibadat, sanggup menanggung kepayahan demi mendapatkan keredhaan Allah dan RasulNya
- Mengutamakan Allah dan RAsulNya lebih dari harta benda sendiri

- Orang yang beriman akan merasa kemanisan iman jika mempunyai ketiga-tiga perkara berikut:
 - (i) Cinta kepada Allah dan rasulNya melebihi segala-galanya
 - (ii) Benci kepada kekufuran sebagaimana benci jika dicampak ke dalam api neraka
 - (iii) mengasihi sesama manusia kerana Allah
- Orang yang mencapai tahap kemanisan iman akan mendapat kelazatan melakukan ibadat
- Orang yang mendapat kemanisan iman tidak akan melakukan perkara yang menyusahkan orang lain
- Orang yang mendapat kemanisan iman akan sentiasa memberi khidmat kepada masyarakat dalam usaha melaksanakan fardhu kifayah
- Orang yang tidak mendapat kemanisan iman tidak akan melaksanakan tuntutan fardhu ain dan fardhu kifayah

9.5 AMALAN YANG MEMBAWA KEPADA KEMANISAN IMAN

- Merujuk kepada hukum Allah dalam setiap perkara yang hendak dilakukan supaya terpelihara hukumnya
- Sentiasa melakukan amar makruf dan Nahi mungkar
- Mendalami ilmu sama ada ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah
- Membanyakkan zikrullah dalam setiap perbuatan harian
- Sentiasa beriltizam dan istiqamah dengan ajaran agama dan meletakkan kepentingan Islam di hadapan

9.6 BAHAGIAN IMAN

- Iman Taklid iaitu iman yang lahir dari penerimaan dan pengajaran seorang guru tanpa dalil
- Iman Ilmu iaitu ilmu dari pengetahuan beserta dalil dan hujjah
- Iman Iyan iaitu iman yang lahir dari penumpuan hati
- Iman Hak iaitu iman yang lahir dari penglihatan hati terhadap Allah
- Iman Hakikat iaitu iman yang lahir dalam keadaan tidak nampak sesuatu selain Allah

TAJUK 10: AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

10.1 TAKRIF AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Ahli Sunnah Wal Jammah ialah kumpulan yang berpegang teguh dengan al Qur'an, sunnah Rasulullah serta perkara yang dibawa oleh sahabat baginda serta menentang perkara bidaah.

Mereka juga dikenali dengan ahli Sunnah, Al Jamaah, Al Salafus Soleh dan Ahlul Hadith

10.2 KEMUNCULAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

- Mazhab ini adalah jalan yang mengikut langkah Rasulullah dan sahabat baginda
- Nama Ahli Sunnah Wal Jamaah muncul setelah berlaku perpecahan di kalangan umat Islam
- Nama tersebut secara rasminya dimasyhurkan oleh Imam Abu Hasan Al Asy'ari (330 H) dan Abu Mansur Al Maturidi (333H)

- Nama Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah gabungan dari perkataan Ahlu, Al Sunnah dan Al Jamaah.
- Mereka dinamakan dengan ahli sunnah kerana mereka menerima dan beramal dengan sunnah rasulullah.
- Manakala perkataan jamaah pula ialah kerana mereka berkumpul atas kebenaran dan bersatu untuk berjihad, melaksanakan amar makruf dan Nahi Mungkar
- Mereka juga menghidupkan sunnah dan menentang bidaah

10.3 PRINSIP-PRINSIP AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

- Berpegang taguh dengan al Qur'an dan Al Sunnah
- Berpegang dengan prinsip-prinsip Al Salafus Soleh
- Apabila terdapat pertelingkahan pandangan, mereka merujuk kepada al Qir'an dan Al Sunnah

- Mereka tidak mencela dan mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka
- Mereka tidak menghukum kecuali jika terdapat bukti yang sah

10.4 PANDANGAN AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH TERHADAP BEBERAPA ISU

- Al Qur'an bukan makhluk. Mereka meyakini bahawa al Qur'an adalah kalam Allah yang bersifat Qadim. Ia bukan makhluk (bukan baharu)
- Melihat Allah . Orang mukmin dapat melihat Allah di Syurga pada hari kiamat sebagaimana yang disebut dalam Al Qur'an, hadis sahih dan persepakatan ulama
- Pelaku dosa besar. Orang yang melakukan dosa besar tetap dikira sebagai mukmin kerana imannya masih ada tetapi dikira fasik kerana telah melakukan dosa besar
- Iman bertambah dan berkurang. Ahli Sunnah Wal Jama'ah beriktikad bahawa iman seseorang boleh bertambah dan berkurang bergantung kepada amalan masing-masing
- Qadha dan Qadar. Mereka beriktikad bahawa ketentuan (qadar) dan segala perkara yang berlaku (qadha) terjadi dengan kebijaksanaan Allah sejak azali lagi. Semua perkara baik atau buruk adalah ketentuan Allah taala

10.5 KEPENTINGAN BERPEGANG DENGAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

- Dapat membersihkan akidah dari sebarang kekeliruan dan kesesatan kerana mereka bersumberkan kepada sumber yang sahih
- Asas kepada penerimaan sesuatu amalan. Amalan seseorang akan diterima apabila bersandarkan kepada akidah yang betul.
- Hidup di redhai Allah. Orang yang berpegang kepada ahli sunnah wal Jama'ah akan diredhai Allah kerana berada di jalan kebenaran

10.6 TOKOH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

- Imam Abu Mansur Al maturidi (333H)
- Imam Abu Bakar AL Qaffal (365H)
- Imam Abi Ishak AL Asfaraini (411H)
- Imam Al Hafiz al Baihaqi (458H)
- Imam al Ghazali (505H)
- Imam Fakhruddin al Razi (606)

10.7 MAZHAB SYIAH

Merupakan golongan yang mendokong cita-cita untuk menjadikan Saidina Ali sebagai khalifah Rasulullah. Mereka berpendapat bahawa Saidina Ali sahajalah yang layak dan berhak dilantik menjadi khalifah selepas kewafatan Rasulullah.

10.8 BAHAGIAN SYIAH

- **Syiah Imamah**
Mereka dinamakan Syiah Imamah kerana mereka berpendapat jawatan pemimpin umat Islam (Imam) hanya layak disandang oleh Ahlul bait. **Antara pandangan mereka ialah**
 - i. Beriktikad bahawa jawatan Imam ialah dianugerahkan oleh Allah seperti kenabian. Mereka dianggap maksum tetapi tidak mendapat wahyu

- ii. Menolak semua hadis yang bukan diriwayatkan oleh ahlul bait
 - iii. Beriktikad bahawa Imam kedua belas mereka iaitu Muhammad Al Mahdi Al Qaim Bil Hujjah akan muncul sebagai Imam Mahadi
 - iv. Beramal dengan Taqiyah iaitu menyembunyikan iktikad sebenar apabila berhadapan dengan orang yang berbeza iktikad dengan mereka
 - v. Mengharuskan perkahwinan Mutaah iaitu nikah sementara waktu atau nikah kontrak
- **Syiah Zaidiah**
Dinamakan sedemikian sempena pengasasnya iaitu Zaid b Ali Al Abidin cicit kepada Ali B Abi talib. **Antara pegangan mereka ialah**
 - vi. Beriktikad kedudukan pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran
 - vii. Beriktikad bahawa perbuatan manusia adalah dilakukan oleh manusia bukan Allah
 - **Syiah Al Batiniah**
Mereka dinamakan al batiniah kerana pandangan mereka menganggap al Qur'an mempunyai makna zahir dan makna batin yang hanya difahami oleh Imam mereka. Mereka merupakan syiah yang paling radikal dan sesat. **Antara pegangan mereka yang utama ialah**
 - viii. Beriktikad bahawa Saidina Ali dan Imam mereka yang lain sebagai tuhan
 - ix. Beriktikad bahawa Imam mereka Muhammad Al hanafiah masih hidup
 - x. Menghalalkan beberapa kemungkaran seperti minum arak

10.9 KHAWARIJ

Khawarij ialah golongan penyokong saidina Ali menentang Muawiyah tetapi tidak menerima majlis Tahkim.

Antara pegangan mereka ialah

- Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir
- Mengkafirkan serta menghalalkan darah semua umat Islam yang berbeza iktikad dengan mereka
- Membataskan sumber syariat hanya kepada al Qur'an sahaja

10.10 LANGKAH MEMELIHARA AKIDAH

- mempelajari asas akidah berdasarkan kitab ahli sunnah wal jama'ah yang muhtabar
- Belajar daripada guru yang diiktiraf keilmuan dalam bidang akidah
- Membina ketahanan akidah dengan berdoa
- Menjauhkan diri daripada orang yang mengamalkan ajaran sesat
- Menunaikan perintah Allah dan meninggalkan larangannya

10.11 ISTILAH ASAS DALAM ILMU AKIDAH

- **Kafir**
Orang yang mengingkari salah satu daripada prinsip akidah yang telah dijelaskan dalam al Qur'an
- **Musyrik**
Orang yang menyekutukan Allah dengan sesuatu atau menyamakan sesuatu dengan Allah pada zat , sifat atau perbuatannya

- **Munafik**
Orang yang menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufuran dalam hati
- **Fasik**
Orang yang tidak taat kepada Allah dan rasulnya dengan melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil

- **Murtad**
Orang yang keluar daripada agama Islam sama ada dengan perkataan, perbuatan atau iktikad
- **Mulhid**
Orang yang tidak mempunyai pegangan agama (Atheis)

TAJUK 11: AKIDAH AJARAN SESAT

11.1 PENGERTIAN AJARAN SESAT

Ajaran sesat merupakan ajaran atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Qur'an dan sunnah. Orang yang membawa ajaran sesat menyelewengkan beberapa asas akidah penganutnya hingga menyebabkan akidah terbatal dan terkeluar daripada agama Islam

11.2 CIRI-CIRI AJARAN SESAT

- Mencemarkan kesucian al-Qur'an dan hadis seperti memansukh, mengubah, mempertikaikan atau membuat tafsiran menyeleweng terhadap al-Qur'an dan hadis.
- Mengubah prinsip-prinsip asas dalam akidah Islam seperti mendakwa menyatukan semua agama termasuk Islam ke dalam agama baru atau mendakwa semua agama adalah sama
- Mendewa-dewakan pemimpin sehingga menganggapnya bersifat maksum, sebagai mahadi, sebagai nabi atau jelmaan tuhan
- Menolak perkara yang qat'i dalam Islam seperti menghapuskan jihad
- Mengubah bentuk ibadat seperti mengurangkan jumlah hari ibadat puasa atau bersolat sekadar dengan niat.
- Mengubah konsep dosa dan pahala seperti memberi kuasa penebusan dosa kepada seseorang.
- Mendakwa boleh melakukan perkara pelik yang bersangkutan dengan perkara-perkara ghaib seperti memanggil roh orang mati termasuk roh nabi dan wali Allah
- Mendewa-dewakan sesuatu selain Allah seperti menyeru nama orang yang telah meninggal dunia dalam doa atau jampi
- Menolak hadis mutawattir atau hadis secara umum

11.3 FAKTOR PENDORONG AJARAN SESAT

- Wujud individu yang mempunyai kepentingan peribadi mengajar ajaran sesat untuk kepentingan kedudukan, pangkat dan sebagainya
- Terdapat golongan yang ingin melemahkan ajaran perpaduan umat Islam
- Wujudnya golongan yang hanya mengejar akhirat semata-mata dan mendorong mereka-mereka ke kaedah-wirid dan amalan untuk tujuan tersebut.

11.4 KESAN BURUK AJARAN SESAT

Kepada Individu

- Rosak akidah dan mereka wajib bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam
- Masa terbuang dengan aktiviti yang tidak sihat serta bertentangan dengan ajaran Islam.

- Minda tertutup kerana sering terkongkong oleh pemimpin yang mendakwa mendapat wahyu.
- Kehidupan tidak stabil serta pengabaian tanggungjawab sebagai pelajar, suami, isteri atau ibu bapa

Kepada Masyarakat

- Keruntuhan Institusi kekeluargaan disebabkan perbezaan akidah dan rasa curiga sesama mereka
- Sikap fanatik penganut ajaran sesat terhadap kumpulan dan pemimpin mereka akan menggugat perpaduan dalam masyarakat
- Kepatuhan membuta tuli kepada pemimpin memudahkan pengikut dipergunakan untuk melakukan keganasan

Kepada Negara

- Negara akan mundur kerana penglibatan dalam ajaran sesat menjadikan seseorang itu tidak proaktif dan membuang masa
- Negara tidak stabil kerana ajaran sesat boleh mengancam perpaduan dan keharmonian masyarakat

11.5 LANGKAH MENANGANI AJARAN SESAT

- melengkapkan diri dengan kefahaman Islam yang sebenar
- Menyebarkan ajaran Islam yang sebenar dengan menggunakan pelbagai kaedah
- Berkerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang
- Mengadakan program pemulihan akidah untuk membantu mereka yang terlibat kembali ke pangkal jalan.

11.6 CONTOH-CONTOH AJARAN SESAT

Qadyani

- Pengasasnya ialah Mirza Ghulam Ahmad.
- Dinamakan Qadyani sempena nama tempat lahir pengasasnya iaitu sebuah kampung di daerah Gusdatur, India
- Ajaran mula muncul pada 1889M
- Ajaran ini dibawa ke Malaysia oleh Maulana Muhammad Sadiq bin Barkah pada tahun 1949M

Ciri-ciri kesesatan Qadyani

- Beriktikad bahawa Mirza Ghulam Ahmad sebagai Al-mahadi, nabi dan jelmaan Krishna
- Beriktikad bahawa Allah menurunkan kepada Mirza Ghulam Ahmad sebuah kitab suci yang bernama Al-Tazkirah
- Beriktikad bahawa Mirza Ghulam Ahmad mempunyai sejuta jenis mukjizat

- Menghapuskan jihad
- Mengubah ayat Al Qur'an seperti ayat 6 surah Al Saf
- Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah
- Mengisytiharkan Qadyan sebagai tanah suci dan tempat menunaikan haji
- Mendakwa bahawa nabi Isa meninggal dunia dan dimakamkan di Srinagar, India
- Menghukum kafir selain penganut qadyani

Baha'i

- Diasaskan oleh Husin Ali Al Mazdarani.
- Nama Baha'l adalah sempena nama pengasasnya yang digelar sebagai Baha'ullah
- Merupakan lanjutan kepada ajaran Al Babiyah yang diasaskan oleh Ali Muhammad Al Syairazi
- Muncul di Iran pada tahun 1847M
- Mula tersebar di Malaysia paaada 1953M di bawa oleh Yan Kee Leong

Ciri-ciri kesesatan Baha'i

- Beriktikad bahawa pengasasnya adalah jelmaan Allah
- Beriktikad bahawa semua agama adalah sama dan digabungkan dalam ajaran Baha'i
- Beriktikad bahawa alam ini bersifat Baqa'
- Beriktikad bahawa nabi Isa mati disalib
- Mengagungkan kod 19 hingga al Qur'an dipengaruhi oleh kod tersebut
- Menolak kewujudan mukjizat, malaikat, syurga dan neraka
- Memansuhkan agama islam
- Menganggap Acre di Palestin sebagai kiblat baru
- Mengubah bentuk ibadat seperti puasa 19 hari, solat 9 rakaat, 3 kali sehari dan berwudhu' dengan air mawar

- Menghapuskan jihad

Taslim

- Diasaskan oleh Haji Muhammad bin Syafie atau dikenali sebagai Hj Mahmud matahari pada tahun 1870-an di kampung Seronok, Bayan Lepas
- Merupakan ajaran sesat yang paling tua di Malaysia
- Ajaran Taslim mempunyai persamaan dengan kepercayaan Syiah Ismailiyah batiniyah

Ciri-ciri kesesatan ajaran Taslim

- Beriktikad bahawa alam bersifat qadim
- Beriktikad bahawa diri batin manusia ialah Allah dan diri zahir manusia ialah nur Muhammad
- Mentafsir ayat-ayat al Qur'an mengikut hawa nafsu
- Mengharuskan perzinaan melalui konsep nikah batin
- Menolak kewujudan hari Kiamat, syurga dan neraka
- Solat secara niat tanpa rukun qauli dan fe'li
- Menganggap haji Muhammad Matahari sebagai pemimpin yang maksum

11.7 FAKTOR TERSEBARNYA AJARAN SESAT

- Tersebarnya secara meluas buku-buku yang berunsurkan ajaran sesat di pasaran atau melalui guru ajaran tersebut
- Terdapat ramai individu yang cuba menonjolkan diri sebagai seorang yang arif dalam ilmu pengubatan dan agama untuk kepentingan diri masing-masing
- Kelemahan dari aspek undang-undang negara yang mempunyai peruntukan untuk mengamal ajaran sesat terlalu ringan berbanding dengan kemudharatan ajaran tersebut.

TAJUK 12 : IBADAT PERKAHWINAN DAN HIKMAHNYA

12.1 PENGERTIAN

Perkahwinan ialah suatu ikatan yang teguh antara lelaki dan perempuan melalui akad nikah yang sah untuk menghalalkan persetubuhan di antara mereka.

12.2 TUJUAN PERKAHWINAN

- Mengembangkan zuriat melalui cara yang halal
- Memakmurkan bumi dengan golongan yang beramal soleh dan patuh pada syariatNya
- Memperoleh beberapa hikmat hasil daripada pernikahan yang halal
- Melahirkan umat manusia yang dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah

12.3 KONSEP PERKAHWINAN

- Perkahwinan merupakan suatu ibadat dan sunnah Rasulullah yang bersesuaian dengan fitrah manusia
- Perkahwinan dalam Islam adalah untuk membentuk keperibadian manusia ke arah yang lebih baik
- Perkahwinan menuntut tanggungjawab yang berat sama ada tanggungjawab suami, isteri, ibu, bapa dan anak
- Perkahwinan merupakan sunnah Rasulullah dalam usaha mengembangkan dakwah Islamiah.

12.4 HUKUM PERKAHWINAN

- **Wajib** : mereka yang mampu dari segi nafkah zahir dan batin serta takut terjerumus ke lembah perzinaan
- **Sunat** : mereka yang mampu dari segi nafkah zahir dan batin, serta berkeinginan untuk kahwin tetapi masih berupaya mengawal nafsu serta tidak khuatir terjerumus ke lembah perzinaan
- **Haram** : mereka tidak mampu dari segi nafkah zahir dan batin, atau perkahwinan bertujuan untuk memudaratkan atau menzalimi isteri
- **Makruh** : mereka tidak mampu dari segi nafkah zahir kepada isterinya tetapi berkeinginan untuk berkahwin
- **Harus** : tidak mempunyai sebab yang mendesak untuknya berkahwin dan tidak pula mengharamkan dia berkahwin

12.5 HIKMAT PERKAHWINAN

- Melahirkan zuriat atau keturunan yang bersih.
- Dapat memupuk dan menyuburkan kasih sayang dan cinta antara suami dan isteri
- Mengelakkan dari berlakunya perbuatan maksiat, khususnya zina
- Ketenteraman perasaan dan jiwa dapat dirasai melalui perkahwinan
- Melahirkan manusia yang bertanggungjawab dalam menjalankan amanah Allah
- Kehidupan lebih terjamin dan terurus selepas berkahwin
- Memperolehi keredhaan Allah taala

12.6 IMPLIKASI PERKAHWINAN TIDAK MENGIKUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

- **Kepada diri sendiri**
Mereka akan dikenakan tindakan undang-undang mengikut peruntukan undang-undang keluarga Islam Malaysia
- **Kepada keluarga**
Nama baik keluarga akan tercemar apabila mereka tidak mematuhi peraturan perkahwinan yang ditetapkan
- **Kepada masyarakat**
Masyarakat akan menjadi kucar kacir kerana individu tidak menghormati undang-undang

12.7 LANGKAH MENGATASI MASALAH PERKAHWINAN TIDAK MENGIKUT UNDANG-UNDANG

- Perhatian ibu bapa dan masyarakat untuk memastikan setiap perkahwinan itu sah dan mengikut syarak undang-undang
- Pihak berwajib perlu mengadakan program ilmu dan kursus untuk memberi penjelasan tentang undang-undang keluarga Islam
- Penguatkuasaan peraturan perlu dilaksanakan dan tindakan undang-undang perlu dikenakan ke atas mereka yang melanggar syariat dan undang-undang yang ditetapkan

TAJUK 13 : IBADAT KAIFAT PERKAHWINAN DALAM ISLAM

13.1 PEMILIHAN CALON ISTERI

- Islam telah menggariskan tatacara perkahwinan yang khusus untuk penduan orang-orang Islam dalam mendirikan rumahtangga
- Sebelum berkahwin seseorang lelaki berhak memilih calon isteri yang terbaik untuk dirinya
- Keutamaan dalam memilih calon isteri adalah :
 - a. Beragama dan beramal dengannya
 - b. Berasal dari keturunan yang berharta
 - c. Berasal dari keturunan yang baik dan sihat
 - d. Mempunyai rupa paras yang cantik
- Rasulullah menjelaskan keutamaan adalah dari kalangan yang beragama kerana ia menentukan perkahwinan itu baik atau tidak
- Seseorang perempuan juga boleh membuat pilihan bagi menentukan suami pilihannya

13.2 PEREMPUAN YANG HARAM DIKAHWINI

- Dalam Islam tersapat beberapa golongan perempuan yang haram dikahwini sama ada haram mutlak atau haram sementara
- Perempuan-perempuan yang haram dikahwini secara mutlak kerana beberapa sebab

1. SEBAB NASAB (KETURUNAN)

- ibu, nenek dan ke atas
- anak, cucu dan ke bawah
- adik beradik perempuan seibu sebapa, sebapa dan siibu
- emak saudara sebelah bapa dan ibu
- anak saudara perempuan dari adik beradik seibu sebapa, sebapa dan seibu

2. SEBAB PERSEMENDAAN (PERKAHWINAN)

- ibu tiri dan ke atas
- ibu mertua sama ada secara nasab atau susuan
- anak tiri apabila ibunya telah disetubuhi
- menantu perempuan

3. SEBAB RADHAAH(SUSUAN)

- ibu yang menyusukan dan ke atas
- ibu bagi suami ibu susuan
- anak-anak ibu susuan dan anak-anak suami ibu susuan
- adik beradik susuan
- anak saudara dari adik beradik susuan
- adik beradik ibu susuan
- adik beradik suami ibu susuan

Perempuan yang diharamkan untuk sementara adalah:

- Menghimpunkan perempuan yang ada hubungan nasab dengan isteri dalam satu masa seperti menghimpunkan dua beradik atau anak saudara dan ibu saudara
- Perempuan yang masih menjadi isteri orang
- Bekas isteri yang ditalak tiga sebelum berkahwin dengan orang lain, bercerai dengan suaminya yang baru dan habis edah
- Perempuan musyrik

13.3 HIKMAT PENGHARAMAN

- zuriat yang lahir dari keturunan dengan kerabat yang hampir adalah tidak cergas dari segi jasmani dan rohani
- Menyebabkan terputusnya hubungan kekeluargaan apabila berlaku perselisihan yang berakhir dengan pergaduhan
- Untuk menjaga maruah dan tatasusila manusia dari sebarang keadaan yang tidak baik

13.4 HUKUM MELIHAT BAKAL ISTERI

- Islam mengharuskan melihat bakal isteri atau suami supaya tidak timbul perkara yang tidak baik di kemudian hari
- Seseorang lelaki diharuskan melihat muka dan tapak tangan bakal isterinya sahaja dengan gitemani oleh mahram bakal isterinya
- Islam melarang perempuan dan lelaki berdua-duaan walaupun dengan bakal isteri kerana perbuatan tersebut boleh mengundang fitnah dan menjatuhkan maruah orang Islam

13.5 MEMINANG DALAM ISLAM

- Meminang bermaksud lamaran dari pihak lelaki kepada pihak perempuan pilihannya untuk dijadikan calon isteri
- Meminang adalah diharuskan dalam Islam kerana ianya merupakan titik permulaan kepada ikatan kasih sayang dan kebahagiaan rumahtangga
- Peminangan hendaklah disertakan dengan pemberian atau tanda kepada perempuan sebagai tanda ikatan seperti cincin atau sebagainya
- Sekiranya pertunangan diputuskan, harus orang yang meminang menuntut kembali pemberiannya tertakluk kepada perjanjian semasa pertunangan
- Bertunang bertujuan untuk pihak lelaki dan perempuan mengenali hati budi masing-masing sebelum hidup bersama sebagai suami isteri
- Meminang boleh dilakukan dengan cara berterus terang atau dengan kiasan terhadap anak gadis atau janda yang telah habis edahnya

- Haram meminang perempuan yang masih dalam idah raj'e kerana perempuan tersebut masih dalam tanggungan bekas suaminya

13.6 RUKUN-RUKUN NIKAH

- Lelaki
- Perempuan
- Wali
- Dua orang saksi lelaki yang adil
- Akad (ijab dan qabul)

13.7 SYARAT-SYARAT RUKUN NIKAH SUAMI

- Beragama Islam
- Lelaki yang tertentu
- Bukan mahram bagi bakal isteri
- Bukan berada dalam ihram

ISTERI

- Beragama Islam
- Seorang perempuan yang tertentu
- Bukan isteri orang atau dalam idah
- Bukan mahram bagi bakal suami
- Tidak berada dalam ihram haji atau umrah

SAKSI

- beragama Islam
- dua orang lelaki
- adil
- baligh
- berakal
- boleh melihat dan mendengar
- mempunyai ingatan yang baik
- mengerti dan memahami lafaz ijab dan qabul
- bukan wali yang melakukan akad nikah

AKAD (IJAB DAN QABUL)

- Ijab dan qabul berlaku dalam satu majlis
- Ucapan qabul tidak menyalahi ijab
- Bahasa yang digunakan difahami oleh wali, bakal suami dan dua orang saksi
- Antara ijab dan qabul tidak diselangi dengan ucapan lain atau diam yang lama

WALI

- Beragama Islam
- Baligh
- Berakal
- Lelaki
- Adil
- Merdeka
- Tidak dalam ihram
- Tidak dipaksa mewalikan

13.8 KETERANGAN BAGI WALI**1. PEMBAHAGIAN WALI**

- Wali nasab**
 - Wali aqrab
 - Wali ab'ad
- Wali Hakim**

2. SUSUNAN WALI**MUJBIR**

- Bapa kepada pengantin perempuan (AQRAB)
- Datuk di sebelah bapa (AB'AD)

AB'AD

- Adik beradik lelaki seibu sebapa
- Adik beradik lelaki sebapa
- Anak saudara lelaki daripada adik beradik lelaki yang seibu sebapa
- Anak saudara lelaki dari adik beradik sebapa
- Bapa saudara sebelah bapa yang sibu sebapa
- Bapa saudara sebelah bapa yang sebapa
- Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa
- Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa yang sebapa

WALI HAKIM

- Pemerintah

3. WALI MUJBIR

Wali mujbir iaitu bapa dan datuk boleh menikahkan anak perempuan yang masih gadis tanpa meminta izin terlebih dahulu. Bagaimana pun tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan

- Tidak ada permusuhan antara anak dan bapa
- Lelaki tersebut sekufu (sesuai) dengan anaknya
- Maskahwinnya sebanding dengan maskahwin saudaranya
- Tidak mengahwinkan anaknya dengan orang yang tidak mampu membayar maskahwinnya
- Tidak mengahwinkan anaknya dengan lelaki yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada anaknya
- Lelaki tersebut bukanlah lelaki yang sangat tua.

4. PERPINDAHAN WALI AKRAB KEPADA WALI AB'AD

Wali Ab'ad tidak harus mengahwinkan perempuan yang diwakilinya selagi masih ada wali aqrab. Tetapi jika wali aqrab yang ada tidak sempurna syarat kelayakan barulah wali berpindah kepada wali ab'ad mengikut susunan. Sebab-sebab perpindahan tugas pewalian adalah:

- Jika wali aqrab masih dalam kekufuran
- Jika dia seorang yang bersifat fasik atau tidak adil
- Jika dia seorang yang gila
- Jika dia masih lagi kanak-kanak
- Jika dia seorang yang bisu
- Jika dia seorang yang bodoh
- Jika dia seorang hamba abdi

5. PERPINDAHAN WALI NASAB KEPADA WALI HAKIM

Antara sebab yang membolehkan wali hakim berfungsi :

- Apabila tidak terdapat wali nasab
- Apabila wali aqrab tidak menepati syarat kelayakan dan tidak ada wali nasab yang ab'ad untuk menjalankan tugas pewalian
- Wali nasab yang aqrab berada di suatu tempat yang jauh yang membolehkan solat qasar
- Wali aqrab sedang berihram
- Wali aqrab berada dalam penjara yang tidak ada jalan untuk menemuinya
- Wali aqrab menyembunyikan diri kerana tidak mahu mengahwinkannya
- Wali aqrab enggan secara terang-terangan melangsungkan perkahwinannya
- Wali aqrab hilang tidak diketahui di mana dia berada
- Wali setaraf bergaaduh dan tidak dapat diselesaikan

13.9 MAHAR

- Mahar ialah pemberian wajib dari suami kepada isterinya yang berupa wang ringgit atau barang berharga yang mempunyai nilai

- Pemberian mahar adalah wajib bgaiamana pun ia tidak menjadi rukun dalam pernikahan.
- Kadarnya tidak ditetapkan dalam Islam, namun terpulung kepada pihak isteri dan kesanggupan pihak suami
- Islam menggalakkan pembayaran maskahwin yang sederhana
- Jika perceraian terjadi sebelum berlaku persetubuhan maka suami wajib membayar separuh dari maskahwinnya

13.10 BAHAGIAN MAHAR

- Mahar musamma iaitu mahar yang ditentukan kadarnya mengikut persetujuan kedua belah pihak sama ada disebut dalam akad atau tidak
- Mahar misil iaitu mahar yang tidak ditentukan kadarnya tetapi berdasarkan kadar mahar saudara-saudara perempuan sebelah isteri

13.11 SYARAT-SYARAT MAHAR

- hendaklah di ambil dari bahan yang suci atau pekerjaan yang bermanfaat
- ia adalah milik suami
- mampu menyerahkan kepada isteri (bukan harta rampasan atau dalam milik orang lain)
- diketahui sifat dan jumlahnya

13.12 HIKMAT-HIKMAT MAHAR

- Melambangkan ikatan kasih sayang dan kesetiaan untuk hidup bersama sebagai suami isteri
- Merupakan penghormatan lelaki kepada seorang perempuan
- Supaya hati isteri merasa gembira dengan pemberian tersebut dan bersedia menjadi isteri yang baik.

13.13 WALIMATUL URUS

- Walimatul urus ialah kenduri atau jamuan yang diadakan sempena meraikan majlis perkahwinan
- Hukum mengadakan walimatul urus adalah sunat muakad kerana ia perbuatan baik dan mulia
- Islam menggalakkan walimatul urus tetapi melarang mengadakannya secara besar-besaran kerana boleh menimbulkan kesan yang tidak baik
- Hukum menghadiri walimatul urus adalah wajib sekiranya dijemput, tiada keuzuran dan tidak terdapat perkara yang dilarang dalam islam

13.14 TUJUAN WALIMATUL URUS

- Melahirkan tanda kesyukuran dan kegembiraan
- Mengebahkan pernikahan tersebut supaya diketahui oleh orang ramai
- Untuk mengeratkan persaudaraan antara kedua belah pihak
- Supaya tidak timbul perkara yang tidak diinginkan dikemudian hari

13.15 PERKARA YANG DILARANG KETIKA WALIMAH

- Mengadakan hiburan yang melalaikan atau acara yang bertentangan dengan syariat Islam
- Mengadakan walimah secara besar-besaran dengan tujuan bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk kepada orang ramai
- Mementingkan perkara-perkara haram dalam majlis tersebut
- Mengadakan walimah yang mempunyai unsur-unsur pembaziran
- Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan ajnabi

TAJUK 14: IBADAT TANGGUNG JAWAB SUAMI ISTERI

Perkahwinan dalam Islam menuntut tanggungjawab dan hak yang berat. Setiap pasangan perlulah memenuhi tanggungjawab dan hak bagi pasangan masing-masing.

14.1 TANGGUNGJAWAB SUAMI

- Menyediakan keperluan asas untuk isteri dan anak seperti tempat tinggal, pakaian dan sebagainya
- Menyempurnakan kewajipan seorang suami dengan menyempurnakan nafkah untuk isteri dan anak-anak
- Memberi layanan yang baik seperti tutur kata yang baik, sopan dan kasih sayang
- Memberi pengetahuan dan didikan agama yang secukupnya kepada isteri dan anak-anak merangkumi ilmu dunia dan akhirat
- Menjamin keselamatan dan perlindungan kepada isteri dan anak-anak
- Berlaku adil kepada isteri-isteri jika sekiranya mempunyai isteri lebih dari seorang

14.2 TANGGUNGJAWAB ISTERI

- patuh pada perintah suami yang tidak bertentangan dengan Islam
- Memberi layanan yang baik serta menunjukkan taat setia dan kasih sayang kepada suami
- Menjaga maruah diri dan harta suami semasa suami tiada di rumah
- Tidak meninggalkan rumah tanpa izin dan pengetahuan suami
- Melakukan perkara-perkara yang menyenangkan hati suami
- Menjaga dan mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang
- Tidak menderhaka kepada suami sama ada dengan perkataan atau perbuatan
- Mengurus konomi rumahtangga dengan baik supaya tidak membebankan suami

14.3 TANGGUNGJAWAB BERSAMA SUAMI ISTERI

- Berusaha mengekalkan kerukunan rumahtangga melalui beberapa sifat iaitu kasih sayang, saling menghormati, bertolak ansur dan bersabar
- Mendidikan anak-anak dengan didikan yang sempurna dunia dan akhirat
- Memberi kasih sayang kepada anak-anak supaya mereka tidak melakukan perkara yang tidak diingini
- Memberi layanan yang baik dan saksama kepada keluarga kedua belah pihak
- Bersama-sama menanggung segala kesusahan dan kesukaran yang timbul dalam rumahtangga
- Bersabar dengan segala dugaan dan masalah yang timbul dalam rumahtangga

14.4 HAK BERSAMA SUAMI DAN ISTERI

- Menikmati perasaan kasih sayang dari kedua-dua pihak
- Kerjasama dan bantu membantu dalam semua urusan rumahtangga
- Bersama-sama mewarisi harta jika salah seorang meninggal dunia
- Mendapat hak yang sama terhadap anak-anak sekiranya berlaku perceraian

14.5 CIRI-CIRI SUAMI BERTANGGUNGJAWAB

- Beriman, bertaqwa kepada Allah
- Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap rumahtangga dan anak-anak
- Mempunyai sifat menyayangi semua ahli keluarga
- Bertimbang rasa dan membantu isteri membuat kerja-kerja rumah
- Memiliki akhlak yang mulia, sabar dan tabah menghadapi masalah isteri dan anak-anak
- Mendidikan anak-anak dengan ilmu agama
- Mempunyai ilmu pengetahuan yang khusus untuk mendidik isteri dan anak-anak

14.6 CIRI-CIRI ISTERI BERTANGGUNGJAWAB

- Beriman bertaqwa kepada Allah
- Memiliki akhlak yang mulia
- Tabah dan sabar dalam menghadapi masalah rumahtangga
- Mengurus rumahtangga dan anak-anak dengan baik dan ikhlas
- Tidak melakukan perbuatan yang menyakitkan hati suami
- Mempunyai ilmu pengetahuan khususnya ilmu agama untuk mendidik anak-anak
- Patuh kepada suruhan suami yang tidak bertentangan dengan syariat Islam

14.7 CIRI-CIRI SUAMI YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

- Tidak menyediakan keperluan rumahtangga
- Tidak mengambil berat tentang keselamatan ahli keluarga
- Membiarkan anak-anak tidak melakukan perbuatan yang tidak baik
- Tidak mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak
- Membebankan tugas mengurus rumahtangga kepada isteri
- Suka memukul isteri, tidak bertolak ansur dan tidak bekerjasama dalam melakukan sesuatu perkara

14.8 CIRI-CIRI ISTERI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

- suka keluar rumah tanpa izin suami atau ketika suami tiada di rumah
- tidak mengurus rumahtangga dengan baik dan mengabaikan tanggungjawab sebagai isteri
- tidak memberi pendidikan kepada anak-anak dengan baik
- tidak menjaga keselamatan harta dan amanah suami
- membebankan suami dengan perkara yang tidak penting
- membiarkan anak-anak melakukan perkara yang tidak baik

14.9 KESAN SUAMI ISTERI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

- Sentiasa berlaku pergaduhan antara suami dan isteri kerana tidak puas hati dengan sikap masing-masing
- Perkara ini boleh membawa kepada perceraian dan keruntuhan rumahtangga
- Anak-anak akan menjadi mangsa kepada pertengkaran ibu dan bapa sehingga mengganggu emosi mereka
- Tidak wujud sebuah rumahtangga yang aman dan bahagia
- Akan mendorong anak-anak melakukan perbuatan yang tidak baik

14.9 CADANGAN PEMBENTUKAN RUMAHTANGGA YANG BAHAGIA

- Suami dan isteri hendaklah beriman dan bertaqwa kepada Allah
- Suami dan isteri hendaklah saling memahami antara satu sama lain
- Mereka hendaklah saling memahami keadaan dan keperluan masing-masing
- Sentiasa bertolak ansur dan tidak melakukan sesuatu perkara yang boleh menyakiti pasangan
- Sentiasa sabar dalam menghadapi masalah rumahtangga
- Menyelesaikan segala masalah sama ada kecil atau besar dengan segera
- Elakkan sikap mementingkan diri sendiri sebaliknya memikirkankan demi kebaikan bersama

14.10 FAKTOR BERLAKU PENDERAAN ANAK

- Sikap ibu bapa yang tidak bertanggungjawab
- Ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan tentang tanggungjawab terhadap anak-anak
- Untuk membalas dendam kepada pasangan yang menyakiti hatinya
- Masyarakat tidak mempunyai sikap perihatin terhadap masalah sekeliling

14.11 CARA MENGATASI MASALAH PENDERAAN ANAK

- Mengadakan bimbingan dan kaunseling kepada ibu bapa yang bermasalah
- Mengadakan kursus-kursus untuk pasangan yang belum dan sudah berkahwin
- Mempertingkatkan kempen keluarga bahagia
- Mewujudkan suasana sayang menyayangi terhadap anak-anak.

TAJUK 15 : PENYELESAIAN MASALAH RUMAHTANGGA

1. TALAK

15.1.1 PENGERTIAN

Melepaskan ikatan perkahwinan atau perpisahan antara suami dan isteri melalui lafaz talak atau lain-lain seumpamanya

15.1.2 RUKUN-RUKUN TALAK

(a) Suami yang menceraikan

- Berakal
- Baligh
- Dengan kehendak sendiri

(b) Isteri

- Masih isterinya yang sah
- Masih dalam kekuasaan suami

(c) Lafaz

- Lafaz terang (Sarih) iaitu lafaz yang tidak menimbulkan keraguan padanya menunjukkan perceraian atau memutuskan ikatan perkahwinan. Lafaz sarih tidak memerlukan kepada niat
- Lafaz Kinayah : Lafaz yang terdapat keraguan sama ada dimaksudkan cerai atau tidak. Lafaz ini memerlukan kepada niat bercerai dengan isteri

15.1.3 HIKMAT KUASA TALAK KEPADA KAUM LELAKI

- Orang lelaki mempunyai hak dalam mengendalikan semua urusan rumahtangga dan dia bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal tersebut
- Kaum lelaki adalah pemimpin dalam sebuah rumahtangga dan berhak melakukan sesuatu kebaikan diri dan rumahtangganya
- Kaum lelaki lebih cermat dan berhati-hati dalam menghadapi kesulitan serta mempunyai pandangan yang jauh dalam membuat sesuatu keputusan.

15.1.4 HUKUM-HUKUM TALAK

- Wajib : apabila perselisihan antara suami dan isteri tidak mempunyai jalan penyelesaian dan kedua-dua pihak bersetuju supaya mereka bercerai
- Sunat : apabila suami tidak sanggup memberi nafkah kepada isteri atau isteri berkelakuan tidak baik

- Makruh : apabila suami menjatuhkan talak kepada isteri yang baik tanpa apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh isterinya
- Haram : apabila suami menjatuhkan talak kepada isterinya yang sedang dalam haid atau nifas atau pada masa suci yang telah disetubuhi.
- Harus : apabila tiada persefahaman untuk hidup bersama sebagai suami isteri

15.1.5 JENIS-JENIS TALAK

- Sunni : Talak yang bersesuaian dengan kehendak syarak seperti menceraikan isteri dengan talak satu ketika isterinya suci dari haid dan belum disetubuhi
- Bid'i : Talak yang tidak mengikut peraturan syarak seperti menceraikan isteri ketika haid atau nifas atau menceraikan isteri dengan talak tiga sekali dus
- Raj'i : Talak yang boleh dirujuk semula tanpa akad nikah yang baru semasa isterinya masih dalam idah
- Ba'in : Talak yang tidak boleh dirujuk tanpa akad nikah yang baru
 - (i) Bain Sughra iaitu talak yang boleh dirujuk dengan akad nikah yang baru iaitu
 - talak raj'i yang telah lupus waktu idah
 - Talak dengan sebab khuluk
 - Isteri yang diceraikan sebelum disetubuhi
 - (ii) Bain Kubra iaitu Talak yang tidak boleh dirujuk dengan akad nikah yang baru kecuali selepas bekas isterinya berkahwin dengan orang lain dan melalui proses perceraian biasa iaitu perceraian dengan talak tiga.
- Muallaq iaitu talak yang tertaluk kepada syarat yang ditentukan
- Munjiz iaitu talak yang tidak diikat dengan apa-apa syarat

15.1.6 BILANGAN TALAK

- Talak satu iaitu perceraian kali pertama dan dengan talak satu
- Talak dua iaitu perceraian kali kedua atau perceraian kali pertama tetapi dijatuhkan talak dua sekaligus
- Talak tiga iaitu perceraian kali ketiga atau perceraian kali pertama tetapi dijatuhkan talak tiga sekaligus

15.1.7 HIKMAT DITETAPKAN BILANGAN TALAK

- Untuk memberi kesempatan dan peluang kepada kedua belah pihak mencari jalan penyelesaian dan penyesuaian serta berbaik-baik semula
- Seseorang yang bercerai mungkin menyesal dengan perlakuannya tetapi dengan adanya masa idah membolehkan pasangan tersebut rujuk semula
- Bilangan talak sebanyak tiga kali sudah memadai untuk menentukan keputusan muktamad dalam hubungan suami isteri dan pembentukan keluarga bahagia

15.1.8 HIKMAT-HIKMAT TALAK

- Memberi peluang kepada suami isteri menginsafi kesalahan masing-masing dan membaikinya bagi memulakan hidup baru
- Memberi jalan kepada pasangan yang tiada persefahaman memulakan hidup baru dengan orang lain
- Sebagai jalan penyelesaian kepada pasangan yang tidak mendapat zuriat

2. FASAKH**15.2.1 PENGERTIAN**

Membatalkan ikatan perkahwinan melalui kuasa kadi dengan sebab-sebab yang diharuskan dalam syarak. Fasakh adalah permintaan dari pihak isteri untuk berpisah melalui kuasa kadi

15.2.2 PROSES MENUNTUT FASAKH

- Isteri membuat aduan di mahkamah atau pejabat kadi
- Pihak mahkamah akan menjalankan siasatan dan perbicaraan
- Sekiranya terbukti kesahihan aduan isteri mahkamah boleh memfasakhkan perkahwinan tersebut

15.2.3 SEBAB YANG MENGHARUSKAN FASAKH

- Suami tidak bertanggungjawab menanggung nafkah zahir dan batin
- Suami menghilangkan diri sekian lama tanpa berita
- Suami tidak berlaku adil kepada isteri (jika isteri lebih dari seorang)
- Suami menghadapi penyakit berbahaya yang sukar diubati

- Suami tidak taat ajaran agama dan selalu melakukan maksiat
- Suami melakukan kezaliman kepada isteri seperti memukul dan sebagainya.

15.2.4 HIKMAT FASAKH

- Mengelakkan isteri nusyuz atau melakukan perkara yang tidak baik
- Mengelakkan berlakunya penganiayaan oleh suami yang tidak bertanggungjawab
- Memberi peluang kepada isteri untuk memilih jalannya sendiri

15.2.5 KESAN-KESAN FASAKH

- Suami isteri tidak boleh rujuk semula walaupun masih dalam tempoh idah
- Sekiranya ingin kembali bersama mereka perlulah melakukan akad nikah yang baru.

3. KHULUK**15.3.1 PENGERTIAN**

Khuluk bermaksud perceraian antara suami dan isteri secara tebus talak iaitu isteri membayar gantirugi atau memulangkan mahar dan segala yang diterima dengan kadar yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

15.3.2 KESAN KHULUK

Suami tidak boleh merujuki bekas isteri yang ditebus talak walaupun dalam tempoh idah. Suami boleh berkahwin dengan isterinya dengan akad nikah yang baru

15.3.3 HIKMAT KHULUK

- Mengelakkan isteri menderhaka kepada suami
- Memberi keinsafan dan kesedaran kepada kedua-dua pihak terhadap kesilapan yang lalu dan berusaha membetulkannya
- Merupakan penghormatan kepada perempuan kerana mereka ada hak untuk bertindak mengikut peraturan yang betul

4. NUSYUZ**15.4.1 PENGERTIAN**

Nusyuz ialah isteri menderhaka kepada suaminya tanpa alasan yang munasabah menurut syarak

15.4.2 CONTOH NUSYUZ

- Isteri keluar rumah tanpa izin atau pengetahuan suami
- Isteri menolak ajakan suami untuk melakukan jimak
- Isteri bersikap kasar terhadap suami
- Isteri tidak mengikut arham suami yang tidak bertentangan dengan Islam

- Isteri tidak berhak mendapat layanan dan keadilan dari suami
- Isteri tidak boleh membuat tuntutan nafkah dari suami

15.4.4 FAKTOR BERLAKU NUSYUZ

- Isteri tidak bertanggungjawab
- Tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang tanggungjawab masing-masing
- Tidak mempunyai penghayatan agama yang baik
- Terpengaruh dengan kesenangan dan keseronokan dunia

15.4.3 KESAN-KESAN NUSYUZ

- Isteri hilang hak sebagai seorang isteri
- Suami tidak lagi bertanggungjawab memberikan nafkah kepadanya'

15.4.5 ADAB MENDIDIK ISTERI NUSYUZ

Suami terlebih dahulu mengenalpasti dan memperbetulkan kesilapan diri

- Suami hendaklah memberi nasihat kepada isterinya dengan cara yang baik dan bijaksana di samping menerangkan kesalahan yang dilakukan pihak isteri
- Sekiranya cara tersebut tidak berkesan, suami hendaklah mengasingkan isterinya dalam tempoh tiga hari
- Jika belum berkesan suami boleh memukul isteri dengan pukulan yang tidak memudaratkan
- Jika tidak berkesan suami boleh melaporkan kepada mahkamah atau melantik orang tengah untuk menyelesaikan masalah

5. IDAH

15.5.1 PENGERTIAN

Idah ialah masa menunggu yang telah ditetapkan oleh syarak ke atas isteri yang dicerai sama ada bercerai hidup atau bercerai mati

15.5.2 TEMPOH IDAH

Tempoh idah bergantung kepada keadaan semasa berlakunya perceraian tersebut. Tempohnya seperti berikut

Keadaan isteri	Tempoh idah
Diceraikan dan belum putus haid	Tiga kali suci
Diceraikan dan telah putus haid	Tiga bulan
Diceraikan dan sedang hamil	Sehingga melahirkan kandungan
Diceraikan dan belum disetubuhi	Tiada idah
Kematian suami dan tidak hamil	4 bulan 10 hari
Kematian suami dan hamil	Selepas melahirkan kandungan

15.5.3 HIKMAT DISYARIATKAN IDAH

- Memberi peluang kepada suami merujuk bekas isteri jika menyesal dengan perpisahan itu
- Sebagai masa berkabung bagi isteri yang telah kematian suami
- Bagi memberi peluang kepada isteri untuk membuat persediaan memulakan hidup baru
- Bagi memastikan rahim isteri bersih dan bebas dari benih bekas suaminya sebelum berkahwin lain bagi menjamin kesucian keturunan

15.6.1 PENGERTIAN

Kembali iaitu suami mengambil kembali isteri yang telah dicerai kan kepangkuannya ketika dalam idah raj'i tanpa akad yang baru dan ianya merupakan hak suami

15.6.2 RUKUN RUJUK

- Suami yang merujuk
- Isteri yang dirujuk
- Lafaz atau perkataan rujuk

15.6.3 SYARAT-SYARAT RUJUK

(a) Suami

- Seorang yang sempurna akalnya
- Cukup umur balighnya
- Merujuk dengan pilihan sendiri
- Belum menjadi murtad

- Tindakan yang terakhir terhadap isteri nusyuz, bolehlah dicerai dengan talak satu.

15.4.6 LANGKAH MENCEGAH NUSYUZ

- Suami dan isteri melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan baik
- Bersikap terbuka dan elakkan prasangka buruk terhadap pasangan
- Selalu berbincang dan berterus terang dalam semua perkara
- Suami dan strei perlu bertolak ansur antara satu dengan lain.

- Untuk memberi peluang epada suami isteri untuk berbaik semula dan memulakan hidup baru dengan lebih bertanggungjawab
- Supaya memikirkan kesilapan diri dalam tempoh idah
- Sebagai penghormatan kepada kaum wanita kerana dalam masa idah suami bertanggungjawab menyera makan minum dan tempat tinggal isteri

15.5.6 HAK DAN KEDUDUKAN ISTERI SEMASA IDAH

(a) Talak Raj'i

- Suami boleh merujuk isteri jika bercerai talak satu atau dua
- Suami bertanggungjawab menanggung segala nafkah perbelanjaan yang berpatutan dan juga tempat tinggal
- Isteri tidak boleh keluar rumah tanpa izin bekas suaminya

(b) Talak tiga

- Sekiranya isteri tidak mengandung dia berhak mendapat tempat tinggal sahaja
- Sekiranya isteri mengandung dia berhak mendapat tempat tinggal dan perbelanjaan harian

15.5.7 PERKARA DILARANG KETIKA IDAH

- Peminangan oleh lelaki lain secara terang atau kiasan (sindiran) sama ada bercerai hidup atau becerai mati
- Keluar dari rumah yang disediakan oleh suami tanpa keizinan suami kecuali keperluan yang dibenarkan syarak
- Menghias diri terutama idah kematian suami. Bagi talak raj'i diharuskan dan talak ba'in disunatkan tidak berhias
- Perkahwinan dengan lelaki lain yang bukan suaminya

6. RUJUK

(b) Isteri

- Seorang isteri yang telah disetubuhi
- Bekas isteri yang telah dicerai dengan talak raj'i dan masih dalam idah
- Perceraian bukan kerana fasakh atau khuluk
- Bulan cerai dengan talak tiga

(c) Lafaz

- Ada lafaz yang menunjukkan rujuk (Lafaz Soreh)
- Lafaz kinayah memerlukan kepada niat rujuk
- Lafaz rujuk tidak diikat dengan sesuatu

CATATAN:

Rujuk tidak memerlukan saksi sebagaimana nikah bagaimanapun adalah lebih baik supaya rujuk di hadapan saksi untuk mengelakkan sesuatu yang tidak diinginkan

15.6.4 HUKUM RUJUK

- Hukum asalnya adalah harus bagaimanapun ianya berubah mengikut sebab-sebab tertentu
- Wajib sekiranya bagi suami yang berpoligami dan menceraikan salah seorang isteri sedangkan belum disempurnakan giliran terhadap isteri yang diceraikannya itu
- Haram sekiranya rujuk mendatangkan kemudharatan kepada bekas isterinya atau bertujuan menganiaya isteri
- Makruh sekiranya perceraian adalah lebih baik dari berbaik semula

15.7.1 PENGERTIAN

- Menurut bahasa berasal dari perkataan Al Zihar “ Yang beerti belakang
- Dari sudut istilah syarak pula zihar bermaksud suami menyamakan isterinya atau mana-mana anggotanya dengan ibunya atau mana-mana perempuan yang haram baginya
- Perkataan zihar digunakan oleh orang Arab sebagai kiasan bagi hubungan kelamin iaitu mengharamkan dari segi hubungan kelamin.

15.7.2 HUKUM ZIHAR

Hukum zihar adalah haram dan berdosa besar. Hubungan kelamin antar suami isteri yang berlaku zihar adalah haram sehingga suami membayar kifarar zihar

15.7.3 RUKUN ZIHAR

- Suami
- Isteri
- Orang yang diserupakan zihar
- Sighah

15.7.4 SYARAT ZIHAR**Suami**

- Baligh, tidak sah zihar oleh kanak-kanak
- Berakal
- Sah talak.
- Kemahuan sendiri

Isteri

- Isteri yang sah
- Zihar disandarkan kepada isterinya atau mana-mana anggotanya

15.8.1 PENGERTIAN

- Dari segi bahasa beerti laknat
- Dari sudut istilah syarak ialah sumpahan suami yang disertakan dengan laknat Allah untuk menolak hukuman qazaf disebabkan tuduhan zina terhadap isteri atau menafikan nasab. Lian juga bermaksud sumpah isteri yang disertakan dengan kemurkaan Allah untuk menolak tuduhan zina suaminya

15.8.2 SEBAB BERLAKU LIAN

- Apabila suami menuduh isterinya berzina tanpa membawa empat orang saksi dia boleh dikenakan hukuman qazaf iaitu 80 kali sebatan

- Sunat sekiranya rujuk akan membawa kebahagiaan kepada isteri dan ahli keluarga yang lain

15.6.5 HIKMAT RUJUK

- Supaya pasangan dapat menginsafi dan menebus kesilapan yang lalu
- Bagi menyambung ikatan perkahwinan yang putus demi masa depan anak-anak
- Bagi memulihkan kembali ketenteraman jiwa dan perasaan suami isteri yang menderita akibat perceraian
- Untuk mengelakkan kesan buruk pada anak-anak yang menjadi mengsa perceraian ibu bapa.

7. ZIHAR

Orang yang diserupakan dalam zihar

- Perempuan
- Perempuan yang diharamkan dengan sebab nazab, persembadaan atau susuan

Sighah

- Jika lafaz yang digunakan jelas dan khusus, tidak memerlukan kepada niat
- Jika lafaz yang digunakan tidak khusus ia memerlukan kepada niat

15.7.5 LANGKAH MENGELAK DARIPADA BERLAKU ZIHAR

- Tidak mengikut sifat Arab Jahiliyah apabila marah atau berselisih faham dengan isteri
- Memahami konsep zihar sebenar
- Suami hendaklah menahan kemarahan supaya tidak tergesa-gesa menzihar isterinya

15.7.6 KIFARAH ZIHAR

- Memerdekakan seorang hamba mu'min
- Jika tidak mampu, suami wajib berpuasa selama dua bulan berturut-turut
- Jika tidak mampu berpuasa, suami wajib memberi makanan kepada enam puluh orang miskin dengan kadar secukupnya bagi setiap seorang. Makanan yang disyaratkan sah untuk dikeluarkan zakat

15.7.7 AKIBAT ZIHAR

- Suami yang melakukan zihar mendapat kemurkaan Allah dan berdosa besar
- Suami isteri haram melakukan persetubuhan
- Perbuatan zihar menjatuhkan maruah isteri
- Suami wajib membayar kifarar

8. LI'AN

- Untuk mengelakkan hukuman tersebut suami hendaklah bersumpah lian untuk membenarkan tuduhan.
- Isteri pula dikehendaki bersumpah jika hendak menolak tuduhan suami, jika isteri tidak berbuat demikian dia boleh dikenakan hukuman rejam hingga mati.

15.8.3 PROSES LIAN

- Apabila suami menuduh isterinya berzina tanpa mengemukakan empat orang saksi atau menafikan anak yang dikandung oleh isterinya dan isteri menolak tuduhan tersebut, suami boleh dikenakan hukuman qazaf
- Bagaimanapun hakim akan meminta suami melakukan proses lian

- Suami bersumpah di hadapan hakim dengan lafaz “**Aku bersaksi dengan nama Allah bahawa tuduhan zina terhadap isteriku adalah benar**” sebanyak empat kali berturut-turut. Jika menafikan anak dalam kandungan sumpah tersebut hendaklah disambung dengan lafaz : “**Sesungguhnya anak yang dilahirkan oleh isteriku itu bukan dariku**”
- Pada sumoah yang kelima suami bersumpah dengan lafaz : “**Sesungguhnya laknat Allah akan menimpa diriku jika aku berdusta dalam membuat tuduhan zina terhadap isteriku**”
- Isteri hendaklah bersumpah di hadapan hakim dengan lafaz “**Aku berasaksi dengan nama Allah bahawa tuduhan zina yang dibuat oleh suamiku terhadap diriku adalah dusta**” Dia hendaklah mengulangi sebanyak empat kali berturut-turut.
- Pada kali kelima isteri bersumpah dengan lafaz “**Sesungguhnya kemurkaan Allah akan menimpa diriku jika tuduhan suamiku adalah benar**”

TAJUK 16 POLIGAMI

16.1 PENGERTIAN

Poligami ialah seorang lelaki yang mempunyai isteri lebih dari seorang. Islam membenarkan seorang lelaki mempunyai 4 orang isteri pada satu-satu masa

16.2 SYARAT-SYARAT POLIGAMI

- Lelaki yang hendak bepiligami hendaklah seorang yang taat pada perintah Allah
- Lelaki tersebut mestilah berlaku adil mengenai nafkah zahir dan batin
- Lelaki tersebut mempunyai tubuh badan yang sihat supaya dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna
- Mempunyai sumber kewangan yang cukup dan teguh untuk menampung keperluan keluarga
- Mampu menunjukkan sikap yang adil tanpa mengamalkan sikap pilih kasih

16.3 HIKMAT POLIGAMI

- Memberikan zuriat kepada pasangan yang isterinya tidak dapat melahirkan anak
- Sebagai satu cara melindungi kaum wanita yang tidak mempunyai suami atau kehilangan suami
- Sebagai langkah perlindungan kepada anaka-anak yatim dari menjadi anak terbiar dan hidup melarat
- Mengelakkan kaum lelaki terjerumus ke lembah maksiat kerana nafsu lelaki tidak pernah berkurang berbanding nafsu perempuan

15.8.4 IMPLIKASI LI'AN TERHADAP SUAMI ISTERI

- Suami isteri terpisah selepas sumpah li'an
- Suami tidak lagi boleh berkahwin semula dengan bekas isterinya itu selama-lamanya
- Suami yang membuat tuduhan dilepaskan dari hukuman qazaf
- Isteri akan dikenakan hukuman zina jika tidak menafikan tuduhan suami
- Anak yang dinafikan dalam sumpah li'an ternafi nasabnya daripada suami yang bersumpah
- Isteri berhak menuntut nafkah anak jika suami tidak menafikan nasabnya

15.8.5 HIKMAT DISYARIATKAN LI'AN

- Suami dapat mencari jalan penyelesaian secara adil dan diredhai Allah
- Isteri dapat menjaga maruahnyanya daripada tercemar dengan melakukan sumpah li'an di hadapan orang ramai
- Suami dapat mempertahankan kesucian nasabnya daripada dicemari oleh isteri yang melakukan perbuatan zina

- Untuk mengatasi jumlah kaum wanita yang semakin ramai berbanding kaum lelaki
- Menambahkan bilangan umat islam di atas muka bumi dengan cara yang halal

16.4 KESAN POLIGAMI YANG TIDAK MENGIKUT SYARAT

- menimbulkan permusuhan dala keluarga terutama di kalangan isteri-isteri
- menimbulkan masalah kepada anak-anak yang tidak cukup perbelanjaan yang mendorong mereka melakukan perkara yang tidak baik
- Membawa kepada penganiayaan terhadap kaum wanita yang bersifat lemah
- Sesebuah keluarga tidak aman akan mewujudkan masyarakat yang kucar-kacir

16.5 CIRI-CIRI KEADILAN DALAM POLIGAMI

- Memberi layanan yang sama di antara isteri-isteri termasuk juga bilangan hari giliran bersama
- Tidak melebihi antara seorang lelaki daripada seorang isteri yang lain dan tidak pula membezakan mereka
- Berlaku adil dari segi pemberian nafkah, penyediaan tempat tinggal, makanan, pakaian dan segala keperluan aas yang lain
- Berkemampuan dari segi berpiligami

TAJUK 17 KEMAHIRAN KEIBU BAPAAN

17.1 KONSEP KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN

- Pasangan yang berkahwin menurut syariat Islam akan melahirkan zuriat yang sah disisi Islam. Anak merupakan amanah Allah kepad pasangan suami dan isteri

- Anak-anak perlu diberi pendidikan yang baik dan dididik dengan dengan akhlak mulia
- Mereka perlu diberi ilmu pengetahuan yang sesuai sama ada dunia dan akhirat
- Mereka juga perlu diberi hak keperluan hidup yang sempurna mengikut kemampuan bagi suami isteri

17.2 CARA-CARA MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB KEPADA ANAK-ANAK

Semasa Mengandung

- Kesihatan ibu dan bayi dalam kandungan perlu dijaga untuk keselamatan dan kebaikan bayi
- Pemeriksaan doktor semasa mengandung adalah wajib untuk keselamatan ibu dan bayi
- Pemakanan ibu mengandung juga perlu dijaga dan mengikut nasihat doktor.
- Makanan yang dimakan hendaklah dari sumber yang halal untuk kesejahteraan bayi
- Sepanjang tempoh mengandung ibu bapa perlulah berakhlak mulia kerana ini akan mempengaruhi janin dalam kandungan
- Ibu bapa dilarang berakhlak keji kerana dikhuatiri akan menjadi contoh yang tidak baik kepada bayi yang dikandung
- Ibu bapa digalakkan memperanyakkan amalan fardhu dan sunat
- Ibu bapa hendaklah banyak membaca al Qur'an kerana ini merupakan didikan awal terhadap bayi yang dikandung
- Ibu bapa perlu menjauhi segala bentuk maksiat kerana akan memudharatkan ibu bapa dan kandungannya

Selepas kelahiran anak

- Bapa hendaklah melaksanakan sujud syukur kerana bersyukur dengan kelahiran bayi
- Selepas dilahirkan hendaklah diazankan dan di iqamatkan oleh bapa atau orang alim
- Melakukan tahnik kepada bayi
- Menanamkan anak dengan nama yang baik kerana nama akan mempengaruhi tingkah laku seseorang
- Bayi juka hendaklah dicukur rambutnya
- Memberi sedekah kepada fakir miskin dengannilai harga emas seberat rambut bayi yang dicukur
- Mengadakan akikah untuk bayi yang dilahirkan
- Membuat kenduri kesyukuran ke atas kelahiran bayi dengan daging akikah tersebut
- Melakukan khatan kepada bayi sama ada lelaki atau perempuan sebaik-baiknya semasa bayi masih kecil
- Mengajar dan menghantar anak-anak belajar cara-cara solat
- Menyuruh anak-anak solat ketika umur 7 tahun dan merotan untuk pendidikan sekiranya anak-anak enggan menunaikan solet ketika berumur 10 tahun

17.3 TANGGUNGJAWAB PENDIDIKAN ANAK-ANAK

Pendidikan Islam

- Memastikan anak-anak diberi kefahaman untuk menghayati ilmu akidah terutamanya rukun iman
- Memastikan anak-anak memahami rukun Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan
- Prinsip syariah Islamiah juga perlu difahami untuk memantapkan keimanan dan amalan sebagai mukmin sejati

Pendidikan Moral

- Prinsip akhlak perlu disemai sejak dari kecil lagi

- Mendidik anak-anak supaya mempunyai adab-adab mulia seperti bercakap benar, amanah, suka membantu dan sifat mahmudah yang lain
- Menjauhkan anak-anak dari sifat tercela seperti memaki, berdusta, mencuri dan lain-lain sifat mazmumah.

Pendidikan Jasmani

- Bertanggungjawab membesarkan anak-anak dalam keadaan sihat, cergas dan kuat tubuh badannya
- Penjagaan yang sempurna dari segi makan minum, tidur, kebersihan, bersukan dan berekreasi
- Memelihara dan menjaga anak-anak dari berlakunya kemudharatan tubuh badan dan fizikalnya

Pendidikan Intelek

- Anak-anak perlu diberikan didikan ilmiah sejak kecil hingga dewasa sama ada secara formal atau tidak formal
- Memahamkan anak-anak dengan amalan yang berkaitan dengan fardhu kifayah
- Mendidik anak-anak dengan membentuk pemikiran yang baik
- Mendidik anak-anak selaras dengan perkembangan ilmu sains dan teknologi supaya dapat memajukan diri dan masyarakat.

Pendidikan Rohani

- Menanamkan kepada kanak-kanak supaya bersifat berani menjadikan diri orang yang berani kerana benar
- Menanamkan sifat sabar kerana kejayaan banyak bergantung kepada kesabaran
- Menghindarkan dari sifat malu tidak bertempat
- Mempunyai sifat-sifat mulia seperti yakin kepada diri dan tidak bersifat pengecut
- Menjauhkan diri dari sifat dengki, iri hati dan pamarah kerana perkara ini akan memudahkan hasutan syaitan

Pendidikan Sosial


- Pergaulan mestilah ada batas-batasnya dan sentiasa berakhlak baik dalam masyarakat
- Menjaga batasan aurat sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Islam
- Bergaul mengikut ketetapan syarak terutama pergaulan antara lelaki dan perempuan
- Menghidupkan semangat ziarah menziarahi antara ahli keluarga, jiran tetangga dan ahli masyarakat
- Sentiasa menghormati hak orang lain

17.4 KESAN PENGABAIAAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP ANAK-ANAK

- Anak-anak membesar dalam keadaan terbiar dan tidak terdidik dengan sempurna
- Kanak-kanak hidup dengan akhlak yang kurang baik dalam masyarakat
- Ahli keluarga akan sentiasa berada dalam keadaan tidak harmoni
- Sentiasa melanggar perintah Allah dan undang-undang negara apabila kawalan tidak diberikan pada peringkat awal lagi
- Mengabaikan perintah Allah kerana kurang didikan agama

TAJUK 23 : MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA**23.1 SEJARAH PENUBUHAN**

- Mahkamah Syariah ialah satu badan kehakiman yang membicarakan dan menjatuhkan sesuatu hukuman yang berkaitan dengan kes-kes sivil dan kes-kes jenayah yang berhubungkait dengan orang Islam.
- Mahkamah syariah telah wujud di negeri-negeri semenanjung sebelum kedatangan kuasa Inggeris
- Pada masa itu, mahkamah ini belum dikenali sebagai mahkamah syariah, tetapi segala pentadbiran adalah berdasarkan sistem perundangan Islam
- Apabila kuasa Inggeris berkembang di negeri-negeri tanah Melayu secara beransur-ansur sistem perundangan Islam diketepikan
- Undang-undang Islam ketika itu hanya terpakai dalam aspek kekeluargaan dan ia tertakluk dalam bidang kuasa Inggeris.
- Pada tahun 1880, Inggeris telah menwujudkan Mohammedan Marriage Ordinance (Ordinan Perkahwinan Mohamad) yang membolehkan penubuhan mahkamah syariah
- Pada tahun 1948, **Ordinan Mahkamah Persekutuan** telah mengeneipkan Mahkamah Syariah dari salasilah mahkamah.
- Perkara-perkara yang berkait dengan istiadat Melayu dan berhubung kait dengan hukum-hukum Islam dikekalkan
- Mengikut **Perlembagaan Persekutuan perkara (3) fasal (1)** menyatakan "Bahawa agama Islam ialah agama Persekutuan"
- Mengikut **jadual kesembilan senarai perundangan, senarai (2) butiran (1)**, memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk menubuhkan majlis dan jabatan agama bagi mengurus hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu
- Dengan ini setiap negeri diberi kuasa mengadakan **enakmen hukum syarak** melalui **Dewan Undangan Negeri** di bawah bidang kuasa yang diperuntukan oleh Perlembagaan Persekutuan
- Mahkamah Syariah ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia dan mempunyai bidang kuasa di bawah kerajaan negeri tersebut sahaja.
- Demi mencapai hasrat penyusunan semula mahkamah syariah, pada 1 Mac 1998, Jabatan Kehakiman Syariah Islam Malaysia ditubuhkan dan diletak dibawah Jabatan Perdana Menteri

23.2 CARTA PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH**23.3 MATLAMAT PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH**

- Untuk mengatur hukum-hukum nikah, talak, fasakh, rujuk dan lain-lain yang berkaitan dengannya
- Sebagai badan yang penting untuk mentadbir pembangunan harta pusaka, harta peninggalan dan wasiat
- Menyelesaikan soal-soal berhubung dengan moral masyarakat Islam seperti amalan minum arak, berjudi, rasuah dan sebagainya.

23.4 KES YANG DIBICARAKAN**(a) Kes Sivil**

- Pertunangan, pernikahan, perceraian dan lain-lain
- Nafkah dan penjagaan anak
- Harta suami, isteri, wakaf dan wasiat
- Harta pusaka dan pembahagiannya
- Pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan dengan wang atau nilai wang oleh orang Islam
- Pemberian atau tuntutan harta sepencarian
- Kesahatarafan atau penjagaan anak-anak
- Perkara lain yang berkaitan dengan bidang kuasa yang diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis

(b) Kes Jenayah

- Penganiayaan dan kezaliman terhadap isteri dan lain-lain
- Nusyuz, zina, khalwat, minum arak, dan lain-lain
- Ingkar mengarjakan suruhan Allah seperti tidak puasa
- Kesalahan dari segi keimanan.

Catatan : Mahkamah syariah diberi kuasa dalam kesalahan yang boleh dihukum penjara hingga tiga tahun atau denda RM 5000.00 atau sabit enam rotan atau kedua-duanya sekali sahaja.

23.5 SUSUNAN MAHKAMAH SYARIAH**(a) Mahkamah Rendah Syariah**

- Membicarakan kes-kes yang bersabit kesalahan yang diperuntukkan oleh enakmen negeri
- Mendengar kes-kes yang timbul
- Membuat keputusan terhadap sesuatu kes
- Menyediakan kertas keputusan dalam laporan mahkamah

(b) Mahkamah Tinggi Syariah

- Membicarakan sesuatu kes yang diperuntukkan di bawah bidang kuasanya
- Mengeluarkan perintah yang berkaitan dengan kes-kes sivil dan jenayah
- Menyelesaikan dan mengesahkan kes faraid
- Menguruskan rayuan daripada mahkamah Rendah Syariah
- Menyediakan jurnal-jurnal untuk diterbitkan

(c) Mahkamah Rayuan Syariah

- Mendengar semua kes rayuan
- Mempunyai bidang kuasa untuk membatalkan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rendah Syariah dan mahkamah Tinggi Syariah
- Mempunyai kuasa untuk meringankan hukuman yang diputuskan oleh mahkamah
- Mempunyai kuasa supaya sesuatu kes dibicarakan semula

23.6 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Kursus perkahwinan
- Khidmat kaunseling terhadap pasangan yang bermasalah
- Menyelesaikan masalah yang timbul dalam masyarakat
- Mengadakan ceramah-ceramah untuk meningkatkan pengetahuan agama Islam di kalangan masyarakat Islam.

- Memberi maklumat perundangan kepada orang ramai

CATATAN

Pentadbiran mahkamah syariah adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain berdasarkan persetujuan dari sultan bagi setiap negeri tersebut

TAJUK 19
ANAK AMANAH ALLAH

ANAK ANGKAT MENURUT ISLAM**19.1 PENGERTIAN ANAK ANGKAT**

Anak angkat ialah anak yang dipelihara oleh bukan ibu bapa kandungannya.
Hukum mengambil anak angkat adalah harus

19.2 PERATURAN MENGAMBIL ANAK ANGKAT

- Tidak boleh bin atau bintikan dengan bapa angkat. Hukumnya adalah harama dan berdosa
- Batas pergaulan anak angkat dengan keluarga angkat
- Antara anak angkat dengan keluarga angkat adalah ajnabi dan perlu menjaga batas aurat dan pergaulan supaya tidak melebihi had yang ditetapkan
- Harta pusaka
- Anak angkat tidak boleh mempusakai harta bapa angkat. Jika hendak diberikan harta hendaklah dalam bentuk wasiat atau hadiah dan tidak melebihi 1/3 harta yang ada

19.3 HIKMAT LARANGAN MENASABKAN ANAK ANGKAT

- Mengiktiraf keluarga bapa kandung dan mengekalkan kemuliaan pertalian nasab antara mereka
- Memelihara hak anak angkat dalam mewarisi harta pusaka bapa kandungannya
- Menjaga batas pergaulan supaya aurat antara anak angkat dan keluarga angkat terpelihara
- Memelihara harta pusaka bapa kandung dan salasilah keluarga supaya tidak bercampur dengan anak angkat yang tiada hubungan nasab dengan mereka
- Memelihara hak wali nikah oleh bapa kandungannya dan mereka yang berhak menjadi wali

HADHANAH**19.4 PENGERTIAN HADHANAH**

Hadhanah ialah hak penjagaan anak yang masih kecil yang belum mumayyiz dan tidak mampu menguruskan diri sendiri. Hukum hadhanah adalah wajib

19.5 HAK HADHANAH

Hadhanah adalah wajib dilaksanakan walaupun berlaku perceraian antara suami dan isteri. Orang yang paling berhak memikul tanggungjawab hadhanah ialah ibu .

19.6 SUSUNAN KEUTAMAAN HADHANAH SELAIN IBU

- Nenek sebelah ibu dan ke atas
- Bapa
- Nenek sebelah bapa hingga ke atas
- Datuk
- Saudara perempuan seibu sebapa
- Saudara perempuan seibu
- Saudara perempuan sebapa
- Anak perempuan kepada bapa perempuan seibu sebapa
- Anak perempuan saudara perempuan seibu
- Anak perempuan saudara perempuan sebapa
- Emak saudara sebelah ibu
- Emak saudara sebelah bapa
- Waris lelaki yang boleh menerima asabah

19.7 SYARAT-SYARAT HADHANAH

- Islam
- Sempurna akal
- Dewasa
- Berakhlak mulia dan memelihara kehormatan diri

19.8 SEBAB GUGUR HADHANAH

- berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak mempunyai pertalian nasab dengan kanak-kanak tersebut
- Berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terang-terangan
- Berpindah tempat kediaman untuk menghalang bapa kanak-kanak menziarahinya
- Cuai atau menganiyai kanak-kanak tersebut
- Murtad. Gugur hak hadhanah apabila keluar dari Islam

19.9 TEMPOH HADHANAH

Tempoh penjagaan kanak-kanak berakhir apabila kanak-kanak tersebut tidak lagi memerlukan pemeliharaan disebabkan telah dewasa dan dapat berdikari serta mampu mengurus segala keperluan asas seperti makanan, pakaian dan sebagainya

TAJUK 20**PEENYEBARAN ISLAM PADA ZAMAN KERAJAAN BANI ABASIYAH****20.1 LATAR BELAKANG KERAJAAN ABASIYAH**

- Nama kerajaan Abasiyah diambil sempena bapa saudara nabi iaitu Al Abbas.
- Penubuhan adalah untuk merealisasikan idea keturunan bani Hasyim yang menganggap tampuk pemerintahan Islam adalah lebih layak disandang oleh mereka
- Kerajaan Abasiyah memerintah lebih dari 508 tahun yang bermula tahun 132 H / 750M hingga tahun 650H/ 1258M dengan 37 khalifah
- Khalifah pertamanya ialah Khalifah Abdullah b Muhammad As Saffah dan berakhir dengan Khlaifah al Wathiq bin al Muqtasim
- Pemilihan khalifah berdasarkan penentuan oleh khalifah
- Pentadbirannya lebih terpengaruh dengan Farsi kerana ramai orang Farsi berada dalam pentadbiran

20.2 STRUKTUR KERAJAAN ABASIYAH

- **Al Khalifah**
Ketua negara yang bertindak sebagai pemimpin tertinggi dalam wilayah Islam
- **Al Wazir**
Perdana menteri yang bertindak sebagai ketua pentadbir yang dibantu oleh menteri-menteri dan jabatan –jabatan kerajaan
- **Al Dawawin**
Jabatan kerajaan yang berada di bawah pengawasan al Kuttab iaitu sekretari. Antara jabatan yang ada
 - i. Jabatan Eksais
 - ii. Jabatan Audit
 - iii. Jabatan Polis dan Pertahanan
 - iv. Jabatan Perhubungan
 - v. Jabatan Parit dan Tali air
 - vi. Jabatan kebajikan

20.3 KHALIFAH YANG TERKENAL**ABU AL ABBAS ABDULLAH AS SAFAH**

- Merupakan khalifah yang pertama
- Beliau menjadi khalifah selama 4 tahun 9 bulan bermula tahun 132H / 750M hingga 136H / 754 M
- Beliau telah menghapuskan pemberontakan yang dilakukan oleh pengikut Muawiyah

ABU JAAFAR AL MANSUR

- Merupakan saudara kandung As saffah
- Merupakan khalifah yang kedua kerajaan Abasiyah
- Memerintah selama 22 tahun bermula tahun 136H/754m hingga 158H / 775 M
- Beliau menjadikan baghdad sebagai ibu kota pemerintahan Abasiyah dan membangunkannya
- Beliau juga memperbaiki sistem cukai yang ada dan membuat saluran-saliran untuk pertanian
- Beliau juga menyediakan pasar-pasar ditempat yang strategik

HARUN AL RASHID

- Merupakan khalifah Abasiyyah yang paling terkenal dan warak

- Beliau memerintah selama 23 tahun bermula tahun 170H / 786M hingga 192H / 809H
- Harun al Rashid telah memerintahkan Al Qadhi Abu Yusuf supaya menulis tentang kitab percukaian hingga terhasilnya kitab AL Kharaj
- Mewujudkan jawatan Qadhi al Qudha'
- Menubuhkan Baitul Hikmah yang menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan ketika itu
- Menjadikan baghdad sebagai pusat perdagangan , ilmu pengetahuan dan kebudayaan terkemuka
- Membina prasarana seperti rumah sakit, farmasi dan pusat pengajian

AL MAKMUN

- Nama sebenar ialah Abdullah Abu Al Abbas al Makmun iaitu putera Haru AL Rashid
- Menjadi khalifah selama 20 tahun bermula 198H / 813M hingga 218H / 833M
- Beliau telah menggiatkan usaha penterjemahan pelbagai bidang ilmu pengetahuan
- Beliau juga menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang

20.4 FAKTOR PENYEBARAN ISLAM**FAKTOR DALAMAN**

- Keinginan daripada penduduk setempat yang tertarik dengan Islam serta akhlak umatnya
- Galakan Khalifah yang menyediakan peuntukan khas dari Baitul Mal untuk para ulamak dan pendakwah menjalankan aktiviti dakwah
- Dasar kerajaan Abasiyah yang menyamakan kedudukan bangsa Arab dengan bukan Arab
- Kedudukan Baghdad yang menjadi tumpuan dalam bidang keilmuan dan perdagangan antara bangsa

FAKTOR LUARAN

- Pembukaan wilayah baru
- Penggunaan bahasa Arab secara meluas yang mendorong kepada pemahaman al Qur'an dan hadis
- Hubungan diplomatik antara kerajaan Abasiyah dengan negara-negara luar
- Usaha para pedagang Islam berdakwah menerusi aktiviti perdagangan mereka

20.5 KESAN PENYEBARAN ISLAM KEPADA TAMADUN DUNIA**Akidah**

- Kepercayaan masyarakat dunia terhadap benda-benda lain seperti api, bukit bukau dan sebagainya berubah kepada percayakan Allah
- Ulama Islam berjuang memahamkan akidah sebenar kepada umat manusia
- Pelbagai ideologi manusia telah dapat dikalahkan
- Manusia berfahaman karut dan khurafat telah berubah maju, berfikiran positif dan hidup berasaskan kebenaran

Kebudayaan

- Kedatangan Islam telah membawa perubahan besar dalam kebudayaan dan pemikiran hidup manusia kerana al Qur'an dan sunnah mengajak mereka kepada cara hidup yang lebih baik

- Akhlak mulia yang ditunjukkan oleh pendakwah memberi gambaran kebudayaan yang jelas bersesuaian dengan ajaran Islam
- Percampuran bangsa telah meluaskan lagi kebudayaan dalam masyarakat Islam dan tamadun Islam
- Mana-mana budaya yang tidak bertentangan dengan Islam dikekalkan manakala yang bertentangan dihapuskan
- Kebudayaan lain seperti cara berpakaian, seni bina dan sebagainya mempengaruhi masyarakat Islam zaman itu

Ilmu Pengetahuan

- Fikiran manusia terbuka luas dengan penyebaran Islam
- Islam telah mewajibkan penganutnya menuntut ilmu pengetahuan
- Dengan adanya al Qur'an mereka menemui kaedah yang baru dalam ilmu pengetahuan untuk kemajuan dan pembangunan umat
- Umat Islam menjadikan kewajipan menuntut ilmu sebagai satu jihad
- Kerajaan juga telah menyediakan berbagai kemudahan untuk perkembangan ilmu pengetahuan

- Ilmu pengetahuan telah berkembang dengan luas ke seluruh pelusuk dunia

Sistem kemasayarakatan

- Sistem perhambaan dan penindasan telah berubah beransur-ansur dengan penyebaran Islam
- Keadilan dalam undang-undang Islam mengajak umatnya berubah kepada masyarakat yang lebih harmoni
- Khalifah menubuhkan Mahkamah Tinggi Rayuan untuk menyelesaikan kes-kes rayuan
- Peluang memegang berbagai jawatan dalam pentadbiran negara

20.6 SEMANGAT JIHAD UMAT ISLAM

- Umat Islam sanggup berjuang menentang musuh agama dan negara
- Pejuang-pejuang berusaha mempelajari ilmu hingga cemerlang dan menjadi rujukan ramai
- Berdakwah dengan sabar, ikhlas dan jujur menghasilkan kejayaan bagi pendakwah
- Berdakwah hanya mengharapkan keredhaan Allah semata-mata
- Mempertahankan syariat Islam

TAJUK 21 PERKEMBANGAN PENDIDIKAN

Perkembangan pendidikan telah wujud sejak zaman Umayyah lagi. Bagaimana pun perkembangan yang lebih pesat berlaku pada zaman kerajaan Bani Abasiyyah.

21.1 FAKTOR PERKEMBANGAN PENDIDIKAN

- Terdapat banyak usaha dan galakan diberikan oleh Khalifah
- Kestabilan politik dan kemantapan kewangan kerajaan mendorong perkembangan pendidikan dalam negara
- Dasar kerajaan yang cenderung dan memberi keutamaan kepada pendidikan
- Kemudahan pendidikan yang menukupi dan terbuka luas
- Galakan kepada kegiatan penterjemahan juga banyak membantu perkembangan pendidikan
- Hubungan diplomatik dengan negara luar
- Hubungan diplomatik antara kerajaan Abasiyyah dengan negara luar
- Kedudukan Baghdad yang menjadi pusat keilmuan dan perdagangan antara bangsa

21.2 INSTITUSI PENDIDIKAN

MASJID

- Merupakan tempat kegiatan untuk beribadat
- Ianya juga dijadikan pusat pendidikan formal dan tidak formal sebagai lanjutan dari pendidikan peringkat rendah
- Merupakan tempat berkumpul ulama-ulama untuk membincangkan perkara berkaitan fardhu ain
- Tenaga pengajar terdiri daripada Ulama-ulama, sheikh-sheikh, dan tokoh-tokoh dari pelbagai ilmu

KUTTAB

- Tempat pendidikan awal bagi kanak-kanak
- Tenaga pengajarnya digelar sebagai muallim

- Pelajarannya ialah mengenai pelajaran asas dalam berbagai bidang terutamanya bidang fardhu ain

MADRASAH / PUSAT PENGAJIAN

- Merupakan peringkat yang lebih tinggi
- Tenaga pengajarnya digelar mudarris
- Pelajarannya ialah mengenai ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah.
- Madrasah yang agak terkenal ialah Al madrasahatul an Nizamiyah yang dibina oleh Menteri Nizamul Muluk.(457H/1065M)
- Sumber kewangan kebanyakannya diambil dari hasil tanah wakaf atau perbendaharaan negara

UNIVERSITI

- Merupakan peringkat pengajian yang lebih tinggi
- Tenaga pengajarnya terdiri dari sarjana-sarjana dan para cendekiawan
- Universiti yang terkenal hingga sekarang ialah Universiti Al Azhar di Mesir

ISTANA

- Sebagai membuktikan betapa khalifah sangat mengambil berat tentang pendidikan
- Tenaga pengajarnya di gelar sebagai Muadib
- Pelajarnya terdiri dari anak-anak khalifah dan pembesar Istana
- Pelajarannya merangkumi ilmu agama dan adab-adab dalam kehidupan
- Disediakan sudut yang khusus untuk para sarjana menyampaikan ilmu

PERPUSTAKAAN

- Merupakan pusat pendidikan yang mempunyai fungsi yang sangat besar dalam perkembangan ilmu pengetahuan

- Ianya dijadikan pusat muzakarah, bermutalaah, urusan penterjemahan dan sebagainya
- Perpustakaan yang ulung pada ketika itu ialah, Baitul Hikmah di Baghdad yang dibina oleh Harun Al Rashid
- Di perpustakaan terdapat banyak karya sarjana serta karya terjemahan dari bahasa Parsi, Yunani, Cina dan India
- Khalifah al Makmun mengambil inisiatif membawa masuk khazanah karya-karya Yunani yang diambil dari Pulau Cyprus dan Istanbul
- Kegiatan Baitul Hikmah dalam bidang pendidikan adalah seperti berikut
 - i. Pusat pertemuan para sarjana
 - ii. Pusat penterjemahan

Di antara penterjemah yang masyhur pada zaman pemerintahan Bani Abasiyah ialah Abu Sani bin Al Fadhl, Ibnu Naubakht, dan Abdullah bin Muqaffa

- iii. Pusat sumber
- iv. Pusat penyelidikan ilmiah
- v. Pusat latihan para ilmuwan

Selain baitul Hikmah terdapat sebuah perpustakaan awam yang ulung dan tertua di Kaheerah, Mesir yang dikenali sebagai Darul Hikmah

21.4 BIDANG ILMU YANG DITEROKA

21.4.1 ILMU BERTERASKAN WAHYU

ILMU TAFSIR AL QUR'AN

- Pada peringkat permulaan ilmu tafsir tidak tersusun dengan baik.
- Yahya bin Ziyad al Farrak (207H/883M) – Menyusun tafsir Al Qur'an dalam kitabnya "Maani al Qur'an"
- Pembaharuannya diteruskan oleh Ibnu Jarir al Tabri (310H/923M) dalam karyanya yang dikenali sebagai Tafsir Al Tabari.

ILMU HADIS

- Zaman Abasiyah adalah zaman kegemilangan pengumpulan dan penyusunan hadis
- Pada zaman ini muncul pakar-pakar hadis seperti
 - i. Al Bukhari (256H/870M) – menulis kitab Sahih AL Bukhari
 - ii. Muslim (261H/875M) – menyusun kitab Sahih Muslim serta Sunan
 - iii. Abu Daud (275H/888M)
 - iv. At Tirmizi (279H/892M)
 - v. An Nasa'i (303H/916M)
 - vi. Ibnu Majah (273H/886M)

ILMU FIQH

- (a) Pada zaman Abasiyah telah muncul ulamak Fiqh yang muktabar seperti
 - i. Imam Abu Habifah (150H/767M) – Pengasas Mazhab Hanafi
 - ii. Imam Malik (179H/795M) – Pengasas Mazhab Maliki
 - iii. Imam Syafie (204H/820M) – Pengasas mazhab Syafie
 - iv. Imam Ahmad bin Hanbal (241H/855M) – Pengasas Mazhab Hanbali
- (b) Selain mereka terdapat ramai lagi ulamak terkenal seperti
 - i. Al Qadhi Abu Yusuf (182H/798M)
 - ii. Sahnun (240H/854M)
 - iii. Al mawardi (450H/1058M)
 - iv. Ibnu Qudamah (620H/1223M)

ILMU TAUHID

- Perkembangan ilmu falsafah telah memberi kesan sampungan yang buruk terhadap akidah umat Islam
- Umat Islam pada masa itu ada yang beranggapan falsafah Yunani sebagai rujukan utama dalam masalah akidah
- Ulamak-ulamak tauhid telah bermati-matian memurnikan akidah umat Islam dari pengaruh falsafah Yunani.
- Bidang perbahasan ilmu Tauhid menjadi lebih luas berbanding sebelumnya
- Antara tokoh ilmu tauhid yang terkenal ialah
 - i. Imam Abu al Hassan al Asyaari (324H/935M)
 - ii. Imam al Ghazali (505H/1111M)

21.4.2 ILMU BERTERASKAN AKAL

ILMU MATEMATIK

- (a) Pada zaman Abasiyah beberapa formula baru matematik dihasilkan oleh sarjana muslim
- (b) Formula tersebut ialah
 - i. Al Muthallath (Trigonometri)
 - ii. Al Jabr (algebra)
 - iii. Al Handasah (goemetry)
 - iv. Al Lughorimat (logarithm)
 - v. Memperkenalkan sistem angka dalam abjad
 - vi. Memperkenalkan bilangan sifar dalam sistem angka
- (c) Beberapa tokoh terkenal dalam matematik ialah :
 - i. Muhammad bi Musa al Khawarizmi (236H/850M) – memperkenalkan sistem nombor sifar, algebra, punca persamaan kuadratik dan menulis buku "Hisab al Jibra wal Muqabalah"
 - ii. Al Kindi – mahir dalam trigonometri
 - iii. Al Battani – Memperkenalkan teori tangen, kotengen, sin dan sinus
 - iv. Thabit bin Qurrah – seorang pakar geometri yang termasyhur pada zaman pemerintahan Abbasiyah

ASTRONOMI / FALAK

- (a) Ilmu falak adalah ilmu yang maju pada zaman Abasiyah
- (b) Beberapa penemuan baru telah dicapai oleh sarjana Islam iaitu:
 - i. Mengukur jarak antara matahari dan bumi
 - ii. Membuat jadual pergerakan bulan dan bintang
 - iii. Menjelaskan sistem geologi bumi serta pengaruh bulan dan matahari terhadap pertukaran musim
 - iv. Mencipta alat pengukur sudut yang dikenali sebagai "astroble"
- (c) Antara tokoh yang terkenal ialah
 - i. Abdul Rahman al Sufi – menamakan bintang sebanyak 1000 jenis. Nama-nama bintang dipakai hingga hari ini
 - ii. Abu Al Abbas Muhammad Ibnu Khathir – Mengukur jarak bumi, bulan dan matahari dengan planet-planet lain. Isipadu bulan dan planet lain juga diukur
 - iii. Abu Ma'syar – mengemukakan teori berkaitan dengan keadaan air laut pasang dan surutnya telah dibuktikan benar hingga hari ini

ILMU KIMIA

- (a) Pada zaman Abasiyah umat Islam telah berjaya membetulkan beberapa teori kimia yang penting
- (b) Mereka telah mengasaskan fakta-fakta kimia berasaskan uji kaji yang telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang kimia hingga ke hari ini
- (c) Penemuan ini antara lain

- i. Penemuan asid galian seperti asid nitrik
- ii. Asid sulfurik dan asid hidro klorik
- iii. Teori penghasilan petroleum
- iv. Membaiki proses pembuatan kaca
- (d) Tokoh utama dalam bidang ini ialah
 - i. Jabir ibnu Hayyan (198H/813M) - orang pertama menemui asid sulfurik dan menghasilkan 8 buah karya tentang kimia
 - ii. Khalid Ibnu Yazid – ahli kimia terawal dan menghasilkan kitab al Hararat

ILMU FIZIK

- (a) Fizik merupakan salah satu cabang ilmu sains yang dikuasai oleh umat Islam pada zaman kerajaan Abasiyah
- (b) Bentuk pencapaian pada zaman Abasiyah dalam bidang ini ialah
 - i. Mencipta teori pergerakan jirim, daya graviti dan pantulan cahaya
 - ii. Menjelaskan tentang lapisan-lapisan mata serta proses penglihatan
 - iii. Menyekat kelajuan bunyi dan cahaya
 - iv. Mencipta cermin mata
- (c) Tokoh dalam bidang ini ialah;
 - i. Al Hasan bin al haitham (430H/1039M) – merupakan ahli fizik yang disegani. Beliau telah menghuraikan proses penglihatan menerusi pemalukan cahaya pada retina.

GEOGRAFI

- (a) Beberapa penemuan baru telah dilakukan iaitu
 - i. Memberi ukuran yang tepat tentang keluasan bumi
 - ii. Menghasilkan peta dunia pertama dalam bentuk glob
- (b) Tokoh ilmu geografi yang terkenal
 - i. Al syarifu al Idrisi (461H/1166M) – Beliau pernah dijemput oleh King Roger II dari Sicily untuk menghasilkan peta dunia terkini ketika itu. Karyanya yang agung ialah ensiklopedia lengkap mengenai Eropah (*Nuzhatu al Musytak Fi Ikhtiraq al Afaq*)
 - ii. Ibnu Jabary – tokoh pelayaran yang menghuraikan secara terperinci tentang kedudukan muka bumi dan penduduk
 - iii. Al Khawarizmi – menghasilkan *surah al Ardh* (gambaran bumi) iaitu bentuk-bentuk bumi, disertakan dengan peta tentang bumi dan langit
 - iv. Ibnu Battutah – mengembara di pelusuk dunia sejauh 120 675 km dan mengambil masa selama 28 tahun. Bukunya Tuhfat al Nazar fi 'Ajaib al Amsar"

ILMU KEDOKTORAN DAN PERUBATAN

- (a) Hasil dari hubungan antara Arab dengan Farsi dan Rom telah memberi peluang kepada mereka untuk medalami bidang perubatan.
- (b) Khalifah Abu Jaafar pernah meminta nasihat dari pakar perubatan di Baghdad dan India dan membina hospital di Baghdad
- (c) Pencapaian dalam bidang perubatan ketika itu antaranya
 - i. Menjelaskan teori jangkitan virus seperti TB
 - ii. Menemui pelbagai jenis penyakit seperti Rubella, Alahan, cacar dan penyakit jiwa

- iii. Mencipta ubat untuk pelbagai penyakit kronik
- iv. Mencipta picagari, ubat bius dan benang khusus untuk menjahit luka pembedahan
- (d) Tokoh perubatan yang terkenal
 - i. Al Razi – merupakan ahli perubatan dan ahli biologi, fizik dan kimia. Menulis 200 buah buku perubatan, mengkaji penyakit campak, buku beliau yang terkenal ialah al Hawi diterjemahkan dan digunakan oleh beberapa universiti di Eropah
 - ii. Ibnu Sina – Beliau seorang ahli perubatan dan ahli falsafah. Menghasilkan beratus buah buku mengenai perubatan, yang paling terkenal ialah Qanun fi Al Tibb diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan digunakan di Universiti di barat dari abad 12 hingga 17
 - iii. Hunain Ibnu Ishaq – di Barat dikenali sebagai Joanitus, menulis buku Sepuluh treatises mengenai mata dan persoalan perubatan
 - iv. Jabbar ibnu Hayyan – terkenal sebagai ahli perubatan dan ahli kimia. Banyak membuat penyelidikan dalam bidang tersebut dan akhirnya menjadi rujukan dalam bidang perubatan dan kimia

FALSAFAH

- (a) Al Kindi – menghasilkan 263 buah buku mengenai falsafah. Pemikirannya di akui oleh ahli falsafah barat. Banyak bukunya telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Eropah
- (b) Ibnu Sina – selain ahli perubatan beliau juga merupakan ahli falsafah dan banyak membincangkan kewujudan Allah, Roh manusia dan kaitan dengan Allah
- (c) Imam al Ghazali – ahli falsafah yang terkenal dengan panggilan Hujjatul Islam. Kejayaannya mengabungkan antara falsafah dan tasawwuf dengan akidah, syariat dan akhlak.

21.5 KESAN PERKEMBANGAN ILMU

- Memberi penghargaan terhadap jasa dan sumbangan tokoh ilmuan
- Lahir tokoh Islam yang terkemuka dalam pelbagai bidang ilmu
- Umat Islam zampai ke mercu ketinggian dan keagungan ilmu di mana negara barat belum mencapainya
- Perkembangannya dari segi naqli dan aqli memberi manfaat yang besar kepada dunia hari ini
- Ilmu dan teknologi yang dikuasai oleh orang Islam telah dipindahkan ke Eropah hingga tercetusnya zaman pembaharuan atau renaissance.
- Karya ilmuan Islam telah diterjemahkan ke dalam bahasa lain termasuk hebrew dan latin
- Sebagai umat Islam kita hendaklah berusaha untuk mengembalikan kegemilangan tamadun Islam dengan menguasai pelbagai bidang ilmu
- Zaman ini ilmu pengetahuan merupakan aset terpenting mencapai kejayaan dan kemajuan

TAJUK 22 PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI

22.1 PENGUASAAN UMAT ISLAM DALAM SAINS DAN TEKNOLOGI

- Kebangkitan tamadun Islam pada zaman Abasiyah disuburkan dengan kemunculan cendekiawan dan saintis Islam yang mana Andalus dan Sicily telah menjadi tumpuan para pencinta ilmu terutama dari Eropah
- Orang Islam berjaya menguasai sains dan teknologi daripada tangan orang Rom, Parsi dan Yunani dan membuat penemuan baru serta membetulkan kesalahan fakta sains terdahulu

22.2 FAKTOR PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI

22.2.1 Aktiviti Penterjemahan

- Aktiviti penterjemahan yang dilakukan semasa kerajaan Abasiyah lebih giat dilakukan.
- Semasa pemerintahan Al Makmun aktiviti ini dijalankan dengan lebih terancang.
- Baitul Hikmah menjadi pusat penterjemahan negara
- Penterjemah yang ditugaskan di Baitul Hikmah ialah Yuhana Bin Masawaih dan Hunain Bin Ishak
- Pelbagai jenis karya dalam bidang falsafah, astronomi, kimia, fizik, biologi dan perubatan diterjemahkan daripada Bahasa Yunani, Parsi dan Hindi

22.2.2 Galakan Khalifah

Khalifah sangat mengambil berat tentang perkembangan ilmu termasuk sains dan teknologi. Pelbagai program telah dilaksanakan untuk memajukan bidang ini seperti:

- Mengadakan seminar perubatan yang dihadiri oleh pakar perubatan seluruh dunia pada setiap musim haji
- Menyediakan peruntukan yang banyak dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi
- Membina pusat-pusat penyelidikan sains seperti balai cerap dan memerintahkan supaya mereka peralatan untuk bidang astronomi dan makmal bedah.

22.2.3 Globalisasi Ilmu

- Aktiviti perdagangan yang meluas serta pembukaan tempat yang strategik di Sicily dan Andalus telah membuka peluang kepada perkembangan ilmu pengetahuan
- Sicily di Itali bangkang menyimpan khazanah ilmu pengetahuan terutama dalam bidang perubatan dan astronomi
- Andalus pula menjadi tumpuan masyarakat Eropah menimba ilmu
- Terdapat 700 buah masjid, sebuah universiti dan 70 buah perpustakaan di Andalus
- Terdapat hampir 500 000 manuskrip yang tersimpan di perpustakaan di Andalus
- Keadaan ini memainkan peranan yang sangat penting kepada perkembangan sains dan teknologi

22.3 KESAN PENEMUAN SAINS DAN TEKNOLOGI

- Pencapaian dalam bidang sains dan teknologi telah mengubah cara hidup umat Islam
- Penemuan ini memberi peluang umat Islam hidup lebih maju dari umat yang lain
- Segala pencapaian ini meletakkan status umat Islam amat tinggi dan berjaya menarik ramai bukan Islam memeluk agama Islam
- Penemuan ini menjadikan manusia lebih beriman kepada Allah dan meraai kekuasaan Allah

22.4 KEPENTINGAN SAINS DAN TEKNOLOGI

- Ilmu sains dan teknologi mendominasi kehidupan manusia
- Umat yang gagal menguasai sains dan teknologi akan ketinggalan di belakang umat yang lain
- Penemuan bidang sains dan teknologi membantu manusia menjalani kehidupan dengan lebih mudah dan tersusun
- Kebenaran tentang kewujudan Allah dan kekuasaanNya dapat diperolehi melalui penemuan pelbagai sudut dalam ilmu sains

TAJUK 23 PERKEMBANGAN EKONOMI

Bidang ekonomi merupakan satu bidang yang penting kepada kemajuan sesebuah negara. Negara yang maju dari segi Ekonomi akan maju dari segi lain-lain seperti pendidikan, sosial, pentadbiran dan sebagainya.

23.1 KEISTIMEWAAN BAGHDAD DALAM EKONOMI

- Kedudukan yang strategik menjadi laluan perdagangan timur dan barat
- Terdapat sebuah pasar yang dikenali sebagai "Suq Baghdad" yang menjadi tumpuan pedagang Parsi
- Terdapat ladang-ladang pertanian dan ternakan serta sebuah pasar yang dikenali sebagai "Suq al Baqar"

23.2 SUMBER EKONOMI ISLAM

- Kharaj – iaitu cukai tanah yang dipungut ke atas orang Islam. Kadarnya adalah mengikut ketentuan yang munasabah berdasarkan penilaian pemerintah
- Jizyah iaitu hasil cukai yang dikenakan ke atas orang bukan Islam yang tinggal di negara Islam.
- Zakat iaitu kadar harta tertentu yang dikenakan ke atas harta tertentu yang menjadi milik orang Islam setelah cukup syaratnya.
- Usyur iaitu cukai perniagaan yang dikenakan ke atas orang bukan Islam dan juga ke atas kapal dagangan yang menjalankan kegiatan perdagangan di pelabuhan negara Islam.
- Ghanimah iaitu barang-barang rampasan perang yang diperoleh di dalam sesuatu pertempuran dengan musuh yang telah tewas dalam peperangan.
- Al Fai' iaitu harta yang diperolehi melalui jalan perdamaian setelah pihak musuh menyerah kalah

23.3 LANGKAH MENINGKATKAN EKONOMI

- Membina dan membaiki jalan-jalan raya untuk memudahkan hasil – hasil pertanian dan perindustrian dibawa ke tempat-tempat lain.
- Membina tali air dan saluran untuk mengalirkan air ke kawasan – kawasan pertanian di pedalaman.
- Membuat penyelidikan dalam bidang pertanian dan ternakan bagi menghasilkan keluaran bermutu.
- Meluaskan bidang perdagangan dan mengadakan kemudahan import dan eksport.
- Memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha kilang untuk menambah hasil keluaran mereka.
- Membina kilang-kilang perusahaan untuk memberi peluang pekerjaan kepada rakyat.

23.4 KEGIATAN EKONOMI

PERTANIAN

- Khalifah Umayyah dan Abasiyyah telah memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap pembangunan sektor pertanian.
- Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pemerintah untuk memajukan bidang pertanian seperti:
 - a. Memperbaiki sistem pengairan
 - b. Melebarkan sungai dan terusan
 - c. Membuat empangan
 - d. Membuka tanah pertanian baru

- e. Membuat penyelidikan dalam bidang pertanian
- f. Menyediakan alat kemudahan pertanian dan khidmat nasihat.
 - Jenis dan hasil pertanian adalah seperti berikut
 - i. Bijirin – gandum, barli dan beras
 - ii. Buah-buahan – anggur, delima, kurma, epal, pisang, tembikai, buah tin dan buah zaitun
 - iii. Sayur-sayuran / rempah ratus – timun, kubis, kunyit, kacang tanah, ubi, manisan dan tebu
 - iv. Ternakan – lembu, kambing, ayam, itik, lebah dan lain-lain.
 - Kegiatan pertanian juga adalah untuk eksport.
 - Negeri Iraq dan Mesir adalah dua negara pertanian yang termaju.

INDUSTRI PEMBUATAN DAN KRAFTANGAN

- Hasil pembuatan dan kraftangan juga merupakan sumber ekonomi yang penting
- Berbagai hasil dan kraf telah dihasilkan seperti sutera, kapas, tembikar, kaca, emas dan perak.
- Beberapa buah negara telah muncul sebagai pengeluar hasil pembuatan dan kraf antaranya:
 - i. Tenunan, hamparan dan permaidani – Baghdad, syairaz serta asfahan di Parsi
 - ii. Pinggan mangkuk – Mesir dan Syam
 - iii. Barangan kaca, tembikar dan jubin – Baghdad, mesir dan syam terutama di Saida dan Sur
 - iv. Barangan kulit dan senjata – Mesir, andalus dan Maghribi
 - v. Perhiasan dan batu permata – Yaman, Khurasan, Bahrain dan Lubnan
 - vi. Kertas – Iraq, Mesir, Maghribi dan Andalus

PERDAGANGAN

Bidang ini juga sangat penting terutamanya dari segi pasaran keluaran Islam di negara luar. Antara faktor yang menyebabkan perkembangan yang pesat ialah:

- Pembukaan wilayah baru yang memberi banyak ruang pasaran dan perniagaan
- Perkembangan industri perkapalan memudahkan pergerakan pedagang
- Sarjana Islam menghasilkan karya yang menjelaskan hukum perniagaan dalam Islam
- Kemahiran orang Arab dalam bidang perniagaan sejak zaman jahiliah
- Pemerintah telah mengambil langkah yang perlu untuk memajukan bidang perdagangan antaranya:
 - a. Membina tempat persinggahan untuk memudahkan para khalifah neristirehat dan sebagainya
 - b. Membina pelabuhan baru dan membesarkan pelabuhan sedia ada untuk memudahkan kapal berlabuh.
 - c. Membina pelabuhan yang kukuh untuk melindungi pantai dari diserang musuh.
 - d. Membina rumah api untuk panduan kapal perdagangan
 - e. Membina pusat perniagaan yang dilengkapi dengan perigi di jalan-jalan utama

23.5 PERKEMBANGAN PERDAGANGAN

- Pelabuhan serta bandar-bandar seperti Baghdad, Basrah, Aman, Kaherah, Iskandariah dan lain-lain telah menjadi tumpuan ahli-ahli perniagaan ketika itu
- Pada masa yang sama pedagang muslim telah pergi ke Canton, Cina untuk mendapatkan barangan sutera dan laluan mereka melalui Samarkand dan Turkistan dikenali sebagai laluan sutera
- Terdapat juga di kalangan pantiaga muslim yang berniaga di Selatan Afrika dan Madagascar.
- Mereka membawa barang dagangan seperti tamar, gula, kapas, hasil tenunan, senjata serta barangan kaca dan membawa balik rempah, kapur barus, arang dan sutera.
- Untuk memudahkan urusan kewangan ketika itu, para pedagang menggunakan cek kembara yang dikenali sebagai "as saftajah".

23.6 PERANAN BAITUL MAL

- Baitul mal merupakan institusi kewangan negara
- Baitul Mal diketuai oleh "Sahib Baitul Mal" iaitu penguasa perbendaharaan negara yang bertugas menguruskan pendapatan dan perbelanjaan negara yang dilakukan oleh *Diwan al Kharaj* (Jabatan Hasil) dan *Diwan an Naffaqah* (Jabatan Kewangan).
- Segala aktiviti kedua-dua jabatan dilaporkan kepada Baitul Mal

- Akaun Baitul Mal dikawal oleh *Diwan Al Usul* (Jabatan Dalam Negeri) bersama *Diwan Al Azimmah* (Jabatan Audit Negara)
- Antara peranan penting baitul Mal
 - i. Pengurus sumber pendapatan negara dan menjana pendapatan negara menerusi *Diwan Al Kharaj* yang mengurus kutipan cukai
 - ii. Mengawal belanjawan negara melalui Diwan An Nafaqah dan menguruskan pendapatan dan perbelanjaan untuk semua jabatan kerajaan dan gaji kakitangan
- Pengurusan kewangan yang sistematik telah membolehkan kerajaan membangunkan negara serta menyediakan prasarana yang baik untuk rakyat

23.7 KESAN PERKEMBANGAN EKONOMI

- Perkembangan ekonomi menyebabkan rakyat hidup dalam keladaan yang selesa dan taraf hidup yang tinggi
- Pendapatan negara yang tinggi digunakan untuk membina prasarana seperti tali air, jalan, masjid , sekolah dan sebagainya
- Kepesatan sektor ekonomi menyediakan peluang pekerjaan untuk rakyat
- Kita hendaklah berusaha mengembalikan kegemilangan tersebut dan dihormati oleh manusia lain

TAJUK 24 PERKEMBANGAN KETENTERAAN

24.1 STRUKTUR ORGANISASI KETENTERAAN

Khalifah

Al wazir

(Diwan Al Jund)

Kementerian Pertahanan Negara

Bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal pertahanan negara. Fungsinya adalah merekod daftar lengkap tentang tentera darat, laut, gaji, imbuhan, pangkat dan sebagainya

Majlis Al taqdir

Bahagian Kewangan

- Bertanggungjawab menguruskan hal gaji dan imbuhan tentera
- Pengurusan ketenteraan
- Belanjawan khusus untuk pengurusan, latihan dan peralatan ketenteraan

Majlis Al Muqabalah

Bahagian Latihan

Bertanggungjawab menguruskan pengambilan dan latihan kepada tentera-tentera baru

Diwan At Tasnif

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bertanggungjawab menguruskan kenaikan pangkat dan penyusunan tentera mengikut pasukan. Pasukan yang diwujudkan ialah

- Pasukan Pengawal Khalifah
- Pasukan bergaji tetap (*Al Murtazqah*)
- Pasukan sukarelawan (*Al Mutatawwi*)

Diwan Al Ardh

Depot Simpanan

- Bertanggungjawab menguruskan stor dan kelengkapan senjata
- Persenjataan dikendalikan oleh pengarah depot yang dikenali sebagai "*Al Musyrif Ala As Sina'ah wa al Makhzan*"

Al Jawasis

Bahagian perisikan

- Dikenali juga sebagai *al uyun*
- Bertanggungjawab mengintip kekuatan dan kedudukan musuh serta tahap kesetiaan tentera Islam

Dairat al Muhandasah

Bahagian Kejuruteraan

Bertanggungjawab dalam pembinaan kem tentera dan kubu pertahanan

Al Masahun

Bahagian Peninjau

Bertanggungjawab membuat panduan dan mensihatkan panglima tentera tentang topografi sesuatu tempat

Al Bahriyyah

Bahagian tentera laut

Bertanggungjawab mengawasi perairan kerajaan Abasiyah serta kerja-kerja pembinaan kapal perang dan penyusunan angkatan tentera laut

24.2 FUNGSI KETENTERAAN

(a) Tugas utama

- i. Mempertahankan sempadan negara daripada pencerobohan
- ii. Menentang musuh negara
- iii. Menghadapi sebarang keadaan darurat

(b) Tugas bantuan

- i. Membantu pihak polis dan pihak berkuasa awam dalam memelihara ketenteraman awam dan operasi anti keganasan
- ii. Membantu pihak berkuasa awam dalam bantuan malapetaka dan pembangunan negara

24.2 FAKTOR KEJAYAAN TENTERA ISLAM

- Dasar kenteraan terbuka , membuka keanggotaan kepada bukan Arab Struktur ketenteraan Islam adalah yang terbaik
- Pemimpin tentera yang berkaliber mengendalikan ketenteraan tersebut yang memberi perhatian kepada kebajikan tentera dan gaji dan imbuhan yang lumayan
- Peralatan peperangan yang terbaik. Senjata pada masa tersebut ialah pedang, lembing, panah, *manjanik* (ballista), *dabbabah* (kayu pelantak), *barud* (gunpowder) dan pelbagai jenis kapal perang
- Strategi peperangan yang berkesan sama ada yang diwarisi dari generasi sebelumnya atau diubah kepada perkembangan semasa
- Kemampuan tentera Islam melebihi kekuatan musuh
- Pemimpin tentera berfungsi sebagai mujahid, pendakwah dan pendidik
- Semangat juang dan sedia bекorban yang tinggi di kalangan umat Islam
- Pertambahan kapal-kapal perang dan pembinaan pelabuhan yang banyak
- Anggota tentera dilatih dengan baik

24.3 KEPENTINGAN KESELAMATAN UNTUK KEMAJUAN NEGARA

- Pembangunan dan kemajuan sesebuah negara bergantung kepada kestabilan politik, pendidikan dan ekonomi
- Jika sesebuah negara tidak aman kestabilan politik akan tergugat, aktiviti perekonomian akan lumpuh dan pendidikan akan terjejas
- Oleh sebab itu keselamatan sesebuah negara amat penting untuk menjamin tiga aspek bagi menggalakkan kemakmuran yang kita kecapai sekarang.

TAJUK 25 : KEGEMILANGAN DAN KEJATUHAN KERAJAAN ABASIYAH

25.1 PENGGAL PEMERINTAHAN KERAJAAN ABASIYAH

- Penggal pertama : 132-232H/750-847M dikenali sebagai penggal pengaruh Parsi pertama
- Penggal kedua : 232-334H/847-945M dikenali sebagai penggal pengaruh Turki pertama
- Penggal ketiga 334-447H/945-1055M dikenali sebagai penggal pengaruh Parsi kedua
- Penggal keempat: 447-590H/1055-1194M dikenali sebagai penggal pengaruh Turki kedua
- Penggal kelima 590-656H/1194-1258M dikenali sebagai penggal bebas dari pengaruh Parsi dan Turki

25.2 FAKTOR KEGEMILANGAN

- **Kestabilan politik.** Kerajaan Abasiyah menumpukan perhatian serius kepada pembebasan pemberontakan dan perbalahan puak. Kestabilan politik yang dimiliki memberi peluang kerajaan Abasiyah membangunkan negara
- **Dasar politik kerajaan Abasiyah.** Kerajaan telah memberi layanan yang adil kepada semua bangsa serta mengadakan hubungan diplomatik yang baik dengan negara luar
- **Kedudukan Baghdad yang strategik.** Pemilihan Baghdad sebagai pusat pemerintahan berperanan memajukan kerajaan. Baghdad menjadi tempat pertemuan barat dan Timur dalam perdagangan dan pendidikan
- **Perpaduan antara kaum.** Rakyat kerajaan Abasiyah terdiri dari berbilang kaum dan khalifah memberikan layanan yang sama adil. Rakyat bukan Islam juga diberi layanan yang adil
- **Penghayatan konsep kerja sebagai ibadat.** Rakyat dan pemimpin menjalankan tugas dan kerja masing-

masing dengan baik dan menjadikannya sebagai ibadat.

25.3 FAKTOR KEMEROSOTAN KERAJAAN ABASIYAH

- **Kelemahan Pemerintahan Kerajaan Abasiyah.** Semasa pemerintahan AL Wasik tidak dilakukan sebarang pembaharuan. Beliau banyak bergantung kepada pegawai Turki untuk mentabir negara. Selepas beliau meninggal dunia khalifah yang menggantikannya iaitu al Mutawakil gagal untuk menguasai kembali pentadbiran
- **Perpecahan wilayah di bawah kekuasaan kerajaan Abasiyah.** Pada akhir kurun ke 9 masihi kuasa khalifah semakin terbatas. Keadaan ini membuka ruang kepada menteri untuk membina kerajaan sendiri
- **Perebutan kuasa.** Semasa pemerintahan al Mutawakil perebutan kuasa telah berlaku antara anak-anaknya. Keadaan ini menyebabkan khalifah selalu bertukar dan melemahkan pentadbiran
- **Kegawatan ekonomi.** Rusuhan dan pemberontakan telah menyebabkan kegiatan ekonomi tidak dapat dijalankan dengan baik dan mengurangkan jumlah pedagang berdagang di Baghdad
- **Perselisihan aliran fahaman agama.** Kerajaan Abasiyah sering mendapat tentangan dan gangguan dari puak syiah dan khawarij yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu
- **Serangan dari luar.** Kerajaan Abasiyah telah menghadapi tentangan dari utara iaitu dari Armenia, dari barat iaitu tentera salib dan dari Timur iaitu tentera Monggolia yang menyebabkan kejatuhan kerajaan Abasiyah pada 1258 Masihi/ 656 H.

TAJUK 26**26.1 RIWAYAT HIDUP**

- Nama sebenar ialah Al Husain bin Abdullah bin Ali Hassan bin Ali bin Sina. Gelarannya ialah Abu Ali
- Dilahirkan pada tahun 980 M bersamaan 424 H di Kampung Afthanah atau Kharthanik dekat Bukhara (Uzbekhistan)
- Bapanya keturunan Turki dan berasal dari Balakh, berpindah ke Bukhara pada zaman Amir Nuh bin Mansur.
- Pengarang Islam menggelarkan beliau al sheikh al rais (mahaguru) kerana menguasai hampir semua bidang ilmu dan merupakan ahli poliyik dan pakarperubatan yang masyhur.
- Pernah menjadi murid kepada al Farabi dan terkenal pada zaman pertengahan tahun 800 – 1200 M.
- Dalam ilmu perubatan orang barat beliau lebih dikenali dengan nama Avicenna.
- Beliau meninggal dunia di Hamazan, Iran pada tahun 1037 M / 483 H pada hari Jumaat bulan Ramadhan ketika berusia 57 tahun.

26.2 SIFAT PERIBADI

- Seorang yang cintakan ilmu pengetahuan. Belajar ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah pada usia 5 tahun.
- Seorang yang cerdik dan kuat ingatan. Berjaya menghafaz Al Qur'an ketika berusia 10 tahun dan mula mengeluarkan pendapat ketika berusia 14 tahun.
- Tekun dan sabar ketika menuntut ilmu dan mempelajari sendiri karya al Farabi
- Kegemaran utamanya ialah membaca buku-buku ilmiah.

26.3 PENDIDIKAN

- Bapanya menyediakan seorang guru al Qur'an dan seorang guru kesusasteraan.
- Guru yang pertama ialah Abdullah al Natali yang mengajar beliau dalam bidang ilmu tafsir, matematik, geometri, fizik, astronomi dan mantiq.
- Beliau mempelajari ilmu hisab hindi dari seorang peniaga.
- Beliau pernah belajar dengan Ismail al Zahid tentang ilmu fiqh, bahas dan munazarah.
- Beliau ke Khurasan untuk menyambung pelajaran selepas kematian bapanya.
- Seterusnya beliau ke Jarjan untuk belajar ilmu seterusnya yang lain.
- Di Khawarizmi beliau belajar ilmu tarbiah dan ketuhanan. Disitulah timbul minatnya dalam bidang perubatan.
- Gurunya yang pertama mengajar ilmu perubatan ialah Ibnu Yahya. Ketika berusia 17 tahun telah menguasai ilmu perubatan dan menjadi seorang tabib.
- Beliau telah mendalami dan mengumpul buku-buku tentang perubatan.

26.4 HASIL PENINGGALAN DAN HASIL KARYA BIDANG PERUBATAN

- Beliau telah mengenalpastisekurang-kurangnya 760 jenis ubat-ubatan, punca penyakit serta kaedah perubatan
- Mengemukakan cara atau kaedah perubatan bentuk spekulatif (teori) dan perubatan berbentuk amali (praktis)
- Penemuan penyakit baru dan puncanya aitu pengaruh kuman dalam penyakit, jangkitan virus seperti TB, penyakit Rubella dan lain-lain

IBNU SINA

- Mencipta benang khusu untuk pembedahan, picagari dan ubat bius
- Menemui kaedah perubatan tentang penyakit lumpuh, penyakit berkaitan pernafasan, limpa, usus, penyakit kulit dan penyakit berjangkit.
- Membicarakan penyakit kelamin dan penyakit jiwa yang mengganggu sistem saraf.
- Menghuraikan penyakit radang, selaput dada dan penyakit paru-paru.
- Terkenal dalam bidang anatomi iaitu ilmu yang menghuraikan kedudukan organ dan tubuh manusia
- Membuat kajian tentang fungsi mata (penglihatan dan pergerakan anak mata)
- Menulis lapan risalah kedokteran yang lengkap
- Menghasilkan ensiklopedia kedokteran yang ditulis dalam 5 jilid, di mana terdapat 760 nama jenis ubat melalui bukunya Kitab An Najat
- Penyumbang utama dalam perubatan moden.

BIDANG FALSAFAH

- terkenal sebagai raja daripada failasuf di timur
- Dapat menghubungkan setiap disiplin ilmu yang dieksploitasikannya sebagai satu kesepaduan..

BIDANG FIZIK

- Penerokaan dan penemuan mengenai alam tabie (bumi, bintang dan cakerawala) dan beberapa bahagian badan manusia

HASIL KARYA

- Al Qanun fi Al Tibb, buku mengenai kaedah-kaedah perubatan yang berkaitan dengan tubuh badan, jenis penyakit dan cara mengubatinya.
- Al Ansaf iaitu buku mengenai 9 hal-hal berhubung ilmu falsafah
- Al Syafa fil al Hikmah, menjelaskan tentang falsafah untuk membantu penyembuhan rohani dan jasmani
- Al Syafa al Najar mengandungi bidang logika, fizika dan metafizika. Perbahasan tentang idealisme dan materialsme yang pernah dibentangkan oleh falsafah Al Farabi.
- Al Muftada' wal Maad
- Kitab An Najat
- Kitan Al Isyarat.

26.5 KEISTIMEWAAN QANUN FI AL TIBB

- Dinamakan Qanun fi Al Tibb atau formula Medica bermaksud undang-undang perubatan pusaka kedokteran Yunani Purba. Dikarang ketika berusia 21 tahun
- Dijadikan buku teks di beberapa buah universiti di Eropah bagi fakulti perubatan
- Membicarakan tentang perubatan spekulatif dan praktis.
- Menggariskan sedara terperinci hubungan antara penyakit dan puca jangkitan penyakit
- Pada abad ke 12 diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dan seterusnya ke bahasa - bahasa lain.
- Sehingga abad ke 19 buku ini merupakan rujukan utama dalam bidang kajian saraf. Mengemukakan kaedah perubatan dengan bantuan gambarajah dan sketsa dan diguanakn di barat selama 600 tahun.

TAJUK 27. IBNU KHALDUN

27.1 RIWAYAT HIDUP

- Nama sebenarnya ialah Abdul Rahman Abu Zaid Waliuddin bin Khaldun al Maliki al Khadrami
- Dilahirkan pada awal Ramadhan tahun 733 H bersamaan 27 Mei 1332M di Syarik Tarbiah al Mai bandar lama Tunis
- Berasal dari Hadratut Maut, kemudian berpindah ke Andalus, Sepanyol dan akhirnya ke kota Siville.
- Pernah berkhidmat dengan kerajaan Granada pada tahun 1361 M semasa pemerintahan Sultan Muhammad IV
- Pernah dilantik sebagai hakim di Kaherah pada tahun 1384 M dan dilantik menjadi duta ke negeri Costinia kemudiannya ke Maghribi
- Meninggal dunia pada bulan Ramadhan 808 H bersamaan 16 Mac 1406 M ketika berusia 75 tahun
- Dikebumikan di perkuburan kaum Sufi di luar Bab Al Nasr

27.2 SIFAT PERIBADI

- Mempunyai budi pekerti mulia.
- Seorang yang kuat ingatan. Menghafaz al Qur'an sejak kecil
- Seorang yang rajin, tekun dan mempunyai minat mendalam terhadap ilmu pengetahuan
- Beliau seorang yang tegas dan lemah lembut serta rajin berusaha dan minat dalam penyelidikan
- Menghabiskan masa dengan membaca dan penyelidikan ilmu
- Suka mengadakan perbincangan dan perdebatan dengan cendekiawan bagi menambahkan kematangan akal fikiran.

27.3 PENDIDIKAN

- mempelajari al Qur'an dan pendidikan awal daripada bapanya sendiri di Masjid al Qubbah, Tunis.
- Mendalami al Qur'an dengan tajwid yang betul dan menghafaz sejak kecil
- Melanjutkan pelajaran dalam bidang al Ulum al syariah dan juga tafsir, saraf (صرف), balaghah, hadis, usul fiqh, tauhid, Bahasa Arab, nahu dan sastera.
- Beliau turut mempelajari bidang mantiq, falsafah, matematik dan sains.
- Antara guru-gurunya yang terkenal ialah
 - I. Muhammad bin Abdul Muhaiman bin Al Hadhrani, seorang pakar hadis dan nahu di Afrika Utara. Beliau mendalami semua cabang ilmu bahasa
 - II. Abu Abdullah Muhammas bin Ibrahim al Abali, seorang ahli Falsafah dan hukum. mempelajari tentang usuludin, mantiq, pendidikan, fiqh, usul fiqh dan semua cabang hukum.
- pada tahun 749 H beliau dan rakan-rakannya berpindah kerana berlaku wabak taun dan kedua-dua ibu bapanya meninggal dunia. Ibnu Khaldun tidak meneruskan pelajaran buat sementara waktu.
- Pada tahun 755 beliau dilantik menjadi ahli majlis pengajian tinggi di Farsi dan dinaikkan pangkat menjadi setiausaha peribadi Aultan Abu Inan.
- Beliau rajin membuat penyelidikan ilmiah dan di farsi terdapat banyak kemudahan yang disediakan untuk itu.

27.4 SUMBANGAN DAN KESAN PENINGGALAN

BIDANG EKONOMI

- Berpendapat bahawa rezeki Allah hendaklah dinikmati dengan adil dan saksama
- Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada kekuatan ekonominya
- Manusia adalah pemegang amanah harta dan harus menguruskan dan membelanjakan mengikut syariat.

BIDANG SEJARAH

- (a) merupakan pengasas ilmu filosof sejarah yang terkemuka di zamannya
- (b) Menggariskan empat perkara yang perlu dilakukan oleh sejarawan dalam penelitian dan analisis laporan sejarahnya iaitu
 - i. Membandingkan antara peristiwa-peristiwa berdasarkan sebab dan musabab
 - ii. Mengkaji peristiwa lalu untuk dijadikan iktibar kepada peristiwa yang sedang berlaku
 - iii. Mengambil kira pengaruh iklim dan alam sekitar terhadap apa yang berlaku
 - iv. Mengambil kira kedudukan ekonomi dan budaya terhadap peristiwa yang berlaku

BIDANG POLITIK

- pernah aktif dalam bidang politik dan menjawat jawatan jawatan penting sebelum bersara
- Berpendapat Islam adalah asas penting untuk membina peribadi dan negara
- Tamadun yang sebenar adalah tamadun yang berasaskan akhlak dan sistem politik yang sebenar adalah kekuasaan sistem yang berteraskan nilai akhlak dan moral.

BIDANG SOSIOLOGI

- Merupakan pengasas ilmu sosiologi
- Berpendapat bahawa manusia adalah makhluk sosial yang tidak mungkin dapat hidup bersendirian
- Manusia perlu melakukan perhubungan, interaksi dan komunikasi untuk memenuhi keperluan hidup.

HASIL KARYA

- Al Ibar dan At Ta'rif yang membicarakan secara terperinci mengenai masyarakat, asal usul, kewujudan bandar dan desa, masalah ekonomi dan ilmu pengetahuan
- Kitab al Ikbar iaitu kitab mengenai sejarah dunia
- Kitab Tarikh al Islam menerangkan tentang sejarah dunia
- Kitab al Ibaru wa al Diwan al Muftada'wa al Khabaru fi al Arabi wa al Al Ajam wa al barbar merupakan panduan daftar benda dan cerita mengenai sejarah Arab, Parsi dan barbar
- Huraian Muqadimah Ibnu Khaldun yang merupakan karya agung dalam membina tamadun manusia dalam menguasai berbagai ilmu.

27.5 KEISTIMEWAAN IBNU KHALDUN

- pada 751 H beliau memegang jawatan setiausaha khas bahagian surat menyurat
- Pada 755 H dilantik menjadi salah seorang ahli majlis pengajian di Farsi

- Pernah dilantik menjadi setiausaha peribadi Aultan Abu Inan
- Pada 760H dilantik menjadi setiausaha tertinggi di farsi pada masa pemerintahan Sultan Abu Salam
- Pernah berkhidmat dengan kerajaan Granada semasa pemerintahan Sultan Muhammad IV pada 1361 M
- Menjadi perdana Menteri Granada pada 766 – 776 H semasa pemerintahan Abu Abdullah Muhammad al Khafsi

- Pada 784 beliau berpindah ke Mesir dan menjadi guru di Al Azhar
- Pada 784 H beliau memegang jawatan Ketua Hakim bagi mazhab maliki bersama tiga Ketua Hakim yang lain
- Pada 803 H beliau bertemu dengan Timurlance kerana berunding perdamaian dengan pihak Mesir

TAJUK 28 : JAMALUDIN AL AFGHANI

28.1 RIWAYAT HIDUP

- Nama sebenar beliau ialah Muhammad Jamaludin Al Afghani Al Husaini
- Beliau dilahirkan pada tahun 1838 M bersamaan dengan 1254 H di bandar Asad Abad, Kabul.
- Beliau mempunyai pertalian darah dengan periwayat hadis iaitu Imam Tarmizi dan seterusnya kepada Saidina Ali bin Abi Talib
- Beliau suka mengembara dan telah mengembara ke Najaf, India, Makkah, tehran dan Khurasan.
- Meninggal dunia pada tahun 1897 M bersamaan tahun 1314 H ketika berusia 60 tahun.
- Beliau banyak menghabiskan masa dan usianya dengan menuntut ilmu dan berjuang membebaskan umat Islam dari kongkongan penjajah dari segi pemikiran dan tindakan.

28.2 SIFAT PERIBADI

- Merupakan seorang pelopor kebangkitan orang Islam di beberapa tempat seperti tehtan dan Moscow.
- Beliau meniupkan semangat perjuangan dan menentang penjajah demi kemajuan diri dan agama.
- Beliau kreatif menghasilkan karya yang bermutu.
- Antara keperibadian yang dimiliki ialah:
 - i. Mencintai ilmu pengetahuan
 - ii. Berani memperjuangkan kebenaran
 - iii. Mempunyai akal fikiran yang cerdas dan berpandangan jauh
 - iv. Memiliki semangat jihad yang tinggi
 - v. Mempunyai kewibawaan dan kebolehan sebagai seorang pemimpin
 - vi. Petah berpidato dalam meniupkan semangat perjuangan di kalangan masyarakat Islam.

28.3 PENDIDIKAN

- Mendapat pendidikan awal dari orang tuanya dalam bidang ilmu agama dan Bahasa Arab
- Peringkat permulaan beliau mempelajari asas-asas Bahasa Arab seperti nahu dan sastera.
- Kemudian beliau mempelajari ilmu-ilmu keagamaan
- Beliau hafaz al Qur'an ketika berusia 12 tahun
- Beliau mendalami beberapa ilmu lain ketika berada di Najaf
- Beliau mempelajari ilmu-ilmu moden di India seperti sains dan matematik
- Karya beliau yang pertama bertajuk "Keterangan Lengkap Sejarah Afghanistan"

28.4 PANDANGAN TENTANG KESEJAHTERAAN MANUSIA

- Akal rakyat harus dibersihkan daripada kepercayaan tahyul dan kebodohan

- Seseorang harus merasakan dirinya dapat mencapai tingkat kemuliaan budi yang tinggi dan mempunyai keinginan untuk memilikinya
- Rukun Islam wajib dijadikan pengajaran pertama dan diajarkan kepada semua umat Islam
- Di kalangan umat Islam hendaklah ada yang menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat Islam serta mendidik mereka supaya berbudi pekerti mulia.
- Para pelajar Islam mestilah muncul sebagai kuasa politik dan alat penyelamat kesucian al Qur'an.
- Kesedaran yang tinggi dapat menguasai ilmu pengetahuan Islam yang lebih mendalam.
- Menyesuaikan agama dan falsafah dalam Islam dengan buah fikiran baru berdasarkan ilmu pengetahuan.

28.5 CABARAN YANG DIHADAPI OLEH JAMALUDIN AL AFGHANI

Kesan dari pengembaraan beliau ke merata tempat telah memberi idea dalam pembaharuan. Antara cabaran yang dihadapi oleh beliau sepanjang pengembaraannya ialah:

- Pihak Inggeris tidak mahu beliau bergerak cergas dalam politik sehingga beliau terpaksa di awasi di kabul
- Beliau dapat keluar dari kabul ke Makkah dengan alasan untuk menunaikan ibadat haji
- Beliau dilarang pergi ke Iran kerana di sana di dapati telah berlaku pemberontakan terhadap Ingeris di bawah pimpinan Amir a'zam Khan.
- Beliau telah pergi ke India dan menemui ulama di sana tetapi akhirnya di buang negeri.
- Beliau pergi ke kaheerah dan sempat bertemu dengan ulama di sana dan pelajar-pelajar Universiti Al Azhar
- Beliau seterusnya merantau ke Turki semasa pamarintahan Aultan Abdul Aziz Mahmud, Ali Basya dan Puad Basya.
- Beliau bergerak dalam politik di Turki dengan menyampaikan syarahan kepada institusi pengajian tinggi
- Beliau merantau lalu singgah di Mesir pada awal Muharram tahun 1288H dan bertemu dengan pembesar Basya dan menetap di sana kerana mendapat kebebasan yang penuh
- Di sana beliau bertemu dengan ramai pelajar termasuk Muhammad Abduh sehingga wujudnya gerakan Al Islah.

28.6 GERAKAN AL ISLAH

- Semasa menetap di Mesir beliau bersama Muhammad Abduh telah menyemarakkan gerakan pemikiran beliau yang dikenali sebagai gerakan Al Islah
- Beliau bersama Muhammad Abduh mula mengubah pemikiran masyarakat Islam bagi menentang kuasa penjajahan seluruh negara
- Gerakan mereka adalah melalui penyebaran, syarahan, perbincangan dan sebagainya

- Beliau mengubah cara berfikir umat Islam dengan mengeneipkan pemikiran barat
- Kegiatan ini membimbangkan pihak musuh terutama Perancis, British dan sekutunya
- Beliau pernah dibuang negeri dan pulang ke Bombay dan Culcutta tetapi akhirnya beliau dibenarkan pergi ke Eropah pada 1300h
- Perjuangannya diteruskan dengan penerbitan majalah “al Urwatul Wusqa” yang dikeluarkan pertama kalinya di paris pada tahun 1301 H
- Antara tahun 1303 – 1309 H beliau meneruskan pengembaraan dan bertemu dengan pemimpin gerakan di Taهران, Mosco, Munich, Baghdad dan sebagainya.

28.7 PENGARUH AL ISLAH DI TANAH MELAYU

Aliran al Islah ini telah berkembang di Tanah melayu dan terdapat dua aliran al Islah di Tanah melayu

(a) Aliran dari Asia Barat

- i. Aliran ini bersumberkan pemikiran tokoh mujahiddin seperti Ibnu taimiyah, Muhammad Abdul Wahab, Jamaludin Al Afghani, Muhammad Abduh dan Rasyid Al Redha
- ii. Pengaruhnya dikembangkan melalui para siswazah pengajian Islam Tinggi di Mesir dan Mekah seperti Syeikh Tahir Jalaludin, Sayyed Sheikh Al Hadi

(b) Aliran dari India

- i. Aliran ini bersumberkan kepada Syikh Waliullah Al Dahlawi
- ii. Gerakan ini telah mengeluarkan majalah dan beberapa penerbitan untuk menyampaikan pembaharuan dan perkembangan dalam dan luar negeri

- iii. Antara penerbitan luar negeri ialah
 - a. Al Urwatul Wusqa pimpinan al Sayyed Jamaludin Al Afghani dan Muhammad Abduh
 - b. Al Manar pimpinan Rasyid Redha
- iv. Penerbitan dalam negeri ialah
 - a. Al Um (1906M)
 - b. Saudara (1923M)
 - c. Edaran Zaman (1926M)
 - d. Al Ikhwan (1926M)
 - e. Seruan Azhar dan Pilihan Timur oleh pelajar-pelajar dari Mesir

- (c) Gerakan ini menghasilkan kesan positif dan membina serta meningkatkan daya fikir umat Islam
- (d) Gerakan ini telah mengubah corak hidup umat Islam supaya lebih kritis dan dekat dengan ajaran Islam berpandukan AL Qur'an dan Hadis.
- (e) Perubahan dan pembaharuan mula meresap secara beransur dalam sukatan pendidikan Islam secara formal dan tidak formal.

28.9 KESAN PENINGGALAN

- Menyedarkan umat Islam tentang kewajipan mereka terhadap agama dan melaksanakan perintah Allah
- Menaikan semangat perjuangan revolusi menentang penjajahan yang akhirnya merebak ke Sudan, Iran, Turki dan sebagainya
- Membetulkan penyelewengan Al Qur'an dan hadis
- Karya-karya beliau:
 1. Al Raddu Alad Dahriyyin
 2. Al Khatirat
 3. Al Urwatul Wusqa
 4. Al A'malul-Kamilat

29. SHEIKH MUHAMMAD ABDUH

29.1 RIWAYAT HIDUP

- Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Sheikh Abduh Khairudin
- Beliau dilahirkan pada tahun 1849 M bersamaan 1266 H di Mallah An Nasr, Mesir.
- Beliau mempunyai hubungan kekeuargaan dengan Saidina Umar Al Khatab dari sebelah ibunya.
- Ayahnya ialah seorang petani yang bercita-cita tinggi
- Sheikh Muhammad Abduh adalah rakan seperjuangan dan anak murid kepada Jamaludin Al Afghani
- Meninggal dunia pada 1323 H di Iskandariah ketika berusia 56 tahun.

29.2 SIFAT PERIBADI

- Merupakan intelektual Islam yang masyhur dan tokoh gerakan pembaharuan pemikiran Islam
- Merupakan tokoh pejuang menentang penjajah. Perjuangan beliau menjadi inspirasi kepada pejuang kemerdekaan di Eropah dan Asia.
- Beliau mempunyai daya ingatan yang kuat, kecerdasan dan ketajaman akal fikiran
- Mempunyai semangat juang yang tinggi dan tabah menghadapi rintangan
- Brcita-cita tinggi untuk memajukan masyarakat Islam
- Berdaya kreatif dalam menghasilkan tulisan yang bernas hingga dapat mempengaruhi pemikiran orang Islam

- Suka melakukan kebaikan dan kebajikan
- Berakhlak mulia, zuhud dan rajin beribadat.

29.3 PENDIDIKAN

- Mendapat pendidikan awal dari ulamak –ulaman kampungnya.
- Melanjutkan pengajian di Pusat pengajian Jamik Al Ahmidi di Tanta.
- Dalam masa dua tahun sahaja beliau telah menghafaz al Qur'an.
- Tidak lama kemudian beliau mendalami ilmu-ilmu agama dan akademik di Universiti al Azhar.
- Beliau adalah anak murid kepada Jamaludin Al Afghani yang paling baik dan pintar
- Semasa di Universiti Al Azhar beliau telah mendapat bimbingan daripada gurunya yang bernama Sheikh Hassan al Tawil
- Setelah tamat pengajian pada tahun 1889 M , beliau menjadi pendidik di Universiti Al Azhar dan Darul Ulum
- Beliau telah melakukan beberapa pembaharuan di Universiti al Azhar setelah dilantik menjadi anggota pengarang Universiti tersebut pada tahun 1894 M.

29.4 ALIRAN PEMIKIRAN MUHAMMAD ABDUH DAN PERJUANGANNYA

- Dengan ijazah yang diperolehinya beliau menjadi guru di Sekolah Tinggi al Khadawiyah di Universiti Al Azhar al Syarif
- Beliau telah memberi penekanan akidah dengan berasaskan kenyataan dan pembuktian serta bidang aqliyah yang menganjurkan pembaharuan dan penyelidikan seperti logik dan falsafah.
- Setelah bertindak secara aktif menentang penjajah, akhirnya beliau di tahan dan diberhentikan khidmatnya serta dihantar ke sebuah kampung bernama Mahallah Nasr.
- Pemikirannya diperluas semasa berada di Perancis dengan menerbitkan majalah "al Urwatul Wusqa"
- Pada tahun 1884, tercetus gerakan revolusi gerakan Al Mahdiyah di Afrika Utara. Beliau pergi ke London menurut arahan Syid Jamaludin AL Afghani bagi menemui pemimpin British.
- Beliau pernah dilantik menjadi guru sekolah Al Sultaniah di Beirut.
- Beliau pernah memegang jawatan hakim daerah. Beliau juga dilantik menjadi anggota majlis Universiti Al azhar
- Pada tahun 1889 beliau kembali ke Mesir dan kemudiannya pada tahun 1890 memegang jawatan anggota Mahkamah Agung
- Pada tahun 1894 beliau menjadi rektor universiti al Azhar dan membentuk aturan pelajaran Universiti tersebut
- Pada Jun 1899, beliau dilantik menjadi mufti Kerajaan Mesir hingga akhir hayatnya iaitu pada tahun 1905.
- Pada tahun 1900 berlaku perdebatan antara beliau dengan Monsieurn Gabriel Hanotaux, menteri luar Perancis yang terkenal. Perdebatan ini dikenali sebagai "Perdebatan Antara Eropah Dan Islam"
- Beliau sangat menentang umat Islam yang bertaqlid dengan tidak mengetahui keadaan yang sebenar.

29.5 SARANAN PEMBAHARUAN MUHAMMAD ABDUH

- Menyeru masyarakat Islam supaya bersatu untuk melepaskan diri dari penjajah
- Menyeru umat Islam supaya berfikir mengikut keupayaan masing-masing tanpa mengikut pendapat orang lain
- Menggalakan umat Islam supaya mempelajari ilmu Sains kerana ilmu itu tidak bercanggah dengan syariat Islam sekiranya difahami dan dilaksanakan dengan betul
- Menyeru umat Islam supaya mengadakan pembaharuan dalam semua bidang kehidupan untuk memajukan bangsa dan agama

- Menggalakan umat Islam supaya menggunakan bahasa Arab dalam bidang kesusasteraan kerana Bahasa itu ialah Bahasa Al Qur'an.

29.6 METHOD ISLAH SEIKH MUHAMMAD ABDUH

- Proses pengajaran di Masjid al Husin, Darul Ulum dan Universiti al Azhar
- Melalui media massa seperti majalah Al Urwah al Wuthqa serta akhbar
- Karya-karya ilmiah
- Jawatan yang disandang seperti hakim mahkamah rayuan Mesir, anggota majlis Pengurusan Universiti al Azhar dan mufti kerajaan Mesir

29.7 SUMBANGAN DAN KESAN PENINGGALAN

- Mewujudkan mata pelajaran matematik, geometri, algebra, geografi, sejarah dan seni khat
- Mewujudkan piawaian dalam penyerahan sijil
- Mewujudkan farmasi khusus untuk pelajar Universiti al Azhar
- Merupakan seorang penulis Islam yang terkenal yang berjaya menghasilkan banyak karya yang bermutu tinggi dan bernas
- Membangkitkan semangat baru dalam Islam dan dianggap mujaddid oleh murid-muridnya di Mesir dan di seluruh dunia
- Beliau bersama Jamaludin AL Afghani bersatu menentang penjajahan Inggeris
- Memimpin gerakan pembaharuan Islam di Mesir dan Timur Tengah dengan mengatur bahagian-bahagian di dalam agama Islam dalam bentuk yang asal dan menyesaikannya mengikut kemajuan.
- Meniup semangat baru kepada pelajarannya untuk berfikir mengikut perkembangan dan kemajuan zaman
- Beliau merupakan pengasas Gerakan Ikhwaniul Muslimin yang memperjuangkan keadilan sosial untuk mewujudkan penyatuan masyarakat
- Manusia mesti menggunakan perbandingan atau qias tentang kejadian alam ini, ketertiban susunannya dan pertalian antara sebab dan musabab
- Hasil karyanya:
 - i. Al Islam wa Nasraniyah maal ilmi wal Madaniyah pada tahun 1902. Buku ini menerangkan tentang pembelaan Islam terhadap kecaman Nasrani atau Kristian
 - ii. Risalah Tauhid pada tahun 1897
 - iii. Menterjemahkan kitab Al Radd ala al Dahrain karangan Sayyid Jamaludin dari Bahasa Parsi ke Bahasa Arab
 - iv. Tafsir Juzuk Amma, Tafsir surah Al Ashr, Al waridah dan Al Qawaid al Misriah

TAJUK 30 SHEIKH TAHIR JALALUDDIN

30.1 RIWAYAT HIDUP

- Nama sebenar beliau ialah Muhammad Tahir b Sheikh Muhammad bin Ahmad Jalaluddin
- Beliau lebih dikenali dengan nama Sheikh Tahir Jalaludin atau Sheikh Muhammad Tahir Jalaludin Al Azhari
- Beliau dilahirkan di Ampik Angkek, Bukit Tinggi, Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia pada tahun 1869 M bersamaan tahun 1286 H

- Beliau berasal dari keluarga yang berilmu. Bapanya Sheikh Muhammad merupakan ulama dan hakim yang masyhur.
- Meninggal dunia pada 26 Oktober 1956 bersamaan tahun 1376 H di Kuala Kangsar perak.

29.8 SIFAT PERIBADI

- Merupakan pelopor gerakan reformasi Islam di Nusantara

- Beliau adalah guru kepada Haji Abdul Karim Amrullah (HAMKA) dan Haji Abdullah Ahmad yang merupakan tokoh gerakan pembaharuan Islam di Minangkabau
- Berjuang merubah pemikiran masyarakat Islam kepada pemikiran yang merdeka dan maju dalam semua bidang kehidupan.
- Meniupkan semangat keislaman di kalangan umat Islam dan mengeluarkan rakyat dari kongkongan penjajah.
- Seorang yang bijak dan petah berhujah serta mempunyai semangat yang tinggi di samping kreatif dalam menghasilkan tulisan yang bermutu.
- Beliau mempunyai pegangan agama yang kukuh
- Tegass dan memiliki semangat perjuangan yang tinggi
- Bersifat rendah diri, tawadduk dan berfikiran jauh untuk memajukan umat Islam

29.9 PENDIDIKAN

- Sheikh Tahir dihantar ke Mekah oleh orang tuanya untuk mempelajari ilmu agama dan menetap di sana selama dua tahun
- Beliau kemudiannya menuntut di Universiti Al Azhar, Mesir dan sezaman dengan Sheikh Muhammad Abduh
- Beliau banyak terpengaruh dengan pemikiran Jamaludin Al Afghani dan Muhammad Abduh serta bersahabat dengan Sayyid Muhammad Rashid Redha.
- Selepas tamat pengajian di Mesir beliau kembali ke Mekah untuk mengajar ilmu selama dua tahun
- Pada tahun 1899, Sheikh Tahir Jalaudin pulang ke Tanah Air dan mengembangkan ilmunya serta membuat pembaharuan untuk memajukan masyarakat Islam
- Tidak lama kemudian beliau menetap di Tanah Melayu dan mengembangkan idea pembaharuan dan kefahaman Islam.

29.10 IDEA ISLAH SHEIKH TAHIR

- Sepanjang persahabatan dengan Sayid Muhammad Rashid Redha, murid Sayid Muhammad Abduh semasa di Universiti Al Azhar, beliau tertarik dengan idea Islam.
- Sekembalinya ke Malaysia beliau berusaha untuk memberi kesedaran tentang kebebasan berfikir terhindar dari kongkongan khurafat serta penjajahan luar
- Antara mesej Sheikh Tahir Jalaluddin ialah
 - i. Mengajak umat Islam supaya mengamalkan ajaran Islam berasaskan al Qur'an dan sunnah
 - ii. Membebaskan ajaran Islam dari adat lama yang sebahagiannya dipusakai dari agama Hindu
 - iii. Menjauhkan pengaruh negatif dari luar khususnya barat
 - iv. Berusaha mempelajari pelbagai ilmu Fardhu ain dan farhu Kifayah

29.11 METHOD SHEIKH TAHIR JALALUDDIN

- Penerbitan akhbar. Beliau bersama Sayid Sheikh al Hadi menerbitkan majalah al Imam pada 1324 H/ 1906M di Singapura dan dihentikan penerbitan pada tahun 1908. Majalah al Munir (Indonesia/1908), Neraca

(Singapura/1911) dan Pengasuh di Malaysia pada 1918.

- Jawatan yang disandang. Beliau dilantik menjadi mufti di Perak dan Johor dan menggunakan kesempatan itu dengan baik untuk menyampaikan idea Islam
- Proses pengajaran. Beliau pernah menjadi guru di Madrasah al Masyhur (pulau Pinang), Madrasah Haji Taib Parit Jamil (Johor) dan menyebarkan idea Islam di sana.

29.12 KEGIGIHAN SHEIKH TAHIR DALAM MEMPERJUANGKAN IDEA ISLAH

- Memberi kesedaran dan kebangkitan semangat nasionalis kepada umat Islam di Tanah Melayu untuk menentang penjajah
- Beliau berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membebaskan pemikiran orang-orang Melayu pada waktu itu yang percaya kepada perkara khurafat dan syirik
- Menganjurkan umat Islam agar berfikir ke arah perkara yang membawa kemajuan dan bukan bertaklid semata-mata
- Beliau bergerak cergas dalam Gerakan Islam di Tanah Melayu dan bertugas sebagai guru di Sekolah Agama Johor Bahru pada tahun 1914
- Beliau menyebarkan fahamannya dalam usaha mengubah masyarakat dalam majlis ramah mesra yang diadakan pada tahun 1928.
- Beliau menyebarkan fahaman golongan muda supaya masyarakat Islam berkembang dan berubah setanding dengan perkembangan dunia moden
- Beliau bekerjasama dengan Sheikh Muhammad bin Salim Al Kalali dalam menerbitkan majalah al Imam untuk menyalurkan pemikiran dan pembaharuan di kalangan masyarakat
- Menyeru umat Islam supaya membaharu cara hidup berlandaskan ajaran al Qur'an dan Sunnah
- Menubuhkan Pusat pendidikan di Singapura iaitu Madrasah Al Iqbal Al Islamiyah dalam usaha mengembang pendidikan Islam
- Beliau turut berkecimpung dalam bidang kesusasteraan Melayu untuk memberi semangat keislaman di kalangan masyarakat Melayu.
- Beliau mendapat kekangan dari penjajah. Akibatnya pada tahun 1927 Sheikh Tahir telah dipenjarakan oleh pihak Belanda selama 9 bulan.

36.7 SUMBANGAN DALAM BIDANG ILMU

- Bidang pemikiran. Menyalurkan idea Islam serta maklumat intelektual Islam untuk membebaskan masyarakat Melayu dari sebarang unsur penjajahan
- Bidang Pendidikan. Pada 1908 telah menubuhkan Madrasah Al Iqbal al Islamiyah di Singapura
- Bidang Ilmu Falak. Merupakan pengembang ilmu falak di Malaysia dan digelar al Falaki
- Bidang kesusasteraan. Beliau merupakan penggiat sastera melalui tulisan-tulisan dalam majalah al Imam dan sebagainya.

31 HAMKA**31.1 RIWAYAT HIDUP**

- Nama sebenar ialah Haji Abdul Malik bin Sheikh Abdul Karim bin Sheikh Muhammad Amrullah
- Beliau lebih dikenali dengan panggilan HAMKA
- Dilahirkan pada 16 Februari tahun 1908 M bersamaan 13 Muharram 1362H di Tanah Sirah, Sungai Batang, Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia.
- Berasal dari keturunan alim Ulama
- Meninggal dunia pada 24 Julai 1981 di Malaysia ketika berusia 73 tahun

31.2 SIFAT PERIBADI

- Hamka merupakan seorang ulama yang terkemuka di Asia Tenggara
- Merupakan seorang novelis yang terkenal dan telah menghasilkan beberapa karya yang dapat mempengaruhi jiwa pembacanya
- Beliau memberi sumbangan yang besar dalam bidang kesusasteraan dan kemajuan umat Islam. Beliau juga dikenali sebagai Hamzah Fansuri zaman baru
- Merupakan ahli politik yang berwibawa
- Merupakan seorang yang pintar dan bijak serta mahir dalam Bahasa Arab
- Seorang penulis dan pengarang yang masyhur

31.3 PENDIDIKAN

- Pada peringkat permulaan beliau belajar membaca al Qur'an daripada ayahnya
- Bersekolah di Padang Panjang dan mengikuti kelas agama di Pasar Usang
- Tidak berapa lama kemudian, beliau merantau dari tanah Jawa dan mendapat pengalaman baru dari ceramah yang dianjurkan oleh Sarekat Islam dan pertubuhan Muhammadiyah di Tanah Jawa
- Berpeluang mempelajari ilmu Tafsir al Qur'an dari ulama di sana iaitu Kiyai Bagus Hadikusumo

31.4 SUMBANGAN DAN PERJUANGAN HAMKA**31.4.1 AKTIVITI DAKWAH DAN PENULISAN**

- Ketika umurnya 16 tahun beliau sudah mula berpidato di merata tempat dengan memberi penekanan kepada semangat dan kesedaran baru bagi umat Islam
- Ketika berusia 17 tahun beliau balik ke Minangkabau dan mula berdakwah dan menerbitkan majalah bertajuk Khitab al Ummah
- Pada tahun 1927 beliau telah berangkat ke Mekah bersama rombongan jemaah haji dan menubuhkan persatuan Hindia Timur bertujuan memberi pengajaran agama kepada jemaah haji dari Indonesia
- Kegiatan dakwahnya bertambah hebat selepas menubuhkan kolej yang dinamakan Kuliah Al Mubalighin pada tahun 1935
- Kolej ini berjaya melahirkan beberapa tokoh seperti Kiyai Haji Ghazali Sahlan, prof Zakiah Darajat dan lain-lain.
- Pada tahun 1958 beliau telah diundang oleh Universiti al Azhar, Mesir dan di anugerahkan gelaran Doktor Kehormat

31.4.2 ORGANISASI DAN POLITIK

- Bergerak cergas dalam pergerakan Muhammadiyah dan dilantik menjadi pemimpin sekolah tabligh
- Pada tahun 1934, beliau dilantik menjadi anggota tetap majlis Konsul Muhammadiyah di Sumatera Tengah.
- Antara tahun 1942-1945, Jepun menakluki Indonesia menyebabkan segala kegiatan beliau terhenti
- Pada tahun 1946, beliau dilantik menjadi ketua dalam pergerakan Muhammadiyah, beliau dapat menjelajah ke seluruh negara untuk meneruskan kegiatan dakwahnya
- Semasa pergolakan politik di Indonesia, beliau dilantik sebagai ketua dalam pergerakan bersenjata di Sumatera Barat yang diberi nama APM dan berjaya menghalau Belanda dari Sumatera Barat
- Pada tahun 1949, Hamka berpindah ke Jakarta dan mempunyai peranan yang lebih besar dengan menjadi anggota akhbar "Merdeka" dan majalah "Pemandangan"
- Pada tahun 1955 beliau mewakili badan politik bagi parti Masumi
- Pergolakan politik di Indonesia menyebabkan Presiden Sukarno mengeluarkan perintah supaya sistem demokrasi pemimpin dilaksanakan dan pada tahun 1960 parti Masumi diharamkan
- Pada 27 Januari Hamka telah ditangkap dan dipenjarakan atas hasutan komunis.
- Semasa dalam penjara beliau sempat mengarang tafsir Al Azhar yang berasl dai kuliah subuh di Masjid Al Azhar sejak tahun 1959
- Dibebaskan pada 21 Januari 1966.
- Antara tahun 1968 – 1977 beliau banyak menyertai persidangan penting di luar negeri seperti Riyadh, Mekah, Kuala Lumpur dan Kaohar.
- Beliau pernah menjadi ketua majlis ulama Indonesia dari tahun 1975 – 1981

31.5 KESAN PENINGGALAN DAN KARYA

- Menerbitkan Kitab Al Ummah semasa berada di Minangkabau
- Menerbitkan majalah "Pedoman Masyarakat" pada tahun 1936 semasa berada di Medan
- Menghasilkan buku-buku antaranya ialah:
 - i. Di Bawah Lindungan Kaabah
 - ii. Pedoman Mubaligh Islam
 - iii. Tasawuf
 - iv. Falsafah Hidup
 - v. Revolusi Fikiran
 - vi. Pengaruh Muhammad Abduh di Indonesia
 - vii. Tafsir Al Azhar (30 Juzuk)
 - viii. Sejarah Umat Islam
 - ix. Lembaga Budi

31.6 PANDUAN HIDUP DARI HAMKA

- Menuntut ilmu memerlukan kesabaran yang tinggi
- Setiap orang boleh berjaya asalkan sanggup bekerja kuat dan mengatur langkah-langkah yang baik
- Setiap muslim haruslah memikirkan kejayaan boleh diikuti melalui pengorbanan dan usaha

TAJUK 32: ADAB BERMUSAFIR**32.1 PENGERTIAN**

Bermusafir ialah merantau ke suatu tempat lain dengan tujuan yang baik

32.2 HUKUM BERMUSAFIR

- Wajib bagi seseorang muslim yang berkemampuan bermusafir ke Mekah untuk menunaikan haji dan umrah yang wajib
- Sunat untuk menziarahi 3 buah masjid iaitu Masjidil Haram, Masjid an Nabawi dan Masjid al Aqsa serta bermusafir untuk melakukan perkara sunat seperti menziarahi saudara mara
- Harus bermusafir ke mana sahaja dengan tujuan yang diharuskan oleh syarak
- Makruh Bermusafir dengan tidak mempunyai tujuan dan matlamat
- Haram bermusafir ke tempat-tempat maksiat atau menyaksikan pesta maksiat

32.3 ADAB BERMUSAFIR

- Sebelum memulakan perjalanan kita hendaklah memohon petunjuk dari Allah dan meminta nasihat dari orang berpengalaman

- Menyediakan bekalan yang mencukupi sepanjang musafir
- Melantik ketua sekiranya bermusafir lebih dari 2 orang
- Mengucapkan selamat tinggal kepada ahli keluarga dan memaklumkan kepada mereka tempat yang dituju
- Solat sunat musafir dan berdoa sebelum meulakan perjalanan
- Menjaga ibadat seperti solat, menutup aurat dan sebagainya
- Menjaga akhlak dan pergaulan agar menjadi contoh kepada orang lain

32.4 KEPENTINGAN MENJAGA ADAB BERMUSAFIR

- Perjalanan mendapat rahmat dan kemurkaan Allah
- Sekiranya berlaku pertelingkahan ketua yang dilantik akan menyelesaikannya
- Supaya tidak berlaku kerosakan alam
- Mengelakkan dari terjerumus ke lambah maksiat
- Menyebarkan dakwah melalui pergaulan dan akhlak yang baik

TAJUK 33 ADAB BERNEGARA**33.1 PENGERTIAN NEGARA**

Negara ialah kawasan yang tertentu yang didiami oleh manusia dan dipeintah oleh sebuah kerajaan

33.2 ADAB-ADAB BERNEGARA

- Semua rakyat perlu mempertahankan negara dari ancaman musuh sama ada dari dalam atau luar negara
- Mengekalkan kemakmuran yang dikecapi agar rakyat memperoleh manfaatnya
- Menyemai sikap cintakan negara dan sanggup bekorban untuk negara
- Mempuk semangat patriotik tanpa mengira bangsa dan agama
- Mencurahkan bakti kepada negara untuk keselamatan dan kemajuan negara
- Menjaga imej negara pada pandangan masyarakat dunia

33.3 KEPENTINGAN MEMELIHARA ADAB BERNEGARA

- Masyarakat akan sentiasa hidup dalam keadaan yang harmoni dan aman damai
- Pelabur luar akan tertumpu kerana kestabilan dan kemanannya
- Ekonomi negara akan sentiasa meningkat kerana kemakmuran dan jati diri masyarakat
- Negara akan sentiasa disanjung oleh masyarakat luar kerana sifat patriotisme

33.4 KESAN POSITIF SEKIRANYA MEMELIHARA ADAB BERNEGARA

- Seseorang sentiasa akan mendahulukan kepentingan negara dalam tindakannya
- Masyarakat akan sentiasa memikirkan sumbangan yang boleh diberikan kepada negara
- Melahirkan individu yang prihatin terhadap perkembangan dunia luar terhadap negara
- Perbezaan kaum dan bahasa tidak lagi menjadi halangan untuk meningkatkan produktiviti negara

33.5 KESAN NEGATIF SEKIRANYA TIDAK MEMELIHARA ADAB BERNEGARA

- Musuh sentiasa akan mencari peluang untuk menyerang akibat ketidaksatubalan negara
- Ekonomi negara akan terbantut disebabkan rakyat tiada sikap patriotisme
- Rusuhan akan berlaku kerana perasaan hormat menghormati tidak lagi wujud

33.6 SIKAP WARGANEGARA YANG BAIK

- Sentiasa hormat menghormati antara satu sama lain
- Sentiasa berlumba-lumba untuk mengharumkan nama negara
- Mendengar arahan pemerintah dengan fikiran yang matang
- Mendahulukan kepentingan negara dari kepentingan peribadi
- Melakukan usaha yang berterusan untuk mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik

TAJUK 34 ADAB DENGAN PEMIMPIN**34.1 ADAB TERHADAP PEMIMPIN**

- Mentaati pemimpin selagi tidak tersasar daripada ajaran Allah
- Menghormati pemimpin dengan memberikan kerjasama yang sewajarnya

- Sentiasa mendengar pandangan dan nasihat yang disampaikan oleh pemimpin
- Melaksanakan segala arahan yang membawa kepada kepentingan ummah dan pembangna negara

- Sentiasa berganding bahu bersama pemimpin untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh
- 34.2 FAEDAH MENTAATI PEMIMPIN**
- Menjadi satu amalan dalam ajaran Islam supaya rakyat sentiasa mentaati pemimpin untuk kebaikan dunia dan akhirat
 - Melahirkan satu masyarakat yang prihatin terhadap pembangunan negara
 - Mewujudkan hubungan dua hala antara rakyat dan pemimpin yang akan menguatkan lagi keharmonian rakyat
 - Menjadi contoh kepada dunia luar tentang kesatuan matlamat dan agenda antara rakyat dan keimpinan negara
- 34.3 IMPLIKASI SEKIRANYA RAKYAT TIDAK MENTAATI PEMIMPIN**
- Kedudukan politik negara akan terancam apabila rakyat tidak sehaluan dengan pemimpin
 - Kemanan negara akan tergugat apabila pemimpin dan rakyat sentiasa bertelagah antara satu sama lain
 - Pihak musuh akan sentiasa cuba untuk menghancurkan ekonomi dan kestabilan negara
 - Keadaan huru hara dalam negara akan sentiasa berlaku dan akhirnya akan membawa kepada kehancuran negara

34.4 LANGKAH MELAHIRKAN RAKYAT YANG MENTAATI PEMIMPIN

- Pemimpin perlu sentiasa menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat
- Sentiasa mengadakan aktiviti dan program yang membolehkan rakyat dan pemimpin bersama-sama bertukar pandangan
- Pemimpin perlu menjadi contoh kepada rakyat sama ada dari aspek peribadi, ibadah dan juga wawasan hidup yang jelas
- Pandangan rakyat perlu diambil kira oleh pemimpin untuk mewujudkan hubungan dua hala

34.5 TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN TERHADAP RAKYAT

- Menjadi contoh utama kepada rakyat
- Bersikap adil dalam segala urusan tanpa mengira saudara atau ataupun keluarga
- Memimpin rakyat agar mencintai ajaran agama dan penghayatan ilmu dalam kehidupan
- Berfikiran terbuka dengan mengambil kira pandangan segenap lapisan rakyat sebelum membuat pertimbangan
- Meletakkan amanah sebagai pemimpin suatu tanggungjawab yang besar yang perlu dipikul

TAJUK 35 ADAB BERJIHAD

35.1 PENGERTIAN JIHAD

Menurut bahasa ialah usaha bersungguh-sungguh dengan menggunakan kemampuan yang ada. Dari sudut istilah syarak jihad merupakan usaha yang dilakukan oleh seseorang muslim dengan menggunakan seluruh kemampuan untuk menagakkan Islam dan mendapat keredhaan Allah

35.2 PERINGKAT-PERINGKAT JIHAD

- Berjihad memperbaiki diri sebagai persediaan untuk menghadapi peringkat perjuangan yang lain. Berjihad memperbaiki diri terbahagi kepada empat bahagian
 - i. Mempelajari Islam
 - ii. Mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian
 - iii. Menyebarkan ilmu
 - iv. Sabar dan Ikhlas dalam menyebarkan Islam
- Berjihad melawan syaitan dan terbahagi kepada dua
 - i. Melawan dan menghapuskan keraguan serta waswas yang ada dalam diri
 - ii Menjauhkan diri daripada menurut hawa nafsu dan perkara maksiat

- Jihad melawan orang kafir dan munafik yang boleh dilakukan dengan hati, lidah, harta dan nyawa
- Jihad menghapuskan kezaliman dan kemungkaran

35.3 ADAB BERJIHAD

- Ikhlas dan semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah dengan cara meletakkan kepentingan agama melebihi kepentingan diri
- Sanggup berkorban apa sahaja untuk perjuangan dari segi masa, harta, tenaga dan nyawa
- Sentiasa beriltizam dan istiqamah dalam perjuangan
- Mematuhi arahan dan mempunyai semangat berpasukan

35.4 KELEBIHAN ORANG BERJUANG

- Mendapat ganjaran pahala yang besar di sisi Allah
- Menjadi contoh kepada generasi kemudian atas kegigihan yang telah ditunjukkan
- Memastikan dirinya dan keluarga serta umat Islam sepenuhnya berada dalam keredhaan Allah
- Memiliki sifat jati diri dan kesungguhan dalam perjuangan menegakkan kebenaran

TAJUK 36 ADAB MEMELIHARA ALAM

36.1 KEPENTINGAN MENJAGA ALAM

Kita perlu menjaga alam sekitar dari segala pencemaran untuk menjadikan alam sekitar indah, bersih dan selesa untuk dinikmati

36.2 PUNCA BERLAKU PENCEMARAN ALAM

- (a) Pencemaran Udara iaitu terdapat gas, cecair atau zarah yang terkandung dalam udara sehingga berlaku perubahan yang menjejaskan kehidupan atau bahan-bahan lain. Puncanya adalah seperti berikut:
- i. Bertambah bilangan kenderaan bermotor seperti lori dan kereta

- ii. Asap yang dikeluarkan oleh kilang-kilang
 - iii. Pembakaran terbuka
 - iv. Asap rokok yang mengandungi Karbon Monoksida dan tembakau memberikan kesan terhadap penghisap dan orang sekitarnya
- (b) Pencemaran Air iaitu perubahan yang dilakukan pada kandungan, keadaan dan warna air sehingga tidak sesuai digunakan dan akan memberi kesan kepada manusia. Puncanya adalah seperti berikut
- i. Sisa bahan buangan kilang seperti toksid yang dibuang ke dalam sungai
 - ii. Pembuangan sampah, minyak dan najis ke dalam air

- iii. Pencerobohan hutan boleh menyebabkan hakisan dan mencemarkan sungai
- (c) Pencemaran Tanah iaitu perbuatan yang berlaku pada suatu kawasan sehingga terjadi pertukaran warna, kesuburan dan hakisan. Antar puncanya ialah
 - i. Pembuangan bahan-bahan buangan dari sisa buangan kilang
 - ii. Pembuangan sampah merata-rata
 - iii. Penggunaan racun serangga secara berlebihan
- (d) Pencemaran bunyi iaitu bunyi bising yang keterlaluan sehingga menyakitkan telinga. Pencemaran ini biasanya melebihi 80(A) dB. Puncanya ialah
 - i. Bunyi kenderaan bermotor
 - ii. Bunyi kilang
 - iii. Kuari yang mengeluarkan bunyi pemecah batu dan enjin gerudi
 - iv. Kerja-kerja pembinaan bangunan

Segala pencemaran yang berlaku adalah berpunca dari manusia sendiri disebabkan perasaan tamak dan tidak ada kesedaran tentang kepentingan memelihara alam sekitar

36.3 LANGKAH MENGATASI PENCEMARAN ALAM

- Memberi kesedaran tentang pentingnya memelihara alam sekitar
- Menyediakan kemudahan yang secukupnya untuk memudahkan orang ramai memelihara kebersihan alam seperti menyediakan tempat pembuangan sampah
- Mengadakan gotong-royong untuk membersihkan kawasan kampung atau bandar
- Menggubal dan menguatkuasakan undang-undang yang lebih berat bagi menghukum orang yang melakukan kerosakan kepada alam

36.4 AKIBAT TIDAK MENJAGA ALAM

- berlaku banjir, kemarau dan bencana alam yang lain
- Manusia terpaksa mencipta bahan dari kima untuk menggantikan bahan semula jadi
- Hutan dan binatang semakin pupus dan tidak dapat dinikmati oleh generasi akan datang
- Pencemaran akan membawa kepada kemusnahan manusia

TAJUK 37 ADAB MEMBERI DAN MENERIMA HADIAH SERTA SEDEKAH

37.1 PENGERTIAN

- Hadiah ialah pemberian sebagai satu penghargaan, tanda kasih sayang atau pujian
- Sedekah ialah pemberian yang dilakukan untuk membantu orang lain dan bertujuan mendekatkan diri kepada orang lain

37.2 KELEBIHAN MEMBERI HADIAH DAN SEDEKAH

- Mendapat ganjaran pahala dari Allah dan membalas setiap kebaikan yang dilakukan
- Disukai oleh manusia kerana mereka menggembirakan orang yang menerimanya
- Rezeki akan bertambah kerana Allah telah berjanji akan menggantikan rezeki yang disedekahkan

37.3 JENIS-JENIS SEDEKAH

- Senyuman yang ikhlas kerana wajah yang manis akan memberikan kegembiraan kepada orang lain
- Amar makruf dan nahi mungkar kerana perbuatan ini akan menyebabkan orang lain terhindar dari api neraka
- Menyelesaikan masalah orang lain seperti menunjukkan jalan kepada orang sesat atau sebagainya
- Membuang perkara yang menghalang di jalan kerana menghilangkan kesusahan orang lain

- Wang atau harta kerana membantu meringankan beban orang lain
- Khidmat yang dilakukan dengan menolong orang lain

37.4 ADAB MEMBERI HADIAH DAN SEDEKAH

- Ikhlas kerana Allah tanpa mengharapkan balasan dari makhluk sama ada pujian atau wang ringgit
- Memberi barang yang disayangi bukan barang yang sudah tidak digunakan lagi
- Tidak mengungkit semula barang yang telah diberi
- Barang yang disedekahkan hendaklah barang yang halal di sisi syarak

37.5 ADAB MENERIMA HADIAH ATAU SEDEKAH

- Menerima dengan rasa gembira dan syukur kepada Allah
- Mengucapkan terima kasih dan menerimanya dengan penuh rasa hormat
- Mendoakan agar pemberi mendapat rahmat Allah

37.6 PERKARA YANG MEMBATALKAN SEDEKAH

- Al Mann iaitu mengungkit-ungkit sedekah yang diberi
- Al Adza iaitu menyakiti hati orang itu sama ada melalui perkataan atau perbuatan
- Riya' memperlihatkan kepada orang ramai

TAJUK 38 ADAB BERNIAGA

38.1 PENGERTIAN

Berniaga bermaksud berdagang atau berjual beli iaitu pertukaran harta dengan harta berdasarkan syarat tertentu

38.2 ADAB BERNIAGA

- Amanah iaitu bersikap jujur dan tidak menipu dalam perniagaan
- Ihsan iaitu melaksanakan perniagaan dengan sebaik mungkin dengan tidak mementingkan keuntungan semata-mata
- Kerjasama iaitu bertolak ansur sekiranya timbul sebarang perkara yang tidak diinginkan
- Tekun iaitu bersungguh-sungguh agar perniagaan berkembang

- Menjauhi perkara haram seperti riba, menipu timbangan dan menjual barang haram
- Melindungi hak penjual dan pembeli iaitu saling melindungi hak masing-masing seperti membuat pilihan dan sebagainya

38.3 KEPENTINGAN MEJAGA ADAB BERNIAGA

- Pembeli dan penjual akan merasa puas hati dalam urusan perniagaan
- Kedua-dua pihak akan mendapat ganjaran pahala
- Urusniaga masyarakat Islam akan sentiasa maju dan dihormati oleh orang lain
- Ikatan persaudaraan akan bertambah kuat dan ini akan menjana keharmonian mereka

